

Volume I
No. 33



Friday
11th December, 1964

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RA'AYAT
(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

OFFICIAL REPORT

**FIRST SESSION OF THE SECOND PARLIAMENT
OF MALAYSIA**

CONTENTS

ORAL ANSWERS TO QUESTIONS [Col. 4233]

EXEMPTED BUSINESS (Motion) [Col. 4320]

BILL:

The Supply Bill, 1965—

Committee of Supply (Seventh Allotted Day)—

Head S. 15 } [Col. 4235]
Head S. 16 }
Head S. 17 [Col. 4321]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT

(HOUSE OF REPRESENTATIVES)

Official Report

First Session of the Second Dewan Ra'ayat

Friday, 11th December, 1964

The House met at 9.30 o'clock a.m.

PRESENT:

- The Honourable Mr Speaker, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ the Prime Minister, Minister of External Affairs and Minister of Culture, Youth and Sports, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M. (Kuala Kedah).
- „ the Deputy Prime Minister, Minister of Defence, Minister of National and Rural Development, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N. (Pekan).
- „ the Minister of Finance, ENCHE' TAN SIEW SIN J.P. (Melaka Tengah).
- „ the Minister of Transport, DATO' HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ the Minister of Agriculture and Co-operatives and Minister of Education, ENCHE' MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ the Minister of Health, ENCHE' BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ the Minister of Commerce and Industry, DR LIM SWEE AUN, J.P. (Larut Selatan).
- „ the Minister for Welfare Services, TUAN HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, J.M.N., J.P. (Batang Padang).
- „ the Minister for Sarawak Affairs, DATO' TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ the Minister of Labour, ENCHE' V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ the Minister of Information and Broadcasting, ENCHE' SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ the Minister of Lands and Mines, ENCHE' MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ the Minister without Portfolio, ENCHE' PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ the Assistant Minister of Agriculture and Co-operatives, ENCHE' SULAIMAN BIN BULON (Bagan Datoh).

- The Honourable the Assistant Minister of Culture, Youth and Sports,
ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, J.M.N., S.M.T., P.J.K.
(Trengganu Tengah).
- „ the Assistant Minister of Education, ENCHE' LEE SIOK YEW,
A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ ENCHE' ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ ENCHE' ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu
Utara).
- „ WAN ABDUL RAHMAN BIN DATU TUANKU BUJANG (Sarawak).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS (Sabah).
- „ ENCHE' ABDUL RAUF BIN A. RAHMAN, K.M.N., P.J.K.
(Krian Laut).
- „ ENCHE' ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ ENCHE' ABDUL SAMAD BIN GUL AHMAD MIANJI
(Pasir Mas Hulu).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N.,
S.M.J., P.I.S. (Segamat Utara).
- „ ENCHE' ABU BAKAR BIN HAMZAH (Bachok).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ABDULLAH (Kelantan Hilir).
- „ ENCHE' AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAAID, (Seberang Utara).
- „ CHE' AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ ENCHE' ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ O.K.K. DATU ALIUDDIN BIN DATU HARUN, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ ENCHE' JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ ENCHE' CHAN SIANG SUN (Bentong).
- „ ENCHE' CHIA CHIN SHIN, A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ ENCHE' CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ ENCHE' C. V. DEVAN NAIR (Bungsar).
- „ ENCHE' EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- „ ENCHE' S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' GANING BIN JANGKAT (Sabah).
- „ ENCHE' GEH CHONG KEAT, K.M.N. (Penang Utara).
- „ ENCHE' HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ ENCHE' HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., J.P.
(Kulim Utara).
- „ ENCHE' HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ ENCHE' HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Baling).

The Honourable WAN HASSAN BIN WAN DAUD (Tumpat).

- „ ENCHE' HUSSEIN BIN TO' MUDA HASSAN, A.M.N. (Raub).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, A.M.N., P.J.K. (Parit).
- „ ENCHE' HUSSEIN BIN SULAIMAN (Ulu Kelantan).
- „ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN
(Kota Bharu Hulu).
- „ ENCHE' IKHWAN ZAINI (Sarawak).
- „ ENCHE' IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN (Seberang Tengah).
- „ ENCHE' ISMAIL BIN IDRIS (Penang Selatan).
- „ DATO' SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N.
(Johor Tenggara).
- „ PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).
- „ ENCHE' KADAM ANAK KIAI (Sarawak).
- „ ENCHE' KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).
- „ ENCHE' EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).
- „ ENCHE' LEE KUAN YEW (Singapore).
- „ ENCHE' LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ ENCHE' LEE SECK FUN (Tanjong Malim).
- „ ENCHE' LIM HUAN BOON (Singapore).
- „ ENCHE' LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).
- „ ENCHE' T. MAHIMA SINGH, J.P. (Port Dickson).
- „ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).
- „ ENCHE' MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P.
(Jelebu-Jempol).
- „ ENCHE' MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K.
(Kuala Langat).
- „ ENCHE' MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ ENCHE' MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungei Patani).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ ENCHE' MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH
(Pasir Mas Hilir).
- „ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR,
A.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S.,
A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ ENCHE' MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).
- „ DATO' NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N.,
P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).
- „ ENCHE' NG FAH YAM (Batu Gajah).
- „ DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ ENCHE' ONG KEE HUI (Sarawak).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

The Honourable	ENCHE' OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
„	ABANG OTHMAN BIN HAJI MOASIL, P.B.S. (Sarawak).
„	ENCHE' QUEK KAI DONG, J.P. (Seremban Timor).
„	ENCHE' S. RAJARATNAM (Singapore).
„	TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).
„	ENCHE' RAMLI BIN OMAR (Krian Darat).
„	TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P. (Rembau-Tampin).
„	RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
„	ENCHE' SANDOM ANAK NYUAK (Sarawak).
„	ENCHE' SEAH TENG NGIAB, P.I.S. (Muar Pantai).
„	ENCHE' SIM BOON LIANG (Sarawak).
„	ENCHE' SIOW LOONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
„	ENCHE' SNAWI BIN ISMAIL, P.J.K. (Seberang Selatan).
„	ENCHE' SNG CHIN JOO (Sarawak).
„	ENCHE' SOH AH TECK (Batu Pahat).
„	ENCHE' SULEIMAN BIN ALI (Dungun).
„	PENGIRAN TAHIR PETRA (Sabah).
„	ENCHE' TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
„	ENCHE' TAI KUAN YANG (Kulim-Bandar Bharu).
„	ENCHE' TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
„	ENCHE' TAN CHENG BEE, J.P. (Bagan).
„	ENCHE' TAN TOH HONG (Bukit Bintang).
„	ENCHE' TAN TSAK YU (Sarawak).
„	ENCHE' TIAH ENG BEE (Kluang Utara).
„	PENGHULU FRANCIS UMPAU ANAK EMPAM (Sarawak).
„	ENCHE' YEH PAO TZE (Sabah).
„	ENCHE' YEOH TAT BENG (Bruas).
„	ENCHE' YONG NYUK LIN (Singapore).
„	TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K. (Langat).

ABSENT:

The Honourable	the Minister of Home Affairs and Minister of Justice, DATO' DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, P.M.N. (Johor Timor).
„	the Minister of Works, Posts and Telecommunications, DATO' V. T. SAMBANTHAN, P.M.N. (Sungai Siput).
„	the Minister for Local Government and Housing, ENCHE' KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
„	TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN, Assistant Minister (Kota Star Utara).
„	ENCHE' ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, Assistant Minister (Sarawak).
„	ENCHE' ABDUL RAHIM ISHAK (Singapore).
„	ENCHE' ABDUL RAHMAN BIN HAJI TALIB, P.J.K. (Kuantan).

The Honourable DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, Dato' Bijaya di-Raja (Kuala Trengganu Selatan).

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ ENCHE' E. W. BARKER (Singapore).
- „ ENCHE' CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ ENCHE' CHEN WING SUM (Damansara).
- „ ENCHE' CHIA THYE POH (Singapore).
- „ TUAN SYED ESA BIN ALWEE, J.M.N., S.M.J., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ DATU GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DR GOH KENG SWEE (Singapore).
- „ ENCHE' STANLEY HO NYUN KHIU, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' JEK YEUN THONG (Singapore).
- „ ENCHE' KHOO PENG LOONG (Sarawak).
- „ DATU KHOO SIAK CHIEW, P.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' KOW KEE SENG (Singapore).
- „ ENCHE' AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ ENCHE' LIM KEAN SIEW (Dato Kramat).
- „ DATO' LIM KIM SAN, D.U.T., J.M.K., D.J.M.K. (Singapore).
- „ ENCHE' JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ ENCHE' MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).
- „ ENCHE' MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ENCHE' ONG PANG BOON (Singapore).
- „ ENCHE' OTHMAN BIN WOK (Singapore).
- „ ENCHE' D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ ENCHE' S. P. SEENIVASAGAM (Menglembu).
- „ DATU DONALD ALOYSIUS STEPHENS, P.D.K. (Sabah).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ ENCHE' TAN KEE GAK (Bandar Melaka).
- „ DR TOH CHIN CHYE (Singapore).
- „ ENCHE' TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ ENCHE' WEE TOON BOON (Singapore).
- „ ENCHE' STEPHEN YONG KUET TZE (Sarawak).

PRAYERS

(Mr Speaker *in the Chair*)

ORAL ANSWERS TO QUESTION

KEMUDAHAN² TRAVELLING DISPENSARY DI-SARAWAK

1. Abang Othman bin Haji Moasili (Sarawak) bertanya kepada Menteri

Kesihatan ada-kah kemudahan² yang lebih akan di-beri untuk Travelling Dispensary di-Sarawak dari apa yang telah di-jalankan sekarang.

The Minister of Health (Enche' Bahaman bin Samsudin): Tuan Yang di-Pertua, kemudahan² perubahan yang lebih termasuk-lah Travelling Dispensary akan di-adakan bagi Sarawak dalam tahun 1965 dan tahun² berikut.

BILL

THE SUPPLY BILL, 1965

Order read for resumed consideration in Committee of Supply (Seventh Allotted Day).

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads S. 15 and S. 16—

The Assistant Minister of Culture, Youth and Sports (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Yang Berhormat Dato' Pengerusi, dengan izin Dato', saya mohon membawa sa-kali gus S. 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan S. 16—Muzium.

Saya mohon supaya S. 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan berjumlah \$1,037,890 dan S. 16—Muzium berjumlah \$407,454, kedua-duanya berjumlah sa-banyak \$1,445,344, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Dato' Pengerusi, berchakap di-dalam Kepala S. 15, wang peruntukan perbelanjaan sa-banyak \$1,037,890 yang di-pohonkan di-bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini ia-lah terbahagi kepada \$279,323 untuk Gaji; \$746,097—Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun—O.C.A.R. dan \$12,470 untuk perbelanjaan di-bawah O.C.S.E., jumlah-nya \$1,037,890.

Peruntukan sa-banyak \$279,323 untuk Gaji bagi tahun 1965 ia-lah berlebeh sa-banyak \$204,617 daripada yang telah di-luluskan dalam tahun 1964. Kelebehan ini ia-lah di-sebabkan pada tahun 1964 chuma gaji anggota² Kementerian ini untuk sa-lama enam hingga lapan bulan sahaja yang di-masokkan. Bagi tahun 1965 pula gaji bagi satu tahun kena-lah di-hetong tambahan pula pada tahun 1964 ini gaji bagi anggota² Pusat Latehan, Pemimpin Belia Kebangsaan, Kuala Kubu Baharu, Dewan Belia Kampong Pandan dan Kem Belia, Morib, tidak di-masokkan dalam perangkaan tahun 1964 kerana gaji ini telah di-bayar

oleh Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am. Bagi tahun 1965 gaji anggota² pusat² yang tersebut ada-lah di-masokkan dalam Peranggaran Kementerian ini, maka itu-lah sebab-nya lebeh sa-bagitu banyak. Bagitu juga dalam Kementerian ini telah di-adakan beberapa jawatan baharu yang telah di-luluskan semenjak 1 haribulan Ogos, 1964.

Sa-lain daripada itu kenaikan perbelanjaan ini ada-lah di-sebabkan kenaikan gaji biasa yang berikut pula dengan tambahan² elaun belanja hidup, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Elaun Rumah dan hotel. Jawatan² yang telah di-tambah ada-lah saperti berikut:—

- (a) Pechahan Kepala I, Butiran (8)—Perkhidmatan Kerani 'Am. Semenjak tertuboh-nya Kementerian ini di-dapati pekerjaan telah bertambah. Pada masa ini, chuma ada satu sahaja jawatan Kerani Perkhidmatan 'Am, Tingkatan-biasa, maka di-dapati tiada-lah menchukupi; dengan sebab itu sangat-lah mustahak di-tambah lagi kerani² dalam Kementerian ini dengan 3 jawatan baharu.
- (b) Pechahan Kepala I, Butiran (9)—Jurutrengkas. Satu lagi jawatan jurutrengkas yang di-kehendaki kerana telah di-dapati jurutrengkas yang ada sekarang ini tiada menchukupi, kerana pekerjaan di-Kementerian ini telah bertambah dari sa-hari ka-sahari.
- (c) Pechahan Kepala I, Butiran (11)—Opereter Talipon. Kementerian ini mempunyai pejabat sendiri dan terpaksa-lah mengadakan satu exchange telephone kechil untuk menyambungkan talipon kepada pegawai² Kementerian ini. Oleh yang demikian opereter talipon sangat-lah mustahak.
- (d) Pechahan Kepala I, Butiran (12)—Derebar Van. Bagi tahun 1965, Kementerian ini akan memakai satu van dan dengan sebab itu sa-orang derebar van ada-lah di-kehendaki.

(e) Pechahan Kepala I, Butiran (13)—Pelayan Pejabat. Satu lagi pelayan pejabat di-kehendaki oleh kerana di-sebabkan pejabat Kementerian ini ada-lah ber-jauhan daripada pejabat² yang lain dan di-dapati dua jawatan yang ada sekarang ini tidak-lah mencukupi.

Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun (O.C.A.R.), peruntukan bahagian ini bagi tahun 1965 ada-lah melebihi daripada anggaran tahun 1964 sa-banyak \$729,627. Sa-bagaimana yang di-nyatakan berkenaan dengan kenaikan gaji² tadi begitu juga-lah di-sini perbelanjaan telah bertambah ia-lah di-sebabkan peruntukan bagi tahun 1964 chuma untuk enam bulan sahaja, tetapi bagi kali ini ia-lah peruntukan sa-tahun—1965. Begitu juga perbelanjaan bagi tiap² tahun bagi Pusat Latehan Pemimpin Belia Kebangsaan, Kuala Kubu Baharu, Dewan Belia Kampong Pandan dan kem di-Morib bagi tahun 1964 tidak di-masokkan kerana peruntukan pusat² itu di-masokkan di-bawah Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am bagi tahun 1964. Pada tahun 1965 yang akan datang, peruntukan ini akan di-masokkan dalam anggaran Kementerian ini, dan begitu juga peruntukan di-bawah Pechahan² Kepala 6, 7, 8, 9 dan 10 yang berjumlah sa-banyak sa-tengah juta lebeh, ia-itu \$571,750. Perbelanjaan ini bukan-lah perbelanjaan baharu, akan tetapi perbelanjaan yang dahulu-nya di-masokkan di-bawah Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am dan Jabatan Perdana Menteri. Bagi tahun 1965, di-sebabkan perkara ini akan menjadi tugas Kementerian ini, maka itu-lah peruntukan yang tersebut di-masokkan di-bawah Kementerian ini dan tidak lagi di-bawah Kementerian yang terma'alum.

Pechahan Kepala 11—Perbelanjaan Pekerja² Belia Sukarela, \$4,000. Perbelanjaan ini ada-lah di-kehendaki untuk membayar elaun perjalanan bagi pekerja² belia sukarela yang di-kehendaki melawat negeri² yang di-arahkan oleh Kementerian ini.

Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.). Perbelanjaan Khas dalam tahun 1965

ada-lah berkurangan daripada yang telah di-luluskan dalam tahun 1964 dan mustahak di-adakan, kerana membeli perkakas² pejabat untuk kerani² yang baharu dan juga untuk membeli sa-buah van.

Dalam mengusulkan perbelanjaan untuk tahun 1965 ini, boleh jadi-lah Ahli² Yang Berhormat dapati pegawai² dan ranchangan² daripada Kementerian ini tidak-lah begitu banyak. Ini suka-lah saya menegaskan, perbelanjaan yang di-minta ini ia-lah sa-bagai tingkatan pertama dan, bagaimana di-ketahui, Kementerian ini sa-buah Kementerian yang baharu, maka kami berharap daripada pegawai² yang sederhana yang ada pada masa sekarang ini akan dapat-lah di-fikirkan, sama ada untuk melaksanakan ranchangan² yang lebeh pesat dan maju lagi, tambahan² yang munasabah kena-lah di-hadapkan. Oleh sebab itu suka-lah saya mema'alumkan, boleh jadi, kalau dengan persetujuan daripada pehak Perbendaharaan, pada satu masa, Kementerian ini akan membawa pula permohonan tambahan kerana kerja², ranchangan baharu dan juga pegawai².

Masok kapada Kepala S. 16—Muzium. Saya mengusulkan berkenaan dengan peruntukan sa-banyak \$407,454 yang di-pohonkan di-bawah Muzium di-luluskan menjadi sa-bahagian daripada Jadual ia-itu terdiri daripada \$245,654 untuk gaji, \$140,200 untuk Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun dan \$21,600 untuk Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.), berjumlah \$407,454. Peruntukan untuk gaji sa-banyak \$245,654 bagi tahun 1965 ada-lah berlebehan sa-banyak \$26,671 daripada yang telah di-luluskan bagi tahun 1964. Lebeh ini ia-lah di-sebabkan oleh kerana mengadakan beberapa jawatan baharu kerana hendak menjalankan pekerjaan yang akan di-jalankan di-tingkatan dua. Muzium itu. Jawatan baharu itu hanya-lah satu jawatan Penyelenggara di-Butiran (33), satu Tukang Gambar di-Butiran (3), 3 Pembantu Muzium di-Butiran (22), (35) dan (42). Satu Penjaga Muzium di-Butiran (13) dan satu Budak Pejabat di-Butiran (14). Sa-lain daripada itu kenaikan gaji

bagi pegawai² dan lain² anggota telah juga memerlukan tambahan bagi elaun perbelanjaan hidup, elaun rumah dan Tabong Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Lain² Perbelanjaan Berulang² Tiap² Tahun (O.C.A.R.). Peruntukan bagi tahun 1965 ada-lah melebihi daripada angka tahun 1964 sa-banyak \$72,680 ia-lah kerana membayar belanja api, kuasa elektrik dan ayer juga menchuchi dan membasoh Muzium. Barang di-ingat, perkara ini telah pun diterangkan dengan lanjut-nya apabila meminta tambahan perbelanjaan bagi tahun 1964 dalam Rumah Yang Berhormat baharu² ini.

Perbelanjaan Khas (O.C.S.E.). Perbelanjaan Khas dalam tahun 1965 ada-lah berkurangan daripada yang telah di-luluskan dalam tahun 1964 dan mustahak di-adakan kerana hendak membeli alat² untuk bahagian kaji haiwan dan juga menjilid buku² dan majallah².

Dato' Pengerusi, dengan ini saya memohon supaya S. 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sa-banyak \$1,037,890 dan S. 16—Muzium sa-banyak \$407,454 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan mengenai Kementerian ini, dan saya ingin berchakap atas perkara kebudayaan. Tuan Pengerusi, saya dengar Kementerian ini sedang berusaha untuk menchiptakan satu kebudayaan kebangsaan atau kebudayaan national. Kebudayaan kebangsaan, pada pendapat saya, bukan-lah mudah hendak di-chiptakan, kerana satu² kebudayaan itu tumbol, maju dan mati-nya ada-lah terpulang kapada orang² punya kebudayaan itu sendiri. Oleh yang demikian, saya berharap apa² juga ranchangan yang hendak di-laksanakan, patut-lah di-mulakan daripada orang² yang berada di-dalam jawatan, atau pun orang² yang memegang jawatan² Kerajaan dan lain²-nya. Yang pertama sa-kali, Tuan Pengerusi, saya berharap Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat ini men-

chiptakan satu pakaian yang menarek sedikit.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, itu patut di-bangkitkan di-dalam S. 1 Parlimen.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Saya tidak dengar, Tuan Pengerusi.

Mr Speaker: Perkara itu patut di-bangkitkan di-dalam S. 1 Parlimen.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid: Minta ma'af, Tuan Pengerusi, jadi ini bersangkut dengan kebudayaan, Tuan Pengerusi, saya berharap-lah Kementerian ini supaya berutus dengan pehak yang berkenaan supaya menghapuskan apa juga kebudayaan yang maseh kita kongkong daripada penjajah dahulu. Jadi, Tuan Pengerusi, saya lihat saperti Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Ra'ayat, Yang di-Pertua Dewan² Undangan Negeri, maseh lagi memakai wig. Ini ada-lah satu kebudayaan yang di-pegang atau di-amalkan oleh penjajah dahulu, dan harus-lah langkah yang sa-patut-nya di-ambil dengan sa-chara beransor², di-gantikan dengan satu kebudayaan kita yang agak sesuai pada zaman ini, termasuk-lah pakaian hakim² yang maseh lagi juga memakai wig ini.

Sekarang saya berchakap di-atas perkara Belia. Bagaimana yang saya tegaskan, Belia ini jika berkehendakkan kemajuan mesti-lah di-adakan satu sahaja Badan Kebangsaan. Pada masa ini saya lihat ada banyak sangat Badan² Belia, oleh itu susah hendak melaksanakan apa² juga ranchangan mengenai Belia, ada juga di-sebutkan "Malayan Youth Council" atau pun Belia Desa dan lain² nama lagi. Sa-kira-nya di-adakan satu sahaja badan kebangsaan, dapat-lah di-salorkan apa juga bantuan dan nasihat² kerana kepentingan dan kemajuan Belia² seluroh-nya.

Saya beraleh kapada perkara Muzium. Sa-kira-nya pelawat² masuk ka-bangunan muzium kita, yang mula² sa-kali di-hadapan pintu muzium itu, kita dapati pertunjukan yang ada itu nampak-nya pertunjukan orang² daripada bumiputra ini tidak nampak terbentang. Jadi saya berharap-lah

pehak pengurus muzium ini akan memperbaiki muzium itu, barangkali dapat di-buat satu pertunjukan untuk menonjolkan kepada pelawat² yang datang di-situ bahawa negara Malaysia ini ia-lah hak orang² Melayu dahulu, dan patut juga di-pamirkan istiadat mengadap Duli Yang Maha Mulia Raja² Melayu, dan dalam itu saya lihat ada satu pertunjukan istiadat bersunat. Saya harap dapat di-pamirkan dalam Dewan yang besar itu orang atau ra'ayat jelata mengadap Raja², dengan chara itu hidup-lah kebudayaan atau pun adat istiadat kebesaran Raja² Melayu dahulu.

Pechahan² Kepala 6, 7, 9, dan 10—Tuan Pengerusi, saya sokong kuat di-atas peruntukan ini dan saya harap wang ini akan di-beri kepada badan² yang berkenaan dengan chara yang 'adil: Muka 176, Pechahan Kepala 6 Bantuan kepada Badan² Belia Sukarela, Pechahan Kepala 7, Bantuan kepada Badan² Sokan dan menggalak Sokan, Pechahan Kepala 9, Bantuan kepada Badan Kebudayaan dan Pechahan Kepala 10, Bantuan kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita.

Pechahan Kepala 7, Bantuan kepada Badan² Sokan dan menggalak Sokan ini saya dapat tahu chuma sa-gulungan daripada badan² sahaja yang dapat bantuan. Saya harap dapat di-beri bantuan ini kepada negeri² dan saterus-nya kepada daerah² supaya dapat-lah mereka itu menggunakan wang bantuan ini untuk menggalak dan memajukan bahagian sokan dalam negara kita ini.

Pechahan Kepala 10, Bantuan kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita. Perkara ini, bagi diri saya, tidak pernah mendapat bantuan apa² pun daripada badan ini, kerana daerah saya ada-lah satu daerah yang chukup chergas pergerakan pengakap dan saya sendiri sa-bagai pengerusi-nya, manakala kita minta bantuan tidak dapat. Jadi, saya harap supaya memberi galakan yang sa-penoh kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita; dengan ada-nya pergerakan yang chergas dapat-lah pengakap ini berkhidmat untuk orang

ramai dalam beberapa lapangan. Sa-kian-lah sahaja. Terima kaseh.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya turut serta berchakap sedikit sa-banyak di-atas perbahathan berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi satu perkara yang nyata bagi diri saya apabila berchakap dalam satu² perbahathan, ia-itu saya dalam keadaan negeri kita di-bawah tekanan konferantasi ini saya rasa perlu kita kaitkan polisi atau pun dasar umum Kementerian ini sendiri dengan keadaan kita yang ada sekarang ini.

Saya perchaya peruntukan² yang diminta bagi Muzium dan Kebudayaan, Belia dan Sokan ini hanya-lah akan menemui rayuan² dan pandangan² supaya di-tambah dan di-perelokkan lagi, tetapi perkara yang mustahak sakali pada pendapat saya ia-lah dasar umum Kementerian ini dalam menjalankan tugas²-nya yang mana pada niat-nya di-harap sa-suatu yang baik, tetapi dengan chara² yang digunakan itu akan menimbulkan kerugian bagi kedudukan politik negara kita.

Mithal-nya, Tuan Pengerusi, menjelang-nya Konggres Afro-Asia yang tidak lama lagi ia-itu dalam bulan Mach yang akan datang, sa-patut-nya-lah Kementerian kita, bukan sahaja Kementerian ini, tetapi Kementerian² yang lain juga tidak akan melibatkan sangat negara kita ini dengan perkara² yang boleh terbantut-nya kehadiran kita di-dalam mu'tamar itu. Mithal-nya, Tuan Pengerusi, dalam bahagian Sokan. Bagitu juga di-dalam bahagian—mengikut chatitan saya di-sini—bahagian kebudayaan, kita dapati perhubungan negara kita melalui kechergasan Kementerian ini—kalau pun tidak dengan di-lakukan oleh Kementerian ini sendiri ia-itu hubungan kita dengan negara Israel amat nyata dan kuat, dan boleh jadi kalau tidak betul boleh-lah di-betulkan oleh Menteri yang berkenaan. Mithal-nya, pada tahun 1963 sudah di-adakan jemputan perlawanan sokan (football) di-Kuala Lumpur dalam bulan Mach,

dan ini sudah di-siarkan berita besar²an di-dalam akhbar luar negeri, terutama di-Timor Tengah yang menyebabkan satu perkara pula, menekan kehadiran kita dalam mu'tamar negara² berkechuali pada hari itu. Bagitu juga dalam lapangan kebudayaan. Saya perchaya perkara ini rumit sedikit tetapi terpaksa di-tempoh juga ia-itu ada kait-nya dengan Kementerian Pelajaran, tetapi ini kechergasan-nya tidak merupakan dari segi Kementerian Pelajaran, tetapi dari segi kebudayaan lebeh banyak. Mithal-nya, negeri Singapura kita menjemput badan² kebudayaan dari Israel untuk mengambil bahagian di-dalam beberapa seminar dan bagitu juga pensharah²-nya menerangkan kebudayaan² luar negeri kepada negeri ini, dia chuba hendak mengkahwinkan kebudayaan luar negeri itu dengan kebudayaan kita di-sini. Jadi perkara² ini saya tidak dapat kenyataan yang lebeh banyak bagi tahun 1964 ini, tetapi melalui kebudayaan ini pada tahun 1964 juga dengan jalan mana-kah—saya pun tidak tahu—sa-hingga ada pakar² kebudayaan yang di-sebutkan sa-bagai pakar² kebudayaan telah datang ka-Tanah Melayu, sa-terus-nya memberi cheramah² berkenaan dengan kebudayaan Islam di-dalam Universiti Malaya, Kuala Lumpur, dan ini amat-lah menjolok mata.

Sa-lain daripada itu, banyak-lah lagi perkara² yang nyata sangat perhubungan kita dengan Israel dari segi kebudayaan dan sokan berlaku dalam negara kita ini, dan saya minta penjelasan dan huraian daripada pehak Menteri yang berkenaan.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Apa-kah dia hubongan² yang di-katakan-nya ada dengan Israel itu dalam hal kebudayaan? Dia tidak mengeluarkan chontoh²-nya. Perkara ini satu tudohan yang sangat tidak 'adil.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Perkara itu Menteri boleh jawab-lah, sebab Ahli Yang Berhormat itu bila buat kenyataan, yang silap lebeh banyak daripada yang betul.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Ahli Yang Berhormat itu ada membuat

Soalan Bertulis dan telah di-jawab oleh Kementerian ini. Dalam lapangan itu telah di-beritahu, kita tidak ada membuat perhubungan dengan Israel dan tidak ada membuat apa² jemputan pun kepada Israel sa-panjang yang mengenai Kementerian ini.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Yang saya tidak puas hati itu saya kemukakan. Kalau Yang Berhormat Menteri kita boleh menafikan ini dalam jawapan-nya nanti, saya akan chatitkan.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Jawapan Bertulis telah menyatakan dengan jelas dan terang.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan kebudayaan, kita dapati kechergasan² yang di-ambil oleh Kementerian pada waktu ini, nampak-nya tertumpu kepada seni tari dan seni nyanyi. Pada hal yang di-sebutkan kebudayaan itu termasuk-lah perkara² yang lain lagi yang abstract—yang menggambarkan jiwa dan rohani kebangsaan kita terutama kebangsaan yang baharu lahir ini ia-itu kebangsaan Malaysia. Saya perchaya akan menjadi sukar dan susah-lah kepada Kementerian ini hendak meluaskan kechergasan²-nya dari segi kebudayaan apabila dikaitkan kebudayaan itu dengan kebudayaan national kerana nationality atau pun kebangsaan bagi negara kita ini belum tetap. Jadi akan teraba²-lah Menteri kita Yang Berhormat itu dalam hendak menjalankan-nya, sebab itu-lah kita dapat perkara² yang di-kemukakan ini selalu-lah terpaksa beliau itu memberi ingatan terlebih dahulu supaya dia akan kembali ka-dalam Rumah ini dan meminta peruntokan² yang lebeh banyak lagi.

Tuan Pengerusi, mithal-nya kita tengok di-dalam seni tari, kita dapati hanya-lah tarian² yang merupakan tarian kesukaan sahaja, tetapi dalam tarian² yang bersemangat tidak-lah bagitu banyak. Bagitu juga apabila di-pertunjokkan seperti bersilat dan sa-bagai-nya, ada satu perkara yang kita ketinggalan dan saya harap Yang Berhormat Menteri itu akan dapat memberi perhatian-nya yang lebeh berat

ia-itu ada satu permainan sokan yang di-namakan permainan sokan "bergayong tongkat" ia-itu lawan tongkat. Saya dapati permainan berlawan tongkat ini bukan sahaja merupakan bersilat, tetapi merupakan satu kesenian yang di-dalam-nya menunjukkan bagaimana bangsa kita ini, dalam kebudayaan-nya sa-lain daripada kesenian biasa, ada juga chara² yang boleh mempertahankan diri ia-itu "self-defence" sa-bagaimana yang kita katakan sekarang ini. Jadi, kita dapati di-dalam negeri ini sokan² yang merupakan "self-defence" ada-lah di-lakukan oleh orang² luar—orang² asing daripada bumiputera dan ini akan dikenali negara ini sa-bagai negara baharu yang kesenian asli-nya bagi bumiputera ini tidak timbul. Sebab itu-lah kita dapati banyak di-dalam bandar² yang besar bermain jujitsu, bermain judo dan bermacham² lagi. Tetapi lawan tongkat ini kalau diperkenalkan ka-dalam bandar², saya rasa ini akan lebih menarik lagi. Ini ada terdapat di-negeri Kelantan, setelah permainan kapak kecil sudah luput pada masa ini. Jadi, Tuan Pengerusi, saya tidak-lah pula hendak menunjukkan bahawa di-Kelantan itu tempat bergaduh, tetapi ini sa-bagai satu kesenian dalam mempertahankan diri.

Lagi satu perkara, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penerangan² dari hal kechergasan Belia, saya dapati amat-lah kurang di-dalam negeri kita ini dan saya perchaya Menteri kita yang berkenaan akan kembali ka-Rumah ini dan boleh-lah meminta dan saya perchaya Dewan ini akan menyokong kalau beliau itu meminta tambahan bagi perbekalan ia-itu di-negeri² yang lain daripada Tanah Melayu ini kechergasan menyebarkan gambar², risalah² memperkenalkan kesenian dan kechergasan belia² ini amat-lah banyak sa-hingga ada risalah², buku² yang kita tengok sahaja kulit-nya sudah kita teringin hendak membeli-nya apa-tah lagi isi-nya bagaimana sedap-nya belum kita tahu. Jadi ini, Tuan Pengerusi, amat-lah menarik hati sa-hingga orang² luar datang ka-sini dapat memahami kebudayaan kita, bukan sahaja dengan jalan memandang

kapada satu pesta yang di-tunjukkan pada malam hari, tetapi kalau ada buku² yang menceritakan latar belakang dan menceritakan perkembangan dan perubahan daripada Melayu zaman Tun Mahat dan Tun Sri Lanang sampai kapada Melayu kita sekarang dan sampai kapada Malaysia, dapat-lah mereka itu memahami kebudayaan yang menjadi jiwa bagi bangsa kita yang baharu ini.

Ada satu perkara lagi, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan muzium. Muzium kita ini, saya rasa patut-lah di-ubah tempat-nya dan di-chari satu tempat yang lebih besar lagi. Sebab di-masa yang kita buat muzium hari itu kita hendak buat muzium ini samata² untuk Persekutuan Tanah Melayu dan kita tidak sangka langsung muzium ini akan menjadi Muzium Malaysia, kerana perkataan Malaysia menchampur negeri² luar ini sa-hingga Singapura hendak masuk pun Yang Teramat Mulia Perdana Menteri tidak mahu pada masa itu—dia tidak mahu Singapura itu masuk di-sini sebab itu-lah segala bentok² benda yang di-buat untuk Persekutuan Tanah Melayu ini di-tujukan kapada Persekutuan Tanah Melayu sahaja dan muzium yang ada sekarang ini kecil sangat. Sa-patut-nya-lah kita ubahkan ka-tempat lain dan kita adakan bahagian² yang lebih besar lagi biar-lah termasuk bahagian binatang² yang banyak di-sini, mital-nya, kita dapati berok² di-Larut, tulang² yang lama itu dan kita bawa masuk ka-dalam muzium ini. Jadi pelawat² luar negeri apabila datang ka-negeri ini, dapat-lah melihat dari segi manusia-nya, binatang-nya dan dari segi bermacham² lagi. Tetapi muzium kita yang ada sekarang ini, saya rasa, sa-kali pukul golf pun buah-nya sudah sampai di-sana.

Jadi, ini-lah perbelanjaan kita itu, kita tujukan kapada Persekutuan pada hal negeri kita ia-lah negeri Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Dan saya shorkan lagi muzium Negara kita ini bukan sahaja terdapat barang² lama dan baharu yang ada di-dalam Tanah Melayu ini, tetapi hendak-lah di-ambil juga daripada Sabah dan Sarawak di-bawa masuk di-sini supaya merupakan muzium ini

Muzium Malaysia dan ini akan bertambah menarek lagi kepada pelawat² yang datang—yang tuju ka-Kuala Lumpur sa-bagai Ibu Kota yang tidak sempat hendak pergi ka-Sabah dan Sarawak dapat-lah mereka itu menengok gambar² itu di-sini.

Tuan Pengerusi, ada sadikit lagi, lepas itu, sudah-lah. Di-dalam muzium ini, saya dapati yang ada di-masokkan sadikit sa-banyak barang² yang menggambarkan kebudayaan ia-lah bagi orang² asli, Melayu, China dan India. Tetapi, Tuan Pengerusi, ada sekshen atau pun bahagian²—suku² bangsa kita di-dalam Malaysia ini yang banyak penduduk²-nya di-sini yang mempunyai kebudayaan yang maseh nyata dan hidup lagi ia-itu kebudayaan orang² Jawa dengan alat² permainan-nya, adat istiadat-nya dan pakaian²-nya—bahan² ini patut-lah di-pindah dan di-masokkan ka-dalam muzium itu dan saya perchaya kalau Menteri Yang Berhormat ini akan berusaha menjalankan wakil kita dari Sabak Bernam akan memberi pertolongan yang kuat dalam perkara ini kerana dia tahu perkara² ini dengan sa-penoh-nya.

Dato' Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar (Sabak Bernam): Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Apa-kah maksud yang mustahak-nya orang² Jawa ini hendak di-masokkan dalam muzium, saya tidak faham. Sedangkan kedudukan negara kita pada masa ini sedang berkonfrantasi dengan orang² Jawa daripada Indonesia tetapi wakil daripada Bachok ini suka sangat hendak masokkan orang² Jawa dalam muzium. Saya harap mendapat penjelasan.

Enche' Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya tidak mahu-lah hendak bawa masok orang Jawa ka-situ (*Ketawa*). Yang saya maksudkan—orang ini, Tuan Pengerusi, mengachau saya, saya sudah kelam-kabut hendak berchakap. Yang saya maksudkan ini ia-lah kebudayaan² daripada suku² bangsa orang Jawa yang ada di-sini, sebab orang² Jawa yang dudok di-Tanah Melayu kita ini—dalam Malaysia ini—tidak berkonfrantasi dengan kita, mereka itu boleh menjadi

Wakil Ra'ayat dan Menteri macham² (*Ketawa*). Sebab itu-lah, Tuan Pengerusi, saya perchaya, mithal-nya, di-Johor ada permainan² dan tarian² yang saya rasa patut di-pamirkan di-dalam pesta² dan benda² itu atau alat² permainan itu di-masokkan di-dalam muzium kita ini.

Sa-lain daripada itu satu perkara saya hendak menarek perhatian Menteri yang berkenaan itu ia-lah berkenaan dengan kesenian di-pantai timor. Tuan Pengerusi, kebudayaan di-pantai timor itu boleh menggambarkan kebudayaan national bagi negara kita ini dari segi tarian-nya, nyanyian-nya, alat-nya dan bermacham².

Tetapi perkara ini sudah di-biarkan dengan tidak di-ambil perhatian, boleh jadi kerana tempat kesenian dan kebudayaan itu terletak di-Kelantan, tempat orang² P.M.I.P. memerintah. Saya memberikan jaminan bahawa orang² P.M.I.P. tidak akan menghalang, kalau sa-kira-nya Yang Berhormat Menteri kita itu pergi membuat satu research dan membuat satu penyiasatan, sa-kurang²-nya mengeluarkan satu buku kenyataan tentang latar belakang kebudayaan national bagi Malaysia ini dari mana di-ambil-nya. Dengan demikian dapat-lah kita mengikut satu saloran kebudayaan yang asal, bukanlah kebudayaan yang berada di-hadapan kita pada masa yang berlaku ini.

Jadi, ini saya minta kepada Kementerian kita memberi perhatian dan saya meminta supaya Kementerian kita itu memberi penjelasan dan menapikan dengan sa-keras²-nya bahawa ada dari segi kebudayaan kita, dengan apa jalan sa-kali pun, yang saya tidak sebutkan di-sini, ia-itu perhubungan dengan negara Israel amat-lah kuat di-dalam lapangan seminar², dan begitu juga berkenaan dengan football, dan begitu juga berkenaan dengan menunjokkan gambar² Israel di-atas hak-nya ka-atas negeri itu melalui filem² yang saya rasa ada kaitan-nya dengan kebudayaan, begitu juga berkenaan dengan sokan.

Saya perchaya perkara² ini kalau berlaku lagi dalam tahun 1964, pada akhir² tahun 1964 ini kehadiran kita

di-dalam Persidangan Afro-Asia di-Algeria pada bulan tiga akan banyaklah di-kuchai dan di-halang, dan saya bimbang kalau kita kechewa di-dalam menghadhiri persidangan itu akan mengakibatkan dapat di-momokkan kedudukan negara kita ini. Sekian-lah sahaja, terima kaseh.

The Prime Minister: Tuan Pengerusi, saya suka hendak memberi keterangan di-atas apa yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi berkenaan dengan jemputan kepada Israel. Ini sa-kali² tidak benar. Yang sa-benar-nya Israel meminta hendak hadir di-dalam permainan sport dan sa-bagai-nya yang kita adakan di-sini, tetapi kita tidak terima. Pada satu masa dalam tahun 1963 dahulu sawaktu Indonesia menolak Israel daripada masuk di-dalam permainan South East Asia Games, lepas daripada itu kita ada football games di-sini, ia-itu Merdeka Games, dan Israel meminta hendak masuk di-dalam permainan itu, tetapi kita tolak juga. Jadi, tuduhan mengatakan kita menjemput Israel—itu tidak benar sa-kali². Jadi, apa juga yang bersangkutan berkenaan dengan United Nations, itu kita tidak bertanggung-jawab. Segala pertolongan daripada United Nations—United Nations lazim-nya mengambil pakar² daripada mana² negeri yang mereka ingat boleh memberi faedah di-atas sa-suatu persidangan itu. Jadi, dengan kerana itu United Nations menghantar orang²-nya, dan tidak di-beritahu kepada kita dari mana negeri orang itu datang, chuma di-sebut wakil daripada United Nations. Jadi, hal ini bukan-lah soal yang kita bertanggung-jawab, tetapi jikalau ada benda yang kita bertanggung-jawab, maka itu sudah tentu kita tolak apa² yang di-keluarkan permintaan daripada Israel itu.

Lagi satu, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak ketahui, tentang orang² pelarian (refugees), orang² Arab yang lari daripada Palastine, negeri ini ia-lah sa-buah negeri yang telah memberi pertolongan yang besar; pertolongan wang ringgit dan lain² pertolongan lagi bagi mereka itu. Jikalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu hendak menchari salah kepada kita supaya di-keluarkan satu² perkataan,

satu² tuduhan yang boleh membangkitkan perselisihan faham antara kita dengan, negeri² Arab, jangan-lah ambil tahu sa-takat mana yang telah kita memberi pertolongan kepada orang² Arab di-sana, kerana kita bukan memberi pertolongan di-dalam apa yang berlaku di-dalam Palastine itu sahaja, bahkan pertolongan itu kita beri sampai ka-Tunisia, Algeria dan apa sahaja yang berlaku yang nampak pada mata kita, berkehendakkan kepada pertolongan kita sa-bagai saudara dan sa-ugama, kita-lah yang mula² sa-kali memberi pertolongan itu dan juga tiap² satu perkara berkenaan dengan ugama—di-Korea mithal-nya, orang² Islam di-Korea meminta bantuan untuk mendirikan masjid, kita juga yang mula² beri dan juga apabila orang² Islam di-Manila meminta bantuan untuk mendirikan masjid, kita juga yang beri. Kalau mereka boleh mendapat pertolongan daripada negara² Islam sa-bagaimana yang mereka dapat pertolongan daripada kita, tentu masjid yang endah sudah terdiri lama dahulu.

Di-Australia, di-Amerika dan Canada sekarang ini untuk orang² Islam, kita juga yang memberi pertolongan sedikit. Jadi, sa-belum hendak mengeluarkan tuduhan yang kita ini buat kesalahan yang boleh membangkitkan perasaan kecil hati daripada pehak orang² Arab, maka hendak-lah di-ambil tahu terlebih dahulu apa yang kita buat yang besar bagi ugama Islam, yang memberi pertolongan yang besar kepada orang² Arab yang mendapat kesusahan.

Enche' Hanafi bin Mohamed Yunus (Kulim Utara): Tuan Pengerusi, saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya berchakap. Saya terlebih dahulu mengucapkan terima kaseh dan mengalu²kan Anggaran Perbelanjaan yang di-kemukakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, kalau di-bandingkan perbelanjaan yang di-kemukakan di-dalam Majlis ini, saya perchaya² tidaklah sempurna agak-nya, segala chara², atau pun ranchangan² yang akan di-jalankan di-dalam Kementerian ini,

lebih² lagi, Tuan Pengerusi, dalam S. 16, saya dapati hanya-lah ada peruntukan sa-banyak \$407,454 sahaja. Jadi, memandang kapada keadaan muzium kita yang ada sekarang ini, maka saya tidak-lah hendak menyokong pandangan daripada sahabat saya yang mengatakan muzium ini patut di-pindahkan ka-lain tempat dan dapat di-buat lebih besar lagi. Pada fikiran saya mada-lah dengan muzium yang ada sekarang ini dan tempat-nya ia-lah sangat sesuai dengan keadaan negara kita sekarang ini.

Apa yang saya hendak chakapkan di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan isi²-nya. Kalau-lah di-bandingkan, ia-itu satu muzium yang bernama Muzium Malaysia yang ada sekarang ini, maka kalau di-bandingkan dengan isi-nya, tidak-lah menepati dan sesuai sangat, kerana barang² yang di-dapati di-dalam muzium itu tidak menchukupi, kerana baharu² ini, Tuan Pengerusi, saya mendapat kesempatan melawat Sabah dan Sarawak, dan saya telah melawat satu muzium yang ada di-dalam Sarawak, ia-itu di-Kuching. Pada pandangan saya ia-lah satu muzium yang baik, bukan sahaja besar dan ada berbagai² barang yang dapat kita tengok, yang menarek hati segala pelawat atau pun pelanchong ka-dalam muzium itu.

Pada fikiran saya, kalau-lah kita hendak melawat sa-suatu tempat memandang dan memikirkan chara barang² yang ada itu, barangkali empat lima hari pun tidak boleh habis, dan barang² itu boleh di-katakan barang² yang ajaib, yang tidak dapat kita lihat di-mana² pun muzium yang ada di-Kuala Lumpur ini. Saya harap-lah kapada Kementerian ini supaya dapat kita ubahkan kalau sa-kira-nya di-benarkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak, kita ubahkan sedikit sa-banyak barang² dalam muzium di-Sarawak atau di-Kuching itu, kita bawa ka-mari, letakkan dalam muzium kita yang di-namakan Muzium Malaysia.

Lagi satu dalam muzium kita, Tuan Pengerusi, baharu² ini saya pergi melawat, saya dapati segala patong² yang di-buat itu menunjukkan kebudayaan kita, dan kebudayaan Raja² Melayu dan lain² lagi, dan patong²

yang di-buat di-situ kebanyakan tidak di-buat muka-nya dengan terang, dan sa-tengah-nya, mata tidak ada, hidong tidak ada, jadi apa-kah tujuan-nya saya pun tidak dapat memahamkan di-sini. Tetapi kalau kita tengok, tidak menyerupa patong² yang di-tunjokkan betul² seperti sa-orang manusia. Begitu juga segala tangan² dan jari² patong² itu kalau tidak menjadi apa kesalahan atau pun berlanggar daripada segi kebudayaan, saya ingat patut-lah juga di-buat patong² itu yang menyerupai sa-bagai manusia.

Tuan Pengerusi, berbalek saya berchakap dalam S. 15 ia-itu pechahan 5, Sewa Pejabat Belia yang ada sekarang ini. Tuan Pengerusi, saya tidak-lah tergopoh² dan tidak-lah hendak memberi kesusahan kapada Kementerian ini dan lebih² lagi kapada Menteri Muda kita, hanya-lah untuk pandangan dan untuk shor sahaja kapada Kementerian ini. Saya dapati sewa Pejabat Belia yang ada sekarang ini \$2,512.00 sa-bulan, sa-tahun \$30,180 kalau lima tahun sudah menjadi \$1,509,000, kalau 10 tahun sudah menjadi \$3,018,000.

Jadi saya harap-lah untuk hendak menjimatkan wang kita, pada fikiran saya jangan-lah melanggar sewa ini sahingga lima tahun lebih, kerana dalam satu million lebih kita dapat mendirikan satu pejabat bersendirian kapada Belia itu. Tidak-lah saya memaksakan supaya Kementerian ini dengan sa-berapa segera mengadakan pejabat-nya, chuma saya membuat peringatan dalam Dewan ini, mudahan² dalam lima tahun sa-lambat²-nya dapat-lah di-dirikan satu pejabat sendiri, dan tidak-lah payah menyewa lagi bagini mahal dan tinggi harga-nya ini tidak termasuk lagi segala alat perlengkapan sewa electric dan berbagai² lagi kegunaan dalam pejabat itu.

Tuan Pengerusi, sa-takat itu-lah sahaja dapat saya uchapkan. Terima kaseh. (*Tepok*).

The Prime Minister: Tuan Pengerusi, saya tidak hendak menjawab panjang², chuma saya hendak menjawab sedikit sahaja supaya senang sedikit, kalau banyak² chakap susah. Berkenaan dengan apa yang di-tunjokkan dalam muzium kita bukan

di-tunjokkan patong, apa yang hendak kita pamirkan ia-lah pakaian. Jadi pakaian itu di-letakkan sangkar sahaja. Jadi apa yang di-tunjokkan dalam muzium, untok di-lihat ia-lah pakaian, bukan patong. Jadi itu-lah jangan salah faham. Kalau hendak tunjokkan patong insha' Allah pada satu hari kita akan reka buat patong yang elok² di-letakkan pakaian. Sekarang ini hendak di-tunjokkan pakaian sahaja. (*Ketawa*).

Enche' Harun bin Abdullah (Baling):

Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap atas satu perkara sahaja di-muka 176, Pechahan Kepala 9, Bantuan kepada Badan² Kebudayaan. Dalam negara, kita ini ia-itu Malaysia, ada satu permainan yang sangat digemari terutama sa-kali oleh orang² Melayu dan juga barangkali orang² Siam serta bumiputera² Sabah dan Sarawak, ia-itu permainan silat.

Saya suka menganjorkan dan mengeshorkan kepada Menteri yang berkenaan, supaya mengadakan satu Pertandingan Silat di-seluruh negeri kita ini. Permainan Silat ini saya nampak kalau di-majukan dengan bersungguh² boleh menjadi satu permainan yang menarek sa-kali, boleh jadi akan mendapat sambutan daripada semua kalangan ra'ayat negeri ini bukan daripada orang Melayu sahaja, bahkan daripada lain² bangsa juga.

Pertandingan yang kita hendak jalankan, saya chadangkan mula² hendaklah di-jalankan Perengkat Daerah, kemudian Peregkat Negeri, kemudian di-bawa kepada Perengkat Persekutuan. Itu-lah di-buat sa-bagaimana pertandingan² yang lain juga, saperti Pertandingan Bola dan sa-bagai-nya. Satu kerumitan akan berbangkit masa kita hendak menjalankan Pertandingan Bersilat itu kerana benda ini berlainan dari satu negeri ka-satu negeri, di-mana silat itu lain² peratoran-nya. Kedah chara Kedah, Perak chara Perak, bagitu-lah keadaan-nya, tetapi boleh di-selesaikan kerumitan ini ia-itu dengan kita menjemput guru² silat yang ada dalam negeri kita ini di-ambil tahu macham mana satu² peratoran bersilat yang ada dalam negeri kita ini.

Saya dapat tahu sama ada benar atau tidak dalam hal pertandingan² ini

ada chara bersilat di-bawa daripada Petani, ada satu chara bersilat di-bawa daripada Minangkabau, daripada Sumatra dan juga bersilat yang di-champorkan di-antara orang Siam dan orang Minangkabau. Jadi chara² untok hendak menentukan siapa yang lebeh, yang mendapat johan dan sa-umpamanya, boleh-lah di-buat suatu peratoran tetap, sa-bagaimana yang di-buat dalam pertandingan boxing atau dalam tinju umpama-nya. Tetapi chara mengambil markah-nya itu-lah terpulung kepada kesimpulan yang di-dapati daripada guru² silat itu. Pertandingan itu jika di-anjorkan betul² oleh Kerajaan, tidak memerlukan wang yang banyak, kerana dalam kutipan wang orang yang masuk dalam pertandingan itu boleh melebehi daripada perbelanjaan yang kita keluarkan. Perkara ini, dalam negeri Kedah dari semenjak beberapa lama dahulu telah pun di-jalankan dan telah di-dapati sambutan yang amat besar daripada orang Melayu. Dalam negeri Kedah saya dapat tahu kakanda Yang Teramat Mulia Perdana Menteri sendiri telah pun menjalankan perkara ini dan telah mendapat sambutan yang besar. Saya rasa perkara ini, kalau di-bawa ka-peringkat yang lebeh besar, tentu-lah lebeh berjaya lagi dari samasa ka-samasa.

Di-dalam peruntukan ini saya tidak dapat hendak memastikan ia-itu chara² hendak memberi bantuan kepada badan² yang tersebut. Jadi, badan yang sa-umpama mana yang berhak menerima bantuan² ini. Jadi, perkara ini patut-lah pehak Kementerian ini menentukan-nya.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dapat-kah Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan sedikit sahaja rupa silat panchak (*Ketawa*) yang di-chakapkan dalam Dewan ini.

Enche' Harun bin Abdullah: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu chuba hendak tahu, barangkali dia memikirkan saya pandai bersilat. Sabenar-nya, saya sendiri tidak mengerti silat ini. Saya rasa Yang Berhormat itu lebeh mengerti daripada saya, kerana dia banyak cherita hantu toyol dan sa-bagai-nya (*Ketawa*). Saya tidak tahu tentang itu semua. Saya cherita

ini cerita yang benar dan yang biasa berlaku. Itu-lah tujuan saya berchakap pada hari ini. Dan saya shorkan lagi mana pasokan silat yang baik yang mendapat johan itu jika ada satu² hari kebesaran di-Kuala Lumpur sumpama dalam Istana Negara-kah atau pun apa² juga yang di-anjorkan oleh Kerajaan, johan² silat itu patut di-bawa ka-sini, kerana dengan kita bawa johan² silat yang baik itu kita dapat memaju dan boleh membanggakan mereka itu untuk hendak maju lagi chara bersilat ini. Silat ini boleh juga kalau kita majukan di-peringkat sekolah² pun boleh di-anjorkan oleh guru² sa-bagaimana satu riyadzah kepada murid². Jadi daripada mula kita asoh mereka itu, maka pada masa akan datang mereka dapat memajukan bersilat itu dari sa-masa ka-masa dengan lebeh maju lagi.

Ini-lah sahaja satu permainan pusaka orang Melayu yang tinggal yang kita dapat hidupkan. Kalau Kerajaan abaikan perkara ini tentulah permainan silat ini akan hanyut di-bawa oleh masa begitu sahaja. Sa-kian-lah. Terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, sa-benar-nya sa-belum saya memberi pandangan sedikit sa-banyak atas peruntukan Kementerian ini, saya suka hendak menyatakan sedikit rasa kehairanan saya atas sikap saudara saya, wakil dari Bachok, yang selalu berchakap tidak mengerti apa yang dia chakap. Soal² yang di-tunjol²kan sa-mata² hendak mendapat publicity dan sa-mata² hendak memburok²kan pehak Kerajaan: hal Israel itu di-timbulkan tiap² kali dia berchakap, pada hal telah di-terangkan berkali² hal sokan dan sa-bagai-nya, ini memang Perdana Menteri sendiri telah memerentahkan tidak panggil Israel—di-timbulkan juga. Jadi, saya ingat dia memang tidak ada modal lain. Saya ingat kalau tidak ada modal lain baik-lah ta' usah berchakap. tutup mulut sa-bagaimana ahli² PAS yang lain menutup mulut-nya (*Di-sampok*).

Tuan Pengerusi, ini-lah kesempatan yang pertama bagi Dewan ini mem-

bahatkan peruntukan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, suatu Kementerian yang baharu di-tubuhkan sa-lepas Pilehan Raya tahun ini, dan ini satu langkah yang sangat² di-alu²kan oleh seluruh tanah ayer, kerana ini menunjukkan bagaimana besar-nya perhatian pehak Kerajaan yang di-pilih oleh ra'ayat ini dalam memupok kebudayaan, kemajuan pemuda dan pemuda dan kemajuan sokan.

Saya rasa ada-lah sangat berat tugas yang patut di-pikul oleh Kementerian ini, kerana dalam tiga chabang yang ada dalam tugas-nya itu ada-lah chabang² yang memerlukan tenaga dan usaha yang banyak.

Soal kebudayaan ia-lah soal jiwa daripada negara kita. Soal memupok kebudayaan nasional ada-lah soal yang sangat besar, dan saya merasa dalam menjalankan tugas-nya pehak Menteri yang berkenaan sa-patut-nya-lah, atau hanya dapat di-jalankan dengan jaya jika ada hubungan dan kerjasama yang rapat dengan tiga buah Kementerian lagi ia-itu Kementerian Penerangan dan Penyiaran, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, kerjasama dan co-ordinasi yang rapat sa-kali antara keempat² Kementerian ini, kerana ini-lah tempat² kita menyalorkan segala usaha bagi membentuk kebudayaan. Harus ada arahan, pandangan dan panduan daripada Kementerian Kebudayaan ini supaya dapat di-jalankan juga arahan dan panduan itu oleh Kementerian Penerangan dan Penyiaran, dapat di-salurkan pula panduan dan arahan itu oleh Kementerian Pelajaran dalam sukatan² pelajaran dan dalam usaha² yang di-jalankan di-sekolah² dan juga patut-lah di-adakan kerjasama yang rapat dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri barangkali ada kebudayaan² kuning, barangkali dengan pandangan Kementerian ini kebudayaan² kuning itu dapat di-hapuskan atau di-hindarkan. Jadi, dengan tidak dapat di-elakkan lagi kerjasama yang rapat antara keempat² Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, Pelajaran dan Hal Ehwal Dalam Negeri perlu-lah di-adakan.

Saya melihat kepada peruntukan yang ada ini. Sa-orang Pegawai Hal Ehwal Belia, "Tingkatan-tertinggi J" sa-orang Pegawai Urusan Kebudayaan dan sa-orang Pegawai Urusan Sokan, hanya ini-lah sahaja pegawai² yang di-adakan dalam Kementerian ini bagi tahun 1965. Kita faham memang ini satu anak yang baharu lahir dan memang masa hendak melangkah dengan lancar dan laju barangkali sukar, tetapi sa-orang Pegawai Urusan Kebudayaan bagi menjaga perlaksanaan dasar kebudayaan bagi seluroh Malaysia, satu peruntukan yang sangat sedikit dan sa-orang Pegawai Hal Ehwal Belia bagi mengawasi pergerakan belia seluroh Malaysia, satu peruntukan yang sangat tidak cukup walau pun sa-bagai satu langkah permulaan.

Bagitu juga hal sokan. Kita hendakkan sokan kita ini maju dan kita hendakkan supaya bangsa kita ini menjadi satu bangsa yang sihat, kerana bangsa yang sihat akan mendatangkan fikiran yang sihat pada orang-nya.

Pada hemat saya, Tuan Pengerusi, pada peringkat yang terakhir-nya pegawai² daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini bukan sahaja ada di-peringkat pusat dan di-peringkat negeri, bahkan patut juga ada di-peringkat² daerah, kerana kita hendak memupok kebudayaan dan sokan bukan sahaja kita cukup dudok dalam satu pejabat di-Ibu Pejabat, atau di-Ibu negeri tetapi harus ada hubongannya dengan daerah², mukim² dan kampong² di-seluruh Malaysia ini.

Maka saya hanya memberi pandangan. Sunggoh pun ini satu Kementerian baharu, tetapi pada masa akan datang mesti-lah peruntukan yang lebih besar di-adakan dan mengadakan pegawai² yang cukup bagi memupok kebudayaan, belia dan sokan kita.

Saya memandang kepada muka 176, Sub-head 7 dan 9, saya dapati bahawa bantuan yang di-untukkan kepada Badan² Sokan dan menggalakkan Sokan sa-banyak \$90,000 dan peruntukan untuk rimbantu Badan² Kebudayaan sa-banyak \$60,000. Ini

menunjukkan peruntukan untuk Sokan lebih besar daripada peruntukan untuk Kebudayaan. Saya berasa sa-balek-nya harus kita lakukan. Sunggoh-lah sokan kita tahu gerakan, tetapi kebudayaan dalam pembentokan negeri kita ini sekarang ini lebih penting menduduki tempat yang lebih mustahak bagi kita. Maka saya rasa tidak cukup kalau hendak di-berikan \$90,000 kepada Badan² Sokan sa-patut-nya \$150,000 kepada Badan² Kebudayaan. Kerana ini-lah dia langkah yang sekarang ini harus kita jalankan. Sa-belum Kementerian ini di-tubuhkan memang Jabatan Perdana Menteri telah ada satu bahagian yang memberi bantuan kepada Badan² Sokan. Tetapi titek berat kita kepada kebudayaan timbul sa-telah Kementerian ini di-tubuhkan. Maka sa-patut-nya-lah peruntukan yang lebih besar di-adakan bagi bantuan kepada Badan² Kebudayaan.

Saya berkata demikian, Tuan Pengerusi, kerana saya memandang pada masa sekarang ini ada banyak segi—aspect² kebudayaan yang perlu di-hidupkan—yang perlu di-galakkan. Sekarang ini orang sebok dengan sendiwara, dengan pementasan, dengan purbawara, dengan taridra-nya dan lain² lagi, tetapi kita lupa kepada perkara² yang baik yang telah ada masa yang lalu, tetapi ada agak layu pada masa ini. Ambil umpama-nya bangsawan suatu benda, satu kejadian yang jarang² benar kita boleh lihat sekarang ini kerana tidak ada lagi. Maka ini-lah perkara yang harus di-pupok oleh Kementerian ini, harus ada usaha memupok suatu badan yang menghidupkan bangsawan ini di-bawah arahan Kementerian ini yang menjelajah sa-buah negeri ka-sabua negeri mengadakan pertunjukan bangsawan. Ini satu perkara, satu aspect kebudayaan kita yang baik, yang harus kita hidupkan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, sa-lain daripada bangsawan ia-lah makyong. Makyong sekarang sudah hampir mati, ada-lah sedikit² sahaja; barangkali Ahli Yang Berhormat daripada Kota Bharu Hilir boleh menyokong saya dalam perkara ini, bagitu juga sahabat² saya daripada Kelantan—daripada

PAS. Makyong ada banyak di Kelantan dan di-Trengganu, tetapi sekarang ini sudah tidak ada lagi pasaran. Ini suatu segi kebudayaan yang baik, suatu kekayaan kita, suatu perbendaharaan kita, maka tentu-lah patut kita menganjurkan satu badan yang boleh menghidupkan kebudayaan makyong ini dan untuk menghidupkan sa-mula patut-lah menjelajah dari sa-buah tempat ka-sabuah tempat, dari sa-buah negeri ka-sabuah negeri, supaya ini-lah satu segi kebudayaan yang asli pada kita yang hendak di-hidupkan.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, dari segi kebudayaan yang harus kita hidupkan ia-lah rodan. Rodan ini di-Trengganu, pasaran-nya tidak begitu baik. Satu segi kebudayaan yang patut kita hidupkan juga, dan ini-lah sebab saya katakan peruntukan untuk bantuan kepada Badan Kebudayaan harus pada masa ini lebeh besar lagi daripada bantuan kita bagikan kepada sokan, kerana sokan boleh hidup di-merata² tempat dan sa-kali kita mengadakan Malaya Cup, sa-kali kita main final 50,000 orang menengok-nya, berapa puluh ribu boleh dapat kutipan, ini sudah tetap sahaja. Tetapi kebudayaan, untuk hendak menengok makyong, rodan atau bangsawan, orang tidak akan menengok sampai 40 atau 50 ribu. Jadi, tentu-lah pada masa ini keperluan kita memberi galakan yang lebeh kepada menghidupkan segi² kebudayaan kita yang perlu kita hidupkan sekarang ini sangat patut mendapat perhatian daripada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menyebutkan sedikit tentang muka 174—Pusat Latehan Pemimpin Belia Kebangsaan, Kuala Kubu Bharu. Saya dapat kesempatan untuk hadir dalam upacara pembukaan Pusat Belia Kebangsaan, Kuala Kubu Bharu itu, suatu tempat yang lengkap, yang saya patut memberi pujian dan alu²an kepada benaan yang sangat sesuai bagi latehan belia bertempat kira² 4 batu dari Kuala Kubu Bharu. Tempat-nya di-tepi gunung, di-tepi-nya pula ada sa-buah sungai yang mengalir, jadi sangat sesuai ada-nya sungai tempat mandi, ada dengan padang-nya,

jadi chukup baik kerana di-bawah gunung udara-nya bagus. Dan saya sangat sukachita mendapat tahu, sa-lain daripada kursus² biasa, akan di-berikan juga dalam Pusat Latehan itu kursus² tentang hal-ehwal politik bagi menyemaikan kesedaran politik kepada belia² kita bukan politik kepartian tetapi politik kenegaraan.

Tetapi ada satu segi, Tuan Pengerusi, yang juga harus kita kaji. Pusat Latehan Belia ini bukan baharu sahaja ada sekarang ini tetapi Pusat Latehan Belia ini telah ada daripada dahulu lagi ia-itu di-Morió; sebab pada masa dahulu pusat ini di-letakkan di-bawah Kementerian Kebajikan Masharakat, telah banyak-lah kita melateh belia² kita di-pusat itu beratus² atau beribu² belia pemuda dan pemudi yang telah menerima latehan di-Pusat Latehan Belia ini dan sekarang dengan kelengkapan² dan kemudahan² yang ada di-Pusat Latehan Belia yang baharu ini, latehan² yang mereka akan dapat itu lebeh baik. Pernah-kah kita tinjau sa-takat mana sumbangan yang telah di-lakukan oleh belia² yang mendapat latehan di-pusat² latehan ini di-kampung masing². Kita telah membelanjakan wang sakian banyak, umpama-nya dalam tahun 1965 kita berbelanja lebeh kurang \$85,000 untuk Pusat Belia itu bagi melateh dalam masa sa-tahun barangkali kira² berapa ratus orang pemuda sahaja. Jadi kalau pukul rata barangkali sa-orang pemuda kita berbelanja sa-kurang²nya \$100 sa-orang sa-kali dia mendapat latehan. Apa-kah yang telah digunakan daripada pengetahuan dan pengalaman dengan latehan yang mereka dapat di-Pusat Latehan di-tempat masing². Saya rasa ini mudah di-jalankan kerana kita ada kelab² belia di-merata² kampung dan kelab² belia itu ada pusat-nya di-Kuala Lumpur—di-Ibu Kota ini, tidak-kah boleh kita jalankan menerusi kelab² belia ini supaya di-tinjau sa-takat mana-kah orang ini mengambil bahagian dalam gerakan belia di-tempat masing². Tinjauan ini perlu di-buat dari sa-masa ka-samasa, dari sa-tahun ka-satahun, supaya dengan ini kita dapat mengukur sa-takat mana kita telah memberi sumbangan kepada

perkara ini; perkara ini juga saya telah soalkan dahulu bila saya berchakap tentang RIDA. Tidak ada di-buat tinjauan sa-takat mana orang yang telah belajar di-RIDA dalam hal jahit-menjahit telah memberi sumbangan di-tempat masing². Jadi begitu juga di-kehendaki di-Pusat Latehan Belia ini kita harus membuat tinjauan, kita bukan hanya memberi latehan kepada mereka itu, lepas itu kita biarkan, apa dia buat dengan latehan-nya—kita tidak pedulikan begitu sahaja—maka sa-olah² kita hanya membuang belanja itu dengan tidak kita membuat perhitungan apa² yang telah terjadi kapada belanja yang kita telah keluarkan untuk RIDA ini.

Jadi itu-lah, Tuan Pengerusi, beberapa perkara yang saya rasa patut mendapat perhatian Kementerian ini dan tentang kebudayaan ini, Tuan Pengerusi, saya suka-lah menyatakan bahawa patut-lah pehak Kementerian ini memupok kebudayaan nasional yang berdasarkan kebudayaan asli kita. Saya hairan sangat bahawa kenapa sa-tengah² belia, bukan semua, sa-tengah² belia itu sa-bilangan kecil suka sangat kapada segi² kebudayaan yang baharu. Kalau datang rock-n-roll, rock-n-roll-lah mereka itu. Datang twist, bertwist-lah mereka itu sampai patah² pinggang dan masok hospital (*Ketawa*). Twist ini bukan senang kalau² tersalah twist, dia tersalah tulang belakang, masok hospital, ini telah banyak berlaku. Tetapi ada segi kebudayaan kita sendiri yang kita pusakai dari nenek moyang yang lemah gumalai dan endah tidak hendak kita galakkan, tidak hendak kita hebahkan, tidak hendak kita besarkan, tidak hendak kita mengambill perhatian yang berat dalam perkara ini. Ini perkara patut kita beri seruan kapada pemuda²

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Ada-kah tuan tahu bertwist?

Wan Abdul Kadir bin Ismail: Saya tidak tahu bertwist, tetapi saya tahu ada yang patah² pinggang. Ada juga yang tidak pandai bertwist bergoyang² punggung—ada juga!

Jadi, ini-lah dia perkara²-nya, Tuan Pengerusi, yang saya harap dengan ada-nya Kementerian kita ini, kita akan dapat mencapai, dan dengan yang demikian, maka satu usaha yang positive akan dapat kita lakukan bagi memupok dan membena kebudayaan nasional kita.

Enche' Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak terima kasih, kerana peluang di-beri kapada saya untuk berchakap sedikit sa-banyak dalam S. 15 dan S. 16 mengenai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan dan Muzium. Yang sa-benarnya, Tuan Pengerusi, kami sa-lama ini mahukan suasana di-dalam Rumah yang berbahagia ini tenang, kerana kita tahu, kita sedang menghadapi confrontasi dari Indonesia, maka apa tafsiran yang kami buat, maka akan timbul begitu juga tafsiran-nya dari ra'ayat pada kami, tetapi nampak-nya permintaan sudah timbul, maka jawapan-nya akan ada-lah daripada kami nanti.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini amat-lah baik sa-kira-nya dapat kita menyalorkan kapada tempat² yang baik, yang sesuai dengan keadaan-nya, dan ini akan menimbulkan satu masharakat masa hadapan dalam chara berfikir dan jalan bertindak, serentak, sesuai ia-itu-lah Kebudayaan Malaysia. Kalau tidak, akan timbul-lah sa-balek-nya—kita akan menimbulkan sa-buah negara yang berlainan kebudayaan-nya, berlainan jalan berfikir-nya, berlainan pada tindakan-nya dan akhir-nya akan hanchor-lah kita.

Dari segi belia pula, Tuan Pengerusi, kalau kena salor-nya juga, dia akan menjadi cadre belia pada hari ini, dan akan menjadi pemimpin yang besar pada masa hadapan—sa-rentak, sa-chara, sa-demokrasi, dengan tidak ada aliran kominis kalau mahu kominis, erti-nya juga baik dan harmony dengan chara bertindak masa hadapan, kalau cadre belia hari ini untuk di-salurkan pada masa hadapan yang kena pada tempat-nya, dan begitu juga sokan, dia akan menimbulkan semangat *esprit de corps*, semangat pandai berlawan, tetapi juga pandai mengaku

kebenaran. Sebab itu, ketiga² ini saya merasa ada-lah chukup tepat, kalau kena pada saluran-nya dan bijak Menteri kita mengatorkan-nya.

Tuan Pengerusi, saya sendiri maseh ragu² di-dalam masaalah mana-kah satu chorak kebudayaan yang akan kita salorkan untuk masa hadapan bagi ra'ayat yang ada di-dalam Malaysia, sebab saya katakan demikian, Tuan Pengerusi, nampak-nya hari ini jangan-lah kita membuat satu chara identity bagi negeri kita sendiri, di-dalam rupa bangsa sahaja pun kita belum ada lagi. Nampak-nya kita mesti berterus-terang sebab bagi orang² China yang ada di-dalam negeri ini tidak mahu walau pun sadikit tolak ansor dengan chara berfikir mereka, chara kebudayaan mereka dan chara pendidekan mereka, dalam chara berfikir mereka. Bagi orang² India nampak-nya demikian juga, walau pun tidak ada tindakan yang jelas yang dapat kita lihat hari ini bahawa sanya mereka itu mahu bertentang dengan kita. Bagi orang² Melayu juga, nampak-nya banyak sudah beransor, tetapi walau pun demikian nampak-nya orang² Melayu kalau terus beransor, saya tidak perchaya orang² Melayu akan dapat juga merasa nikmat dengan chara beransor-nya terus-menerus. Jadi, kalau hari ini kita tidak dapat membuat satu bentok kebudayaan yang akan memberikan chara berfikir bersama, chara bertindak bersama, chara pendidekan bersama bagi Persekutuan Malaysia ini, maka kita akan terlambat masa 10 atau 20 tahun yang akan datang—kebudayaan memang tidak dapat di-paksa, tetapi kebudayaan dapat di-buat jalan, dapat di-buat saluran, jadi saluran kebudayaan yang harus kita buat hari ini ada-lah di-dalam chara berfikir, dengan chara berpendidekan, dengan chara berchampur gaul, maka kalau-lah hari ini pehak Menteri yang berkenaan itu dapat membentangkan kepada negeri ini satu bentok kebudayaan yang lahir daripada semua kebudayaan² di-dalam Tanah Melayu ini yang mana semua mesti bertolak ansor, maka itu-lah yang akan mengayakan lagi kebudayaan kita dan itu akan menjernehan lagi kedudukan kita—itu-lah yang

akan menimbulkan satu bangsa yang baharu, yang akan dapat menguntongkan semua bangsa.

Masaalah muzium pula, Tuan Pengerusi, nampak-nya pada hari ini dan begitu-lah kehendak daripada erti muzium itu sendiri, ia-itu kita menyimpan benda² lama, benda² yang akan mengingatkan kita masa hadapan, masa yang telah lalu—apa-kah tindakan, apa-kah perbuatan orang² dari zaman dahulu sampai hari ini dapat kita adakan. Apa-kah sebab-nya kita pada hari ini pandai, umpama-nya berjoget, apa-kah sebab-nya kita pada hari ini kita pandai berumah-tangga, apa-kah sebab-nya hari ini kita pandai buat itu dan perkara² yang lain², ada-lah lahir daripada masa yang telah lalu, tetapi, Tuan Pengerusi, saya menghendaki supaya muzium yang telah kita chipta dan akan di-chipta di-masa² yang akan datang lagi, jangan-lah semua perkara² yang harus kita simpan di-dalam muzium kita itu. Apa perkara yang kita jumpa sahaja, di-mana sahaja kita dapat, tetapi mesti juga kita membuat satu trace di-dalam kebudayaan kita sendiri daripada hari ini sampai pada masa yang dahulu² supaya ada hubungan-nya di-antara kebudayaan dahulu dengan kebudayaan sekarang ini, dan dapat-lah kita fikirkan dengan reflect yang ada di-dalam muzium itu sendiri, sebab kadang² ada satu perkara yang ada di-dalam muzium itu sendiri, kita tidak tahu di-mana puncha-nya, kadang² kita tidak tahu ada-kah tidak perkara ini, sa-hingga menimbulkan kapada kita sa-olah² lahir-nya

Engku Muhsein, bin Abdul Kadir: Saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu tolong-lah perlahan sadikit berchapak—saya ta' sempat hendak hambat dia berchapak laju sangat.

Enche' Mustapha bin Ahmad: Sa-hingga dengan ada-nya satu benda² yang luar biasa yang kita tidak faham kejadian² yang ada yang lama² di-dalam muzium itu—bagi kita masa sekarang sudah luput hendak memahami trace-nya itu; rangkaian dari pada hari ini sampai kapada dahulu ada hubungan-nya dengan kita, dengan kebudayaan kita yang ada di-dalam

muzium itu. Jadi, kita mahu-lah supaya jangan ada satu pepatah yang berkata “Seni untuk Seni” sahaja, “Kebudayaan untuk Kebudayaan” sahaja; biar-lah seni untuk manusia kebudayaan untuk manusia dan apa yang ada di-dalam muzium itu untuk kita bagi ra’ayat Persekutuan Malaysia. Sekian, Tuan Pengerusi.

Enche’ Abdul Ghani bin Ishak (Melaka Utara): Saya ucapkan ber-banyak terima kaseh, kerana saya dapat bersama² berchakap pada pagi ini ia-itu dalam Head S. 15 dan S. 16. Mula² sa-kali saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Kepala S. 15 ia-itu berkenaan dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan.

Pada keseluruhan-nya peruntukan sa-banyak \$1,037,890 ini, saya rasa sangat-lah tidak berpadanan, kerana daripada apa yang saya pandang, sa-lain daripada Kementerian Pelajaran, maka Kementerian Kebudayaan ini saya rasa berat juga—tidak kurang berat tanggungan-nya daripada Kementerian Pelajaran, tetapi dia rendah, barangkali yang kedua tanggong-jawab-nya di-dalam hal masharakat, di-dalam hal semua ra’ayat pada masa akan datang. Kalau di-semak dari keseluruhan-nya, harus barangkali Menteri Muda yang berkenaan ada di-dalam Rumah ini tidak-lah takut², barangkali hendak meminta tambahan belanjawan dalam masa yang akan datang, kerana kalau sa-takat yang ada, yang di-tunjokkan dalam Budget kita ini, saya rasa banyak sangat perkara² yang harus, barangkali dia punya nama sahaja Kementerian ini—ada dengan tempat-nya, tetapi tugas-nya besok langsung tidak ada, atau pun ta’ dapat kita hendak timbulkan satu² benda yang di-katakan ini, ini dia benda-nya yang di-berikan kewajipan kepada Kementerian ini, kerana di-dalam masaalah ini, chuba-lah kita pechahkan kepada beberapa pechahan yang ada di-dalam Anggaran ini, ia-itu kalau kita hendak pandang dalam hal sokan sahaja—sa-takat mana, kemudian kalau kita hendak pandang sa-takat belia sahaja—sa-takat mana, dan kalau kita hendak pandang lagi dalam hal kebudayaan—sa-takat mana juga kerja-nya. Sunggoh

pun kita tahu yang Kementerian ini baharu, tetapi di-dalam perhitungan kita untuk hendak mengadakan satu rupa kebangsaan kita di-masa yang akan datang, saya rasa Kementerian ini mesti-lah lebeh banyakkan belanja daripada Kementerian Kebudayaan yang ada di-seluruh dunia ini. Bukti nya di-negeri² lain, kalau kita meng-adakan satu Kementerian Sokan, Belia dan Kebudayaan—di-India mithal-nya, hanya soal² yang timbul, atau pun hendak memupok kebudayaan atau pun hendak menyalorkan kebudayaan itu hanya daripada satu bangsa yang terbit, atau pun yang berasal daripada satu bangsa ia-itu orang India dan bagitu juga kalau kita kata pada tempat² lain, atau negeri² lain, kalau kita pandang, atau hendak bandingkan betapa hal-nya kita di-Malaysia ini, bukan sahaja banyak, tetapi daripada suku² kaum yang sama asal-nya, yang sama keturunan pun banyak.

Jadi, tentu-lah dengan peruntukan yang di-beri, terutama sa-kali bagi pegawai², atau pejabat² yang di-untokkan kepada Kementerian ini, tentu-lah tidak terkajang, atau tidak terbuat kerja-nya dalam masa yang akan datang, dan saya takut, kalau lambat kita bergerak masaalah ini, saya rasa tentu-lah lambat kita dapat me-nimbulkan jenerasi yang satu, atau yang sama dalam tindak-tandok-nya bekerja atau pun mati untuk Malaysia ini.

Tuan Pengerusi, dalam memper-katakan hal kebudayaan, saya tidak-lah melarut² sangat saperti wakil dari Bachok mengatakan tarian itu ada yang bersemangat dan ada yang tidak bersemangat. Saya tidak tahu mengkaji satu² perkara ini, kerana saya rasa dia dengan saya lebeh kurang sahaja. Jadi kita berchakap benda yang kita ta’ tahu, lebeh baik jangan chakap atau pun lebeh baik jangan kita memberi fikiran macham mana yang di-katakan tarian yang bersemangat dan tarian yang ta’ bersemangat, padahal me-nilai seni dan tarian itu ada orang yang boleh menilai-nya, jangan semua yang melenggok itu manis kita pan-dang, ada juga yang melenggok tempang-nya. Jadi saya harap dalam menilai pendapat pada masa akan

datang, ada tempat-nya. Sekarang kita tubuhkan Kementerian ini, dia boleh menyalorkan hal, mithal-nya, mengawal tentang hendak menimbulkan satu tarian kebangsaan. Jadi biar-lah pegawai² yang berkenaan itu menimbulkan satu, kemudian kalau ada fikiran kita hendak melembutkan lagi, kalau tarian “mak inang” itu tidak sampai ka-bawah, suroh dia sampai ka-bawah itu boleh-lah beri fikiran.

Saya nampak, Tuan Pengerusi, berkenaan dengan hal ini dalam Kementerian ini ada satu kurang ia-itu kalau kita selidek dalam Pechahan² Kepala ini tidak ada satu Pechahan Kepala Penerangan dalam seksi kebudayaan, tidak ada satu seksi penerangan hendak menerangkan atau yang hendak mengeluarkan risalah, sebab Pechahan Kepala 3 yang di-katakan perchetakan alatulis-menulis ini tentu-lah saya maksudkan perkara hendak membuat hal pejabat, hal² perintah, hal² perhubungan di-antara pejabat², tetapi tidak ada hal penyiaran. Jadi daripada Menteri mana yang hendak menyiarkan besok—ini dia tarian kebangsaan. Saya hendak menyebut tarian ini, saya bukan ahli tari, sebab saya tidak pernah menari di-mana² majlis pun, tetapi saya bacha umpama tarian zapin, langkah yang macham mana, langkah kedepan berapa, langkah kebelakang berapa, daripada sini tidak ada kita hendak salorkan. Dan perkara ini saya rasa bukan-lah untuk dalam hal kebudayaan atau pun hal kesenian bukan-lah satu kelompok yang kechil pergunaan-nya, dia mesti sampai kasekolah dan ka-mana², jadi mesti-lah berkenaan dengan ini hendak ditambah atau pun hendak di-adakan pada masa akan datang.

Berchakap berkenaan dengan hal kebudayaan ini, Tuan Pengerusi, saya terkena dengan diri saya sendiri. Saya ini orang kawasan Melaka Utara. Dalam kawasan Melaka Utara ini dia lebeh merep ka-Negeri Sembilan—Jajahan Alor Gajah itu lebeh merep ka-Negeri Sembilan, dia ada mempunyai adat-istiadat yang bersendiri, ia-itu adat perpateh saya hendak masukkan ka-mana pun chakap saya ini, saya tidak tahu. Saya minta Menteri Muda beri ingat saya, lepas

ini beri jawab, sebab kita sebut kita sayang dengan budi dan daya kebangsaan kita dan kebudayaan ini ialah nilai kebangsaan kita, tetapi nampak-nya kebudayaan yang ada sekarang ini tidak terkawal. Itu-lah sebab Ahli dari Kuala Trengganu Utara, kalau saya tidak salah, takut ia-itu tarian twist masok, tetapi kita sendiri tidak kawal. Kata-lah umpama adat-istiadat perkahwinan, kami memakai adat perpateh, tetapi sekarang ini sudah banyak longgar, mereka yang sudah lama bermastautin di-Kuala Lumpur ini apabila balek ka-Rembau, ka-Alor Gajah, ka-Masjid Tanah ditempat saya, mereka tidak banyak lagi memakai adat-istiadat ini, dan kadang² adat yang chantek ini tidak di-bela. Jadi susah-lah kita hendak mendapat yang asli-nya pada masa² yang akan datang. Tahu-kah, Tuan Pengerusi, macham sekarang kami di-Melaka ada Undang² yang menjaga adat-istiadat sahaja, orang yang kedua dalam negeri Melaka sa-lain daripada Yang Terutama Governor kalau masok dalam adat-istiadat di-Alor Gajah di-Melaka, tetapi beliau ini kalau hendak menulis surat dengan O.G.S. pergi meminta kepada Pejabat Daerah kalau di-beri, kadang² muka Pegawai Daerah itu masam. Jadi, saya tidak tahu macham mana hendak menghidupkan perkara ini. Macham mana beliau ini hendak memanggil atau hendak mengundang orang² datang hendak bermeshuarat hendak memikirkan dan hendak memupok macham mana adat-istiadat itu baik atau pun hendak di-hapuskan atau hendak mengikut adat temenggong oleh kerana ada tempat² yang tidak betul dengan hukum ugama kita. Jadi, itu-lah sebab-nya saya berkata bila saya bangkitkan dalam hal ini Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang di-adakan satu Kementerian ini bukan kechil tanggung-jawab-nya. Rosak Kementerian ini rosak-lah bangsa yang akan datang, sebab mengenal satu bangsa saya kata ia-lah nilai daripada kebudayaan. Jadi benda ini bukan-lah boleh di-kaji dengan chara yang pendek, tetapi peruntokan dan tempat² yang patut kita buka umpama perhubungan daripada Federal dengan Negeri itu tidak ada langsung nampak-nya dalam

peruntukan kita. Jadi, macham mana benda ini dapat kita hendak jalankan sa-kehendak jiwa orang² Malaysia pada masa akan datang.

Jadi dalam hal kebudayaan ini pun, Tuan Pengerusi, sebab kita ini Kerajaan Pusat, kita mesti mengambil tahu juga hal² yang berlaku di-Singapura, kerana Singapura sendiri ada Menteri Kebudayaan. Ada-kah kita yang akan datang ini hendak mengikut kebudayaan yang di-bawa oleh Menteri Kebudayaan Singapura atau pun apa yang di-buat oleh Singapura, atau pun Singapura mesti bersama² mengikut chara atau pun aliran kebudayaan yang di-buat oleh Kerajaan Pusat. Tetapi dalam pengalaman saya—saya ini bukan-lah orang yang membuat plan yang elok, tetapi pada anggap kami yang mewakili ra'ayat, ra'ayat kata mana² yang di-buat oleh kemahuan ramai, kemahuan besar itu-lah yang dapat galakan. Jadi harus perkara ini patut kita perhatikan daripada sekarang ini supaya jangan sudah tersimpang jauh pada masa akan datang baharu kita sedar atau pun baharu kita ingat.

Jadi, Tuan Pengerusi, dalam soal hendak melateh atau pun boleh-lah saya sebutkan dalam pusat latehan, saya suka menyokong pendapat sahabat saya yang berchakap tadi, oleh sebab Kementerian ini baharu dia akan bergerak pada tahun yang akan datang ini, saya rasa elok-lah bagi pehak Kementerian ini mengkaji dahulu atas belia² yang telah dapat latehan ia-itu sa-takat mana yang mereka dapat sampaikan atau pun dapat di-buat sa-lepas mendapat latehan itu. Ada-kah berguna atau tidak atau pun ada-kah dia dapat kita salorkan supaya dapat kita menimbulkan satu rasa persamaan untuk Malaysia, patut-lah kita tahu. Saya sangat tertarek hati dalam perkara ini kerana mereka yang banyak dapat di-gunakan oleh anasir² luar ia-lah belia. Ini bukti yang terang. Jadi saya tidak mahu-lah erti-nya belia² Malaysia yang akan datang akan jadi manusia yang akan jadi orang dewasa Malaysia boleh di-gunakan oleh orang asing, orang luar atau oleh kuasa asing yang boleh di-tanjul hidong-nya.

Jadi itu-lah dia pusat latehan yang di-adakan oleh Kementerian ini pada masa akan datang elok-lah menuju kapada ini supaya jangan terkeluar anak² muda kita yang akan mengganti kita pada masa akan datang boleh di-jual beli jiwa-nya, boleh di-jual beli pendapat-nya dengan harga yang murah, dan kadang² mereka ini semua-lah yang akan menjahanamkan jenerasi kita masa yang akan datang.

Jadi, saya harap, Tuan Pengerusi, dalam masa yang akan datang jangan-lah segan² bagi pehak Kementerian ini menyuarakan atau pun mendapatkan peruntukan yang lebeh banyak lagi supaya dapat mentadbirkan benda ini bukan dengan chara mencherminkan ada ini dan itu, tetapi sa-hingga perektilal-nya sa-hingga sampai ka-bawah dapat di-jalankan dengan sawajar-nya supaya dalam masa pendek kita dapat menimbulkan bangsa kita ini atau orang² yang akan menggantikan kita menjadi manusia yang sa-sungguh-nya hidup atau pun mati untuk Malaysia pada masa akan datang.

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kaseh, serta mengalu²kan peruntukan yang di-pohon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya dapat memperkatakan dalam masaaalah ini ia-itu kita berada dalam sa-buah negara yang muda, berbagai keturunan, berlainan kebudayaan dan kesenian. Kementerian ini tentu-lah memupok bagi menjadikan kebudayaan kebangsaan Malaysia, yang mana kebudayaan Melayu di-jadikan teras serta tidak berlawanan dengan ajaran Islam yang berupa mushrik. Pemerintah akan menchari nilai yang tinggi dan sihat bagi menuju ka-arrah itu kerana soal kebudayaan dan kesenian bukan soal politik, tetapi ada-lah hubungan masharakat yang semua jadi pen-chinta-nya.

Saya berchakap, Tuan Pengerusi, berhubung dengan kebudayaan ini dan apa yang saya chakap ini ada hubungan dengan kebudayaan ia-itu saya mensarankan supaya Menteri yang baharu ini merakamkan satu

pakaian yang berunsor kebangsaan Malaysia dan yang berteraskan Melayu. Memang benar negeri kita ini bebas, ra'ayat boleh memilih apa juga pakaian yang di-suka'i. Menunjukkan kemasraan antara kaum dalam negeri ini, hingga chekak musang baju melayu yang Teramat Mulia Perdana Menteri mengambil contoh daripada baju cheongsam orang keturunan China. Ini menunjukkan kemasraan kita dalam hubungan pakaian. Kalau Kementerian dapat menjalankan pakaian yang saya hendak shorkan, ini bukan-lah saya hendak pakaian yang di-khaskan itu di-gunakan pada tiap² hari, saya chuma menunjukan kepada peringkat yang tertentu ia-itu dalam waktu majlis upacara, sama ada suka, duka, waktu ka-luar negeri dan di-mana juga, seperti majlis mengadap Raja², Yang di-Pertuan Agong atau majlis pembukaan rasmi yang di-hadhiri oleh Yang di-Pertuan Agong.

Gemar saya menganalisa pakaian itu: bagi pakaian laki²-nya pakaian kebangsaan yang ada sekarang ini atau pakaian yang lengkap kita sebut sekarang, tetapi menurut hemah saya pakaian lengkap yang ada sekarang ini tidak sempurna, tidak berunsor kebudayaan dan saya minta supaya di-tambah songkok. Kalau Yang Berhormat Menteri waktu menghadiri satu upacara dengan pakaian sa-ragam Kementerian-nya dengan ada songkok, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Sarawak, walau beliau berambut panjang, sanggup memakai songkok. Saya harap juga dalam majlis yang sa-umpama itu yang saya katakan itu para jemputan itu sanggup memakai pakaian lengkap yang ada berunsor dengan kebudayaan Melayu ia-itu dengan memakai songkok. Pada pehak wanita-nya, Tuan Pengerusi, pakaian kebangsaan yang saya hendak sebutkan ia-itu pakaian baju kurong atau baju kurong Johor atau kebaya laboh. Ini satu pakaian yang menunjukkan kita orang Melayu, orang Malaysia ini ada sopan dan ada mempunyai peradapan yang lemah-lembut tatatertib terhadap Ketua² Negara.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan

dengan Menjilid Buku² Lama dan Majallah di-muka surat 182. Saya puji Kementerian ini sedang meng-usahakan dalam menjilid buku² dan majallah ini, tetapi saya nampak ada satu perkara berhubung dengan buku ini kalau boleh Kementerian ini meng-gubal satu buku yang di-namakan buku kebudayaan dan kesenian Malaysia. Dalam buku ini kita akan muatkan segala kebudayaan dan kesenian ra'ayat Malaysia ini daripada apa segi. Maksud saya dengan ada-nya buku yang sa-umpama ini dapat-lah semua ra'ayat negeri ini mengetahui adat-istiadat satu² kaum. Dengan itu dapat lagi menghubungkan kaseh masra dan perpaduan ra'ayat yang kita akan bentok itu. Saya gemar menarek perhatian pada buku yang saya maksudkan ia-itu dengan di-isi dan dengan di-muatkan seperti adat resam sa-bagaimana yang telah di-chakapkan oleh Yang Berhormat dari Lipis tadi, adat resam Raja kita berangkat dan adat resam dalam jamuan. Dalam jamuan itu, Tuan Pengerusi, saya suka menyebutkan walau sa-berapa besar jamuan saya mahu jamuan itu berteraskan jamuan kebangsaan Malaysia. Tuan Pengerusi, teras-nya itu saya nampak hendak-lah ada dalam jamuan itu garam, lada atau sambal belachan. Jadi, tidak-lah merisaukan salah sa-orang daripada sahabat saya dari Lipis yang pergi ka-Sarawak tidak jumpa sambal belachan. Dengan ada-nya apa saya katakan jamuan yang berteraskan dan berunsorkan kebudayaan dan dengan ada-nya sambal belachan, garam dan lada dalam tempat itu, dapat menunjukkan bahawa majlis jamuan itu berunsorkan dengan kebudayaan Malaysia.

Yang kedua, bangunan rumah yang berunsor Melayu. Merasmikan satu² pembukaan dengan ada do'a, waktu mengangkat sumpah, menyambut pelanchong, adat istiadat ra'ayat jelata mengamalkan gutong-ruyong sama ada susah, suka atau senang dan adat berkabong sa-bagaimana yang telah di-lancharkan sekarang. Saya sangat besar hati bagi ra'ayat orang Islam ia-itu berhubung dengan kemangkatan Ketua Negara itu membacha Quran. Itu satu adat yang sangat baik.

Tuan Pengerusi, pada akhir-nya saya hendak menyentoh berhubung dengan pakaian tadi. barangkali tentu-lah waktu hendak melaksanakan kebudayaan Malaysia itu berunsor kebudayaan Melayu sangat sulit kapada masharakat orang² Sikh, sebab mereka ta'assub dengan serban-nya. Jadi dengan itu saya nampak ada satu chara orang keturunan Sikh yang menjadi warga-negara Malaysia ini kalau hendak menggunakan pakaian sa-bagaimana yang saya chakapkan, pakai sahaja bagaimana pakaian Yang Berhormat dari Reinbau-Tampin, berserban dan pakai-lah chara biasa, tetapi dia kena pakai pakaian Melayu. Jadi, soal ini dapat di-selesaikan berhubung dengan keturunan Sikh. Jadi, itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, pendapat saya berkenaan dengan Kementerian ini.

Enche' Abdul Rauf bin Abdul Rahman (Krian Lau): Tuan Pengerusi, saya suka-lah mengambil bahagian untuk memberi sedikit fikiran bersangkutan dengan Anggaran Perbelanjaan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan bagi tahun 1965 ini.

Tuan Pengerusi, mengikut Anggaran Perbelanjaan yang ada di-hadapan kita bersangkutan dengan kebudayaan, belia dan sokan hanya ada sa-banyak \$1,037,890. Bagaimana yang telah di-terangkan oleh rakan² saya tadi mengatakan peruntukan ini tentu-lah tidak menchukupi. Saya juga bersetuju dengan fikiran yang telah di-berikan oleh rakan² saya itu, tetapi di-sebabkan Kementerian ini baharu dan sudah tentu-lah tidak dapat hendak di-buat-nya segala² yang boleh melebehkan peruntukan perbelanjaan bagi tahun 1965 yang akan datang ini. Saya perchaya Anggaran tahun 1966 akan menchapai lebeh sa-kali ganda daripada Anggaran Perbelanjaan tahun 1965 yang akan datang ini. Di-samping itu, saya menguchap tahniah kapada Kementerian ini, sunggoh pun yang saya sebutkan baharu, tetapi dengan usaha dan tenaga yang di-berikan oleh Kementerian ini hingga-lah dapat di-buat sedikit sa-banyak perkara² yang ber-

sangkutan dengan kebudayaan, belia dan sokan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga hendak berchakap atas perkara di-muka 176, Sub-Head 15, Pechahan 7—Bantuan kapada Badan² Sokan dan menggalakkan Sokan. Tuan Pengerusi, bila kala kita menyebutkan sokan, dalam tanah ayer kita ini berbagai² permainan ada, main bola sepak, main cricket, main hockey, bola jaring, tennis dan bermacam² permainan ada. Tetapi satu permainan asli ia-itu permainan di-zaman orang² tua kita dahulu nampak-nya—pada sa-tahu saya chuma satu negeri sahaja dalam Malaysia ini yang ada lagi menjalankan atau mengadakan permainan itu ia-itu permainan gasing. Umpama-nya permainan sepak raga jaring, itu satu daripada permainan orang Melayu kita, dan boleh dikatakan permainan itu umur-nya baharu. Walhal dahulu, sepak raga jaring di-mainkan dengan lengkungan 6 orang, tetapi sekarang sudah berubah, sepak raga jaring sudah menjadi satu daripada permainan kebangsaan orang² kita Melayu. Tetapi permainan gasing ini, Tuan Pengerusi, langsung² ketinggalan ka-belakang hanya-lah satu negeri sahaja yang saya tahu mengambil bahagian lagi untuk mengadakan permainan gasing sa-chara besaran² sampai memotong kerbau pun ada ia-itu di-Melaka. Apakala pertandingan di-antara satu mukim dengan satu mukim, boleh di-katakan sa-chara besaran². Dan saya perchaya jika sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat yang bukan daripada orang Melaka atau orang Negeri Sembilan atau Johor, kalau menengok orang bermain gasing ini barangkali hairan juga, fasal apa, bukan-nya permainan itu tidak menggunakan akal sa-bagai permainan bola umpama-nya main badminton, main gasing ini pun menggunakan akal juga. Umpama-nya sa-macham memusing gasing kalau berempat atau berenam orang memusing gasing itu tidak jauh antara satu dengan lain, begitu pandai orang itu meletakkan gasing itu berpusing dengan ligat-nya—tidak jauh antara satu dengan lain. Dan juga orang² yang memangkah itu pandai pula dia memangkah,

di-ambil-nya satu sahaja yang tiga itu tidak terusek—bagitu punya pandai. Jika Yang Berhormat² di-sini tidak pernah menengok orang bermain gasing, bukan gasing macham budak² kita main itu—ini gasing asli. Jika di-tengok sedap sahaja mengatakan, oh! “pandai sunggoh orang itu”.

Saya fikir patut-lah sangat Kementerian ini chuba² menyiasat perkara ini mudah²an permainan gasing ini boleh kita bawa ka-negeri² lain yang ada dalam Malaysia ini dan kalau hendak menchuba menyiasat bagai-mana keadaan permainan gasing itu, chuba-lah pergi di-sebelah Melaka, berunding-lah dengan Yang Berhormat Ketua Menteri Melaka atau pun siapa² Wakil Ra'ayat di-sana terutama macham Yang Berhormat wakil dari Jasin, Melaka Selatan, tempat dia-lah selalu-nya ada perlawanan gasing ini. Jadi ini satu fikiran yang dapat saya berikan mudah²an dengan usaha daripada Yang Berhormat Menteri Muda dapat-lah permainan gasing ini kita majukan—kita jayakan sa-bagaimana masa² orang tua² dahulu—yang beratus tahun dahulu.

Sa-lain daripada itu, saya suka hendak berchakap sedikit atas perkara di-muka surat 176 ini juga Pechahan Kepala 10—Bantuan kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita. Tuan Pengerusi, saya di-sini tidak faham apa maksud Bantuan kepada Persatuan² Pengakap dan Pandu Wanita yang peruntokan-nya sa-banyak \$235,750. Ada-kah bantuan ini kita bagi kerusi meja atau pun perkakas² lain atau pun bantuan wang ringgit, ini yang saya tidak faham. Saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri Muda dapat menerangkan berkenaan dengan perkara ini supaya waktu saya balek nanti tidak-lah saya was² hati apa anggaran perbelanjaan yang di-letakkan sa-banyak \$235,750. Jika sa-kira-nya hendak beri bantuan kerusi meja atau hendak beri wang ringgit, beri-lah, dapat saya, waktu balek nanti, menyampaikan kepada Persatuan Pengakap di-Jajahan Krian, kerana saya sa-bagai Pengerusi-nya dan saya di-minta menyampaikan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan

Sokan ini supaya dapat memberikan penjelasan, sakan terima kaseh.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji (Pasir Mas Hulu): Tuan Pengerusi, saya sa-benar-nya tidak-lah berchadang hendak berchakap atas Kementerian ini, tetapi kerana barisan PAS ini pagi² lagi telah di-chabar oleh pahlawan bangsa-wan yang memakai keris kayu itu, jadi saya terpaksa-lah menjawab-nya, Tuan Pengerusi. Dalam masaalah berhubung dengan belia dan masaalah perhubungan belia kita ini dengan Kerajaan Israel, boleh jadi Kerajaan Pusat ini tidak pernah melakukan perhubungan itu, tetapi Kerajaan Singapura yang di-pimpin oleh Lee Kuan Yew yang menjadi Perdana Menteri nombor dua dalam Malaysia ini, pernah dan sekarang pun sudah di-adakan tukar² belia dengan Kerajaan Israel, belia² dari Israel sudah pun pernah melawat Singapura dan ini-lah benda yang di-pertimbul atau di-soalkan oleh PAS bagi pengetahuan Kerajaan Pusat ini.

Yang pertama, benda yang selalu di-laong²kan oleh Kerajaan Pusat mahu merapatkan perhubungan Malaysia ini dengan Kerajaan Asia Africa—dengan negara² Asia Africa. Apa yang kita tahu, Kerajaan Israel ini ia-lah sa-buah Kerajaan bangsa yang di-dirikan oleh kemahuan British dan Amerika yang menjadi duri dalam daging bagi umat² Arab dan Africa. Kerajaan ini di-benarkan oleh Kerajaan Pusat ini membuat perhubungan ia-itu Singapura. Tuan Pengerusi, kita mahu supaya negara² Asia Africa ini memberi sa-banyak² bantuan dan memahami kehendak Malaysia ini dalam soal konfrantasi dengan negara jiran, Indonesia. Bagaimana kita mahu mendapat sambutan daripada negara Africa Asia?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, di-atas butiran mana Yang Berhormat itu berchakap?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Masaalah belia, Tuan Pengerusi. Bagaimana kita hendak mendapat sambutan daripada negara Asia Africa kalau benda yang menjadi

duri dalam daging ini kita simpan, ini masaalah utama.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Perkara ini maseh di-bangkitkan lagi pada hal di-dalam jawapan Kementerian ini kapada Soalan Bertulis oleh wakil daripada Bachok, bagaimana yang telah di-bentangkan di-atas meja pada hari pertama Dewan ini, dengan jelas mengatakan yang kita tidak langsung membuat apa² perhubungan dengan Israel dan juga yang kita tidak ada membuat jemputan apa² pun. Dan Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah berchakap dengan bahasa Melayu baharu sa-kejap tadi menafikan segala²-nya dan menyatakan kerjasama yang kita beri dalam berbagai² lapangan, baik wang dan lain² lagi kapada Kerajaan² Arab, orang pelarian Arab dan lain² lagi. Jadi masaalah ini saya nampak tidak patut di-bangkit²kan perkara itu juga.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya faham. Saya tidak berchakap Kerajaan Pusat yang membuat perhubungan tetapi saya berchakap Kerajaan Singapura.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan boleh berchakap dalam masa dasar bukan dalam masa Committee.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tuan Pengerusi, mula² saya berchakap tadi, saya bertanya ada-kah Kerajaan Pusat ini tahu bahawa Kerajaan Singapura ini boleh membuat perhubungan, dan ada-kah Kerajaan Singapura ini berhak membuat suatu perhubungan dengan negara lain sedangkan negara lain itu tidak di-aku² oleh Kerajaan Pusat.

An Honourable Member: Di-waktu bila?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tolong bacha surat khabar, saya pandai bahasa Melayu, Tuan Pengerusi. Saya bukan tidak pandai, saya pandai bahasa Melayu, lebeh lagi daripada Yang Berhormat Menteri Muda itu sendiri. Masaalah yang saya chakap ini, Kerajaan Singapura boleh membuat perhubungan dengan Kerajaan Israel.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Ada-kah tuan boleh menyatakan tahun berapa di-adakan perhubungan itu?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tahun lepas, rombongan Pemuda Belia daripada Kerajaan Israel sudah melawat Singapura.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tahun berapa?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Tahun lepas, tahun 1963.

Itu masaalah-nya, Tuan Pengerusi, saya tidak menyalahkan Kerajaan Pusat, tetapi saya mahu tahu ada-kah lawatan dan perkara² yang di-lakukan oleh Kerajaan Singapura itu tidak mendapat kebenaran, atau pun Kerajaan Pusat ini tahu—itu benda-nya

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Waktu itu belum ada Kementerian ini lagi!

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Itu dia masaalah-nya, Tuan Pengerusi, dan masaalah² lain—kebudayaan, saya pun hairan, fasal apa, apabila kita berchakap masaalah Israel ini, banyak saudara² kita dari orang² UMNO ini marah. Ini sa-benar-nya masaalah besar, masaalah international, masaalah yang mesti di-hadapi oleh semua. Jadi, ini-lah benda-nya yang boleh jadi pada masa dahulu Kementerian ini

Mr Chairman: Tadi sa-lepas kita mendapat perhatian saperti yang diberikan oleh Perdana Menteri, sapatut-nya berpuas hati-lah.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Terima kaseh, Tuan Pengerusi—itu ta' apa-lah. Masaalah kebudayaan, kita sudah tahu chita² Kerajaan Pusat dan chita² Kementerian Kebudayaan ini mahu menjadikan satu kebudayaan nasional yang berteraskan kapada kebudayaan Melayu—ini mendapat sokongan yang sa-penoh-nya daripada semua, boleh jadi pendudok² Malaysia ini, dan daripada parti PAS sendiri, kita memberi sokongan yang sa-penoh²-nya kapada kebudayaan Malaysia ini

di-teraskan ka-atas kebudayaan Melayu, tetapi maseh menjadi tanda tanya kapada kami, ia-itu maseh ada di-dalam pertunjukan national, maseh ada di-dalam pertunjukan² negara, kebudayaan² lain saperti tarian² naga, tarian² Khrishnan Rajuna—ini semua tarian yang di-bawa mencheritakan kebesaran Kerajaan² mereka di-zaman dahulu.

Tuan Pengerusi, saya mengharapkan supaya Kementerian ini betul² meng-nationalise-kan banyak kebudayaan² kita sendiri, saperti yang di-chakapkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, Makyong, dan bila kita berchakap masalaah kebudayaan ini, negeri Kelantan-lah sa-buah negeri yang paling kaya dengan kebudayaan² yang maseh hidup, bukan sahaja di-Melaka ada kebudayaan berkenaan dengan gasing umpama-nya, tetapi Ahli Yang Berhormat itu sudah lupa bahawa negeri Kelantan-lah yang pernah menghantar gasing-nya di-dalam pertunjukan² di-seluruh permainan di-Tanah Melayu ini, dan boleh jadi empat orang yang memukul gasing itu tidak kena, tetapi di-negeri Kelantan ada gasing yang boleh berpusing sampai 100 jam dengan tidak berhenti²—100 jam tidak berhenti².

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman (Krian Laut): Saya hendak memberi penjelasan sadikit, Tuan Pengerusi—boleh-kah?

Mr Chairman: Kalau dia boleh beri.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Ta' mustahak. Saya mencheritakan keadaan negeri Kelantan, ada gasing yang boleh berpusing sampai 100 jam.

Enche' Abdul Raof bin Abdul Rahman: Saya bukan sebut orang Melaka yang pandai main gasing—saya kata siapa yang merengok orang yang bermain

Mr Chairman: Order!

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Itu-lah dia masalaah-nya, Tuan Pengerusi, masalaah kebudayaan—negeri Kelantan-lah negeri yang terkaya dengan kebudayaan,

bukan sahaja makyong, benda² lain pun ada, sedangkan di-Muzium Negara kita ini pun tiga suku barang² itu adalah datang-nya dari negeri Kelantan, dan yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah kebudayaan kuning. Benda ini di-chakapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, tetapi masalaah sekarang ini tidak guna berchakap, melainkan Kerajaan ini, pehak Kementerian ini, Menteri Muda ini khas-nya mengambil satu tindakan yang tegas, haramkan terus semua sa-kali kebudayaan² kuning di-masokkan ka-dalam Tanah Melayu ini. Haramkan semua tarian² twist, rock-n-roll, tarian² chabul yang boleh merosakkan

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, yang di-katakan kuning ini pakaian di-raja.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Oh, sudah silap! Kebudayaan kuning ini, kebudayaan chabul, bukan kebudayaan raja—warna kuning itu yang di-rasmikan sabagai warna raja. Ini Yang Berhormat Menteri Muda Kebudayaan sendiri tidak tahu.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tidak—saya mengatakan kuning itu warna di-raja, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Kuning itu warna di-raja, tetapi kebudayaan kuning itu sudah di-rasmikan "Yellow Culture".

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Saya maksudkan kuning itu warna di-raja.

Mr Chairman: Itu betul kuning warna di-raja.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Saya pun betul, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Yang Berhormat pun betul juga. Ini ada dua ma'ana.

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Ta' ada guna masalaah ini, dia pun setuju, Tuan Pengerusi, tetapi dia sengaja hendak panaskan. Jadi, itu-lah dia, Tuan Pengerusi, saya menchadangkan kapada Yang Berhormat Menteri Muda ini sendiri supaya

mengharamkan semua tarian², kerana ini-lah tarian² yang akan merosakkan jenerasi kita yang akan datang, dan tentu-lah bagaimana kita hendak memelihara kebudayaan² kita, kalau datang kebudayaan² ini maka kebudayaan² kita itu akan kalah dengan masuk-nya kebudayaan² yang tidak betul ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, sedikit sahaja—ini terkena pada kebudayaan juga, ia-itu gelaran "Dato'". Saya minta ma'af, kalau ada-lah sa-siapa sahabat² saya yang ada gelaran Dato'—tidak-lah saya tujukan kepada mereka itu. Zaman dahulu, Tuan Pengerusi, zaman kebesaran Kerajaan

Mr Chairman: Yang Berhormat berchakap di-bawah Kepala mana?

Enche' Abdul Samad bin Gul Ahmad Mianji: Kebudayaan. Gelaran Dato' ini, Tuan Pengerusi, zaman dahulu, apabila mencheritakan kebesaran Raja² Melayu dahulu, kebesaran sejarah² Melayu, bila di-beri gelaran Dato' ini kepada satu² orang, maka kedaulatan orang itu amat-lah di-hargaï oleh sekalian orang, tetapi banyak sangat sekarang, ia-itu Kerajaan Pusat memberi gelaran Dato' dan Kerajaan² Negeri yang lain itu pun memberi gelaran Dato'. Rasa saya kalau saya menhadangkan, biar-lah gelaran Dato' itu di-keluarkan oleh Kerajaan Pusat sahaja dan Kerajaan² Negeri itu chari-lah satu gelaran yang lain—kalau boleh, kalau tidak boleh—itu ta' apa. Kalau kita tidak mahu banyak sangat gelaran Dato' itu. Jadi, bila banyak, jadi kurang-lah daulat-nya itu—itu-lah, kalau boleh, kalau ta' boleh ta' apa-lah. Terima kaseh, Tuan Pengerusi.

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin (Lipis): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap atas S. 15 ia-itu Pechahan Kepala I, Butiran (2)—Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan. Pada masa ini usaha memimpin pemuda² telah pun di-jalankan dengan chukup giat. Saya sendiri berpuas hati, dan saya menguchapkan terima kaseh kerana di-adakan beberapa tempat latehan belia, saperti di-Morib dan baharu² ini di-Kuala

Kubu Baharu. Apa yang menjadi tajok perchakapan saya ia-lah masaalah pemuda. Ini, Tuan Pengerusi, sapanjang yang saya faham, latehan pemuda² ini hanya terhad kepada mengenalkan kebudayaan dalam segi seni tari, seni suara, drama dan lain² lagi. Apa yang saya maksudkan di-sini ia-lah hubungan pemuda dengan pembangunan negeri ini dalam masaalah memberikan kebaikan kepada pemuda² itu sendiri.

Kalau sa-kira-nya hari kita beri latehan di-mana² Sekolah pun, atau di-tambah latehan memberi pengenalan politik kepada mereka itu supaya mereka itu menjadi ra'ayat yang sihat pada masa yang akan datang, tetapi boleh-lah Kementerian ini memikirkan nasib pemuda itu sendiri dalam pembahagian hidup-nya.

Tuan Pengerusi, saya mengeshorkan, supaya shor saya ini di-terima dalam soal Pembangunan Negara. Kita chuba lateh mereka itu dalam satu kumpulan pembukaan tanah, kita beri semua arahan dan latehan kemudian tanah itu kita beri kepada mereka itu balek. Kita adakan Pusat Pembangunan Belia, Seni Drama dan Seni Suara dan sa-bagai-nya, di-samping me-lateh mereka itu dalam bahagian ini kita lateh juga dalam bahagian tani untok peluang hidup mereka di-masa tua. Jadi pada hari ini, Tuan Pengerusi, boleh jadi Menteri Yang Berhormat akan menjawab, ada-lah ini urusan Kementerian Pembangunan Negara, masaalah yang saya bangkitkan ada-lah masaalah pemuda, tetapi ini ada kena-mengena dengan tanggung-jawab Kementerian itu sendiri. Jadi rundingkan di-antara Menteri² Yang Berhormat itu dan tentu-lah boleh memikirkan bagaimana kedudukan perkara itu. Saya yakin dan perchaya Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara sendiri, Yang Berhormat Menteri Perbekalan Ra'ayat yang saya maksudkan Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama boleh bekerjasama dalam masaalah ini. Tempat maseh banyak, kalau pada tempat lain tidak ada, saya sudah berulang² kali berchakap dalam Dewan ini, Negeri Pahang ada-lah sedia terbuka.

Sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sadikit dalam masaalah Kementerian Belia dan Sukan, ia-itu dalam Sub-head 5, muka surat 176, Sewa Pejabat. Saya tidak hendak membangkitkan masaalah banyak sewa itu, tentu-lah, perundingan yang baik telah di-buat di-antara Kementerian ini dengan tuan punya rumah itu. Yang dukachita tidak di-masokkan anggaran kita membuat bangunan baru bagi jabatan ini. Ini jabatan yang baru kita tubuhkan. Sa-belum kita tubuhkan kita tentu sudah rangka bangunan itu. Jadi ini mengambil masa sampai empat tahun, belum ada ranchangan mengadakan rumah sendiri itu tentu-lah tidak tepat maksud Kementerian ini di-bangunkan. Saya tidak sa-kali membantah soal sewa saperti yang saya chakapkan tadi, hanya chadangan saya, Tuan Pengerusi, bila pembangunan pejabat Kementerian ini di-adakan, saya suka-lah Menteri Yang Berhormat mengambil pandangan melawat ka-Singapura, kita lihat Panggong Negara di-Singapura, kerana di-Panggong Negara Singapura itu, pada hemat saya sangat-lah sesuai untuk pertunjukan pada hari ini, di-samping pejabat Kementerian ini.

Saya tidak sa-kali² mengatakan di-Dewan Bahasa dan Pustaka atau Dewan Tengku Abdul Rahman itu tidak begitu baik. Kalau sa-kira-nya boleh mengadakan satu panggong sendiri dengan sa-chara lebih kurang macham Singapura buat itu, saya fikir ada-lah lebih baik. Kalau sa-kira-nya Menteri Yang Berhormat suka, saya boleh menhadangkan tempat yang di-daerah ini saperti pada hemat saya di-sana, di-jalan hala ka-rumah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan. Ada satu telok, ada satu bukit dan kita ratakan bukit itu, kita buat kan di-hadapan-nya satu taman bunga, tambahan pula dekat dengan Dewan ini. Apa yang saya maksudkan supaya di-buat Dewan Terbuka bahagian belakang. Kita tidak payah menggunakan Air-conditioner, berpada dengan atap sahaja, kita boleh bagi pada badan² amal dan badan kebajikan dengan sewa yang murah buat lima, enam ribu kerusi, hari ini kita pergi ka-Dewan

Bahasa dan Pustaka kita dapat serba salah, kita dudok di-situ melihat badan² tari dan sa-bagai-nya, begitu juga di-Panggong Negara, hendak menghisap rokok pun tidak kena. Kalau hisap rokok asap banyak, kita tidak hisap, kita tidak sho' (Ketawa). Sebab kita di-sana pergi hendak menghiborkan hati. Kalau satu panggong yang terbuka tidak berkehendakkan kekuatan Air-conditioner, kita free sahaja, apa pun boleh di-buat. Minta ma'af-lah sa-kira-nya saya melebihi dahulu pandangan Yang Berhormat Menteri itu, tetapi tiap² yang baik itu rasa saya akan berterima kaseh hendak-nya.

Sa-lain daripada itu saya suka masok Sub-head 10, muka surat 176 Bantuan kepada Pengakap dan Pandu Wanita. Bila memandangkan ayat ini, sah dan nyata ada-lah untuk kebaikan perkembangan pergerakan pengakap sama ada bantuan itu dari segi kewangan, segi barang², tujuan hakikat-nya ia-lah untuk memperkembangkan pergerakan pengakap. Tetapi saya rasa, Tuan Pengerusi, jalan yang lebih baik di-ambil oleh Kementerian ini ia-lah supaya tiap² sekolah dalam negeri ini mesti-lah di-jadikan pergerakan pengakap itu sa-bagai sa-bahagian daripada yang di-mestikan.

Sa-belum perang dahulu, Tuan Pengerusi, usaha ini ada di-lakukan, tetapi bergantung kepada pegawai sekolah itu. Pada hari ini sebab saya baharu lagi lepas daripada duria persekolahan dan dunia perguruan, jadi masaalah menubuhkan pengakap² itu tidak-lah menjadi perkara yang di-mestikan. Berbangkit kita kepada Ketua Pengakap Agong, di-negeri kita ini ada enam puluh ribu orang sahaja pengakap, sedangkan kita di-negeri ini tahu kanak² dalam negeri kita sa-kurang²-nya ada lebih satu juta orang. Jadi kalau sa-kira-nya kita dapat salorkan pengakap ini melalui persekolahan kita yakin dan perchaya perkembangan² pengakap ini boleh jadi berjaya lebih baik lagi. Saya tidak-lah berchakap fasal sumpahan pengakap itu ada tiga perkara ia-itu ta'at setia kepada Allah dan Raja, menolong orang sa-tiap masa, menurut undang² pengakap, tetapi apa yang

saya maksudkan, Tuan Pengerusi, kalau daripada kecil kita sadorkan semangat ta'at kapada Allah dan Raja menolong orang sa-tiap masa dan menurut undang² pengakap, bila jadi dewasa dan jadi orang tua semangat muhibbah mahu tolong-menolong dan hormat-menghormati dapat kita amal-kan. Sekarang ini kita akui pergerakan ini. Saya bangkitkan dalam masaalah ini, Tuan Pengerusi, supaya masaalah pengakap ini di-jadikan satu pergerakan yang mesti di-sekolah² dan saya harap dalam usaha ini berlaku saya minta Yang Berhormat Menteri menandatangani lebeh banyak lagi bantuan.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap berkenaan dengan Muzium dan Lain² Perbelanjaan, Berulang Tiap² Tahun. Saya berasa hampa sa-kali bila saya memandang peruntukan wang Pejabat Muzium hanya \$400,000 lebeh sahaja. Saya minta dan menyeru kapada Kementerian ini menambah lagi peruntukan ini dengan alasan-nya, Tuan Pengerusi, menyimpan pusaka lama ini satu usaha yang baik. Teradisi bangsa Melayu kita sendiri pun memang tidak boleh membuang barang² lama, hingga nasi sejok pun, Tuan Pengerusi, pemali di-buang. Ini satu latehan menyimpan barang lama, barang kekal, apa-tah lagi kalau benda² yang baik. Jadi Pejabat Muzium ada-lah satu pejabat yang chukup berfaedah mengekal kekayaan barang² lama negara kita. Mengambil barang² lama dengan peruntukan \$400,000 tentu-lah satu bilang yang tidak chukup. Kalau kita melawat ka-Muzium di-Kuching kita rasa sudah melawat seluroh Sarawak, sebab di-sana banyak alatan² yang berhubung dengan kebudayaan, adat istiadat dan adat resam bumiputera Sarawak dipamerkan. Saya menyokong pendapat Yang Berhormat dari Bachok ia-itu kita pinjam barang² itu ka-mari supaya pelawat² yang tidak sempat melawat Sabah dan Sarawak akan dapat peluang menengok benda² itu di-Muzium kita.

Saya suka shorkan lagi satu perkara kapada Pejabat Muzium ini ia-itu pada masa akan datang supaya meng-

adakan satu peruntukan membeli alatan² lama, baik daripada orang persaoangan, badan² atau pada negeri² luar. Yang kedua-nya, saya minta supaya pejabat ini mengadakan peruntukan publicity untuk memperkenalkan kebudayaan kita. Saya tahu sekarang ini banyak alat² yang tua² ada dalam negeri kita, tetapi kerana semua-nya ini sayang kita hendak beri sa-bagaimana saya katakan tadi sebab teradisi bangsa kita sayang pusaka lama hendak kita beri kapada orang lain, kalau boleh biar-lah hak zaman dato'-nya dahulu itu di-pegang oleh warith dan chichit-nya sahaja. Jadi, apa yang kita patut buat ia-lah kita adakan hadiah pingat kalau orang mengeluarkan bantuan darah dapat pingat 6-7 kali daripada Kementerian Kesihatan—apa salah-nya kita keluar-kan pingat dan kita beri dalam satu isti'adat, si-anu² ini menghadiahkan kapada Muzium Negara, walau satu tembaga kuning, tetapi nama kita mahu. Puji ini, Tuan Pengerusi, mula² kita lahir sampai ajal kita mesti ada puji. Anak kita baharu lahir dua jam, kita sudah agah dia, chantek oh chantek, begitu-lah dia-nya sampai di-sebutkan oleh Yang Berhormat dari Kelantan tadi fasal gelaran "Dato'" ini pun satu pujian. Zaman Raja² Melayu dahulu makan sireh di-puan pun satu hadiah yang paling besar lebeh daripada P.J.K. yang ada pada hari ini. Pada kita sekarang ini kita beri puji. Kita mahu kalau tidak boleh dapat dengan chara beli dengan chara puji. Saya shorkan kapada Menteri supaya di-adakan pingat. Insha' Allah, sahabat saya dari Muar Utara akan boleh menunjukkan barangkali talam yang lapan warna yang boleh mengisi ayer tujoh warna.

Sa-lain daripada itu, saya chuma hendak buat satu pertanyaan sahaja kapada Yang Berhormat Menteri ia-itu alat² kita ada di-muzium² luar negeri, ada di-London, ada di-Holland dan lain² tempat. Ini hak kebangsaan kita yang penjajah bawa pada zaman dia menjajah dahulu. Pada hari ini kita sudah merdeka, kita mahu balek barang² itu (*Tepok*). Kita mahu balek dengan apa chara: kechek, minta, beli atau kalau kita mahu bersahabat lama

kita hormati dan sama² hormati. Jadi apahal

Enche' Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Dapat-kah tidak Ahli Yang Berhormat itu mengambil tanah daripada tasek Chini di-Pahang itu? (*Ketawa*).

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya tidak dengar, Tuan, saya minta ulang sa-kali lagi.

Enche' Ahmad bin Arshad: Dapat-kah Ahli Yang Berhormat itu, untuk memenohi khazanah Muzium Negara, mengambil khazanah daripada tasek Chini yang ada di-Pahang dalam negeri Yang Berhormat itu?

Enche' Abdul Razak bin Haji Hussin: Kalau di-minta saya mengambil tentu-lah tidak boleh (*Ketawa*) sebab saya tidak boleh menyelam lebeh daripada tiga minit (*Ketawa*); tetapi kalau sa-kira-nya Yang Berhormat dari Muar Utara boleh menyelam satu jam, saya dengan segala hormat menjemput beliau sebab maseh banyak lagi barang² terpendam di-tasek Chini itu. Sa-kian-lah sahaja, Tuan Pengerusi.

Mr Chairman: Ahli² Yang Berhormat, saya suka mengingatkan masa kita mengambil di-atas perbahathan² ini sudah banyak lanjut; jadi kita terpaksa meshuarat sa-hingga malam, tetapi belum tahu lagi malam ini atau malam besok, sebab banyak lagi perkara² yang akan di-bahathkan. Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 4.30 petang ini.

Sitting suspended 12.00 p.m.

Sitting resumed at 4.30 p.m.

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

SCHEDULE

Heads 15 and 16—

Debate resumed.

Enche' Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya sukachita

mengambil bahagian sadikit berchakap berkenaan dengan Kementerian ini sambil mengalu²kan peruntokan yang di-bentangkan pada pagi tadi. Perkara yang pertama saya suka mengambil bahagian berchakap ia-lah di-muka surat 176 ia-itu Bantuan kepada Badan² Belia Sukarela.

Sa-panjang pengetahuan saya, di-dalam tanah ayer kita ini, banyak badan² belia yang telah di-tubuhkan umpama-nya MAYC, MYC, Pemuda Desa dan lain². Sa-panjang pengetahuan saya juga di-antara badan² ini hanya badan MAYC sahaja yang telah mendapat bantuan yang pada masa dahulu-nya di-bawah Kebajikan Masharakat, sedangkan badan² yang lain umpama-nya MYC, Pemuda Desa dan lain² lagi, tidak mendapat apa² bantuan. Jadi, sa-panjang pengetahuan saya juga pada tiap² negeri, sa-lain daripada badan² persatuan belia yang di-tubuhkan di-kampong², ada sa-buah badan ia-itu gabungan daripada badan² itu yang di-sebutkan Persidangan Tetap Belia, ada juga di-tubuhkan, dan ada sa-buah lagi ia-itu gabungan daripada badan² belia itu yang di-sebutkan MAYC.

Sa-panjang yang saya tahu bahawa bantuan yang telah di-keluarkan oleh Kementerian Kebajikan Masharakat ini hanya di-tumpukan kepada badan² belia chawangan² yang di-kampong² sahaja sedangkan Persidangan Tetap Belia yang di-arahkan oleh Kementerian pada masa itu tidak mendapat apa² bantuan. Maka yang demikian Persidangan Tetap Belia bagi tiap² negeri itu tidak-lah dapat mengambil apa² sikap dan tidak-lah dapat menyatu padukan di-antara semua belia² itu. Kerana ada sa-tengah²-nya badan² yang menjadi Persidangan Tetap Belia dan ada di-antara-nya juga yang tidak menjadi ahli, dia hanya-lah menjadi ahli bagi MAYC sahaja. Jadi dengan sebab itu saya berseru kepada pehak yang berkenaan supaya kira-nya dapat di-chantumkan semua badan² belia yang bertuboh dalam tanah ayer kita di-jadikan sa-buah Jawatan-kuasa yang dapat mengelolakan badan² belia yang tersebut itu dengan memberikan bantuan² kepada semua badan² belia yang

di-i'tirafkan itu bukan sahaja kepada MAYC yang ada pada masa ini.

Perkara kedua yang saya suka hendak sentoh sedikit ia-lah berkenaan dengan bantuan kepada badan² sokan. Dalam tanah ayer kita ini sudah terkembang dengan maju-nya dan sudah tertuboh berbagai² badan sokan, umpama-nya sepak raga jaring, badminton, bola sepak dan sa-bagai-nya. Dan sa-panjang yang saya tahu bahawa tiap² negeri hanya menumpukan bantuan kepada Persatuan Bola Sepak sahaja tetapi ada lagi badan² yang lain yang tidak mendapat bantuan umpama-nya badan badminton, sepak raga jaring, sport laut dan lain² badan yang bertuboh dalam tanah ayer kita ini. Jadi dengan peruntukan baharu ini, saya berseru kepada Kementerian yang berkenaan supaya mendaftarkan semua sa-kali persatuan² sokan yang ada dalam tanah ayer kita ini dengan memberikan bantuan² yang sa-chukup²-nya. Kerana sokan ini juga ada-lah satu perkara yang mustahak di-majukan, kerana sa-panjang yang saya tahu pertandingan Sokan Olympic yang ada di-Tokyo baharu² ini mendapati bahawa di-dalam Malaysia ini banyak perkara² yang merasa kechewa. Jadi supaya dapat mengatasi soal² ini, saya berseru kepada pihak yang berkenaan supaya mengadakan sa-buah pusat latehan berkenaan dengan sokan² yang termasuk dari berbagai² jurusan. Jadi dengan ada-nya pusat² latehan badan² sokan ini, maka dapat-lah kita menunjukkan kepada dunia bahawa kita juga ahli sokan yang terkenal di-seluruh dunia pada masa² yang ka-hadapan.

Saya suka hendak menarek perhatian sedikit berhubung dengan muka surat 176 juga ia-itu Bantuan kepada Badan² Kebudayaan. Banyak badan² bahasa dan kebudayaan telah ditubuhkan di-tiap² negeri. Maka perhatian yang besar kepada badan² ini harus-lah di-beri dengan sa-penoh²-nya. Kerana, sa-panjang yang saya tahu, badan bahasa dan kebudayaan daripada masa dahulu sa-belum masa Kementerian ini di-tubuhkan, telah banyak berusaha ka-arrah kemajuan bahasa dan kepada kemajuan dalam

bahagian kebudayaan. Maka saya berseru-lah kepada pihak yang berkenaan supaya memberi bantuan yang lebeh banyak kepada badan² persuratan dan kebudayaan dalam negeri ini dan dengan jalan itu sahaja-lah badan² ini dapat memberikan sa-penoh² kerjasama bagi memajukan soal² kebudayaan dalam negeri ini, kerana badan² persuratan pada hari ini dengan sendiri-nya menitek beratkan soal² kebudayaan dan juga mereka itu dapat menulis kesah² sejarah perkembangan sa-suatu kebudayaan yang ada pada hari ini.

Sa-lain daripada itu, dalam tiap² buah negeri, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh saudara² saya tadi, ada dengan kebudayaan², adat resam masing², umpama-nya permainan² seperti mana yang di-sebutkan di-pantai timor dan juga banyak permainan² yang tidak dapat di-negeri lain ada di-negeri itu, umpama-nya macham negeri Perlis ada satu permainan seperti changgong ia-itu Hadrah Biduan dan lain² permainan yang ada di-situ yang mana pada tiap² badan itu patut-lah juga di-beri sa-penoh galakan supaya dapat berkembang maju dan dapat menunjukkan kepada keturunan kita pada masa ini, dan pada masa akan datang yang kebudayaan dan adat resam kita pada masa² yang telah lalu.

Tadi, saudara saya membangkitkan soal² gasing dan sa-bagai-nya, dan saya juga ingin menyebutkan, ia-itu sa-panjang lawatan saya ka-negeri Sabah baharu² ini, saya juga dapat peluang memerhatikan peraduan Berlagu Ayam yang mana bukan sahaja Berlagu Ayam itu di-gemari di-negeri Sabah sana, tetapi ada juga cherita² yang pada masa dahulu permainan itu di-warithi oleh raja² dan pembesar², ia-itu peraduan Berlagu Ayam, sabong-menyabong dan sa-bagai-nya. Ini pun satu perkara yang patut menarek perhatian dan saya rasa pelanchong² dari luar negeri tidak kechewa memerhatikan hal² tersebut bila mereka itu melawat ka-negeri kita pada masa hadapan.

Satu perkara yang saya rasa tidak ada di-tempat² lain, hanya di-Perlis

yang ada lagi, ia-itu peraduan bunyi Burong Merbok. Burong Merbok itu di-ajar dengan bunyi²an dan dengan memakai sharat dan burong² itu berbunyi dengan ada-nya perlawanan², dan ada juga orang² yang menghakinkan bunyi² itu. Jadi, sa-bagai keseronokan, negeri kita ini patut-lah juga di-beri bantuan untuk menggalakkan peraduan bunyi burong yang sa-bagitu.

Sa-lain daripada itu, saya dengan sukachita-nya menarik perhatian berkenaan dengan bantuan kepada Persatuan Pengakap dan Pandu Wanita. Saya sangat tertarik hati mendengar berita ia-itu ada-nya persidangan berkenaan dengan pengakap² di-tempat kita ini. Jadi, saya berserulah supaya bantuan ini di-lebuhkan lagi pada masa hadapan dan dengan yang demikian dapat-lah pengakap² dan pandu² wanita itu di-perluaskan lagi di-kawasan² luar bandar, kerana sa-panjang yang saya tahu bahawa pergerakan pengakap ini sangat mustahak di-lateh di-kawasan² luar bandar, terutama-nya di-kawasan pemuda pemudi kita, kerana dengan chara ini akan dapat memberi banyak pertolongan² kepada orang² kampung, ia-itu dengan chara berkhidmat dengan sukarela, lebih² lagi negeri kita sekarang ini di-dalam keadaan dharurat. Maka pertolongan² ini patut-lah di-perluaskan lagi supaya memberi banyak lagi faedah kepada penduduk² itu.

Sekian-lah sahaja, terima kasih.

Enche' Hussein bin Sulaiman (Ulu Kelantan): Tuan Pengerusi, saya suka hendak berchakap di-atas Kepala 15—Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan. Sa-belum saya memberi sapatah dua fikiran saya, suka juga saya menguchapkan tahniah kepada Kementerian yang baharu ini, kerana dengan ada-nya Kementerian yang baharu ini harus-lah negara kita akan mendapat kemajuan lagi di-dalam segi pembangunan, kebudayaan, belia dan sokan.

Saya telah mengkaji beberapa aspect, dan rasa saya dalam semua Kementerian bahawa Kementerian Belia dan Sokan ini-lah yang boleh

memberi sumbangan yang besar dan menasabah, kalau betul² di-anjorkan dan di-sokong oleh Kementerian Belia dan Sokan dengan pertunjukan dan juga dengan benda dan wang. Dalam zaman confrontasi yang demikian ini, belia hendak-lah, bahkan perlu sa-kali, di-awasi dan di-gembelinkan tenaga-nya supaya tiap² pemuda dan pemudi itu menjadi asset, tenaga yang menguntongkan dan di-elakkan dari menjadi liability ia-itu tenaga yang merugikan kapada negara.

Tenaga belia mudah menggembelinkan dan segala ranchangan mudah di-jayakan untuk kepentingan mana² pehak dan ini harus di-sedari benar² oleh pehak yang berkenaan dan berkehendakkan kejayaan yang berpanjangan.

Dalam segi pertubohan² belia, satu penyiasatan yang halus harus di-buat tentang mutu pertubohan² belia yang ada di-dalam tiap² Negeri dan daerah. Sa-lepas wujud sa-lama ini, pertubohan² yang chergas dan tahan lama sudah tentu boleh di-kenal dan di-asingkan dari pertubohan² yang panas² tahi ayam dan lapok. Dalam tiap² daerah, sa-buah pertubohan yang chergas sa-kali harus di-pilih untuk menjadi tapak, atau markas besar dari mana segala ranchangan² akan di-arah dan di-lancharkan. Pertubohan yang terpilih itu harus bertanggung jawab terus kepada Kementerian Belia. Sakira-nya sa-sabuah pertubohan yang demikian itu tidak ada, maka dua atau tiga pertubohan yang separoh kuat pengaruh-nya hendak-lah di-chantumkan menjadi sa-buah pusat yang rasmi di-dalam daerah itu. Titek berat harus di-letakkan kepada pemuda dan pemudi—di-daerah² titek-berat itu patut di-letakkan kepada pemuda dan pemudi di-dalam daerah², kerana mereka ini-lah tulang belakang negara dan juga mereka ini-lah yang memerlukan galakan yang terutama. Bagi pehak negeri, memang sudah ada badan² saperti M.A.Y.C. dan M.Y.C. untuk menyelenggarakan urusan belia sa-negeri. Badan² ini hanya berhak mengator co-ordination di-antara pertubohan² belia sa-negeri dan tidak harus di-beri kuasa memerintah mana² pertubohan. Pertubohan² yang di-pilih

di-atas mesti di-kuasai dan di-naongi oleh Kementerian sa-chara terus untuk memudahkan sebutan pertubohan² yang terpilih itu di-gelarkan Pusat Belia—Pusat Belia Satu, Pusat Belia Dua dan sa-bagai-nya supaya berada di-dalam fail Kementerian, sedangkan pada hakikat-nya pertubohan itu mengekalkan nama² pertubohan masing² di-dalam daerah masing². Dengan yang demikian itu di-dalam tiap² daerah nanti ada-lah wakil Kementerian Belia yang separoh rasmi untuk menjalankan arahan Kementerian. Mana² pertubohan yang di-dapati hanyut di-dalam tugas-nya akan di-batalkan dari menjadi Pusat Belia dan tugas itu akan di-edarkan kepada pertubohan yang lain yang lebih layak. Ini menggalakkan kepada pertubohan belia supaya selalu chergas.

Di-dalam tiap² daerah hendak-lah di-dirikan sa-chara sederhana sa-buah bangunan untuk di-jadikan markas besar dan tempat perhimpunan dan berlatah untuk pemuda dan pemudi. Markas itu akan di-letakkan di-bawah jagaan pertubohan yang menyandang gelaran Penasihat Belia di-dalam Daerah itu. Bentok bangunan hendak-lah di-rundingkan dengan pehak pertubohan belia masing² dan bangunan sa-ragam hendak-lah di-elakkan.

Pertubohan yang telah di-batalkan hak Pusat Belia dengan sendiri-nya terpaksa undor dari jagaan bangunan belia itu. Untuk perchubaa, beberapa pertubohan di-dalam negara ini harus di-pilih dan di-jadikan Pusat Belia Daerah dan beberapa ranchangan di-jalankan, andai kata system ini maju, maka lebih banyak lagi Pusat Belia ini harus di-dirikan. System ini sangat² mustahak supaya pengarah² Kementerian Belia akan betul² di-rasai dalam tiap² daerah. Memang benar Pusat Belia seperti yang ada di-Kuala Kubu itu akan berguna besar kepada pemuda dan pemudi seluroh negeri, tetapi itu tidak menchukupi, sebab pengarah²-nya tidak dapat meresap ka-dalam tiap² kampung dengan chepat.

Kita memerlukan kesedaran dan keinsafan dengan sa-luas²-nya sa-bagai tangga pertama, bukan latehan tertinggi itu. Latehan tertinggi itu ada-lah

tangga yang kedua. Dalam segi Pembangunan Negara dan Luar Bandar, sudah banyak sa-kali kita dengar seruan dari sa-genap penjurong menggesa pemuda² bergerak chergas dalam lapangan pembangunan-nya, tetapi sa-lepas beberapa buku merah dan buku biru, maka satu pergerakan concrete belum pun tertapak, tetapi sa-kira-nya Pusat Belia Daerah sudah tertuboh, pusat itu boleh mengarahkan supaya menyiasat apa sahaja projek² yang munasabah di-lancharkan dalam daerah masing². Projek² itu harus di-laporkan dengan perinchian-nya sa-kali kepada Kementerian. Kalau di-fikirkan harga barang² hendak di-beri oleh Kementerian dan Belia boleh-lah memerentahkan supaya projek itu di-jalankan. Projek² itu hanya-lah projek² kecil yang berharga lebih kurang lima ribu ringgit ka-bawah, seperti membuat telaga, membaiki surau, membuat kebun sayur dan lain² lagi. Dengan jalan ini projek² kecil dapat-lah di-jalankan dengan segera dan murah. Pemuda² pun dapat peluang berkhidmat sa-chara baik dan disiplin pun beransor-lah meninggi, baharu-lah pertubohan Belia itu mengandongi erti kepada orang² kampung.

Dalam segi kebudayaan, untuk mengekalkan Kebudayaan Daerah dan Kebangsaan, pemuda dan pemudi harus di-ajar dan di-latah oleh guru² yang mahir. Pengajaran² kebudayaan ini memakan masa yang lama, tiap² daerah pula mempunyai kebudayaan istimewa masing².

Mr Speaker: Saya suka mengingatkan kepada Ahli² Yang Berhormat, tidak usah-lah membaca itu sangat, membaca tidak di-benarkan.

Enche' Hussein bin Sulaiman: Boleh saya pendekkan. Sa-kira-nya sudah ada Pusat Belia Daerah, guru² yang mahir boleh-lah di-gaji untuk mengajar kesenian itu sa-kira-nya di-dapati pemuda² yang chenderong itu ramai, gaji guru² itu tidak-lah mahal kalau di-ajar di-daerah, kerana mereka itu lazim-nya sudah ada kerja dan dengan kechenderongan mereka² itu maka dapat-lah pemuda² yang kita latah dalam segi kebudayaan. Alat kelengkapan, kesenian seperti gong, gendang

dan sa-bagai-nya harus-lah di-tanggung oleh Kementerian yang berkenaan. Hanya dengan jalan ini-lah maka segala kesenian dan kebudayaan lama boleh di-beri nafas baharu. Kalau sa-kira-nya Kursus Kebudayaan di-adakan di-Kuala Lumpur atau pun di-mana² sahaja pusat² pemuda pemudi, maka saya rasa tidak perlu pemuda pemudi menghadhiri kursus yang tersebut itu.

Dari segi Pesta dan Pesta Kebudayaan, kedua² pesta tersebut ada-lah sangat mustahak dan perlu di-anjorkan demi kedaulatan negara kita, dan juga demi meninggikan Kebudayaan Kebangsaan, serta juga menggalakkan pemuda² dan pemudi² di-dalam lapangan pergerakan Belia, dan juga menggalakkan pemuda² dan pemudi² di-dalam lapangan pergerakan Belia dan juga segi Kebudayaan Kebangsaan negeri itu sendiri. Dengan jalan pesta² ini, maka sudah tentu negeri² dalam Malaysia dapat menjalinkan perasaan muhibbah bagaimana yang di-amalkan dengan bersungguh² di-negeri² yang telah maju seperti di-India dan sa-bagai-nya.

Dan juga saya menhadangkan Belia² patut-lah ada rombongan melawat keluar negeri, kerana dari sekarang juga sa-buah ranchangan perlu di-ator dengan baik-nya dan teliti supaya rombongan kebudayaan terdiri dari Belia² untuk melawat semua sa-kali negeri² luar guna memperkenalkan negara baharu Malaysia ini dan kebudayaan kita kepada dunia luar. Rombongan ini juga akan meninggikan nama baik dan pengaruh negeri di-antara bangsa serta juga menimbulkan rasa kasih mesra negeri kita terhadap Malaysia. Lawatan demikian sama-lah seperti lawatan Yang di-Pertuan Agong, Menteri² dan sa-bagai-nya, kerana manusia memang lekas tertarek hati di-atas seni budaya, apa-tah lagi dalam masa konfrantasi ini, Malaysia perlu memenangi sahabat² yang baik.

Dalam segi pertanian, berapa penting-nya pergerakan Belia dalam lapangan pertanian, memang telah di-tunjokkan oleh kebanyakan Belia seperti peladang² muda di-seluruh negeri. Saya tidak tahu di-tempat lain,

tetapi di-negeri Kelantan, Pusat Belia Daerah boleh di-arah mengadakan seperti ladang di-mana segala jenis pokok² atau pun tanam²an, boleh di-pamirkan atau di-tunjokkan kepada orang kampung dan tanaman ini boleh kita mithalkan seperti Agricultural Station, seperti baka² dan benih² yang baik, boleh di-dapati daripada tempat itu. Tenaga Belia untuk tujuan ini memang banyak. Chuma satu penghalang-nya ada-lah kena utamakan alat² kelengkapan untuk Belia² yang bekerja di-situ.

Pada masa ini Agricultural Station sangat²-lah kurang, orang² kampung maseh teraba² untuk menchari benih. Kerajaan tidak mampu mengadakan station yang sa-umpama itu di-sagenap cherok dan rantau dalam negeri kita ini. Oleh itu patut-lah Kementerian ini memberi bantuan atas chadangan ini. Dalam hal penerangan, tiap² Pusat Belia Daerah boleh mengarahkan supaya menjalankan apa sahaja penerangan-nya yang di-fikirkan perlu untuk apa tujuan sahaja oleh Kementerian.

Benar pada masa ini juga sudah ada Jabatan Penerangan dan Radio, tetapi saya rasa tidak menchukupi, kerana apa kempen sahaja untuk tujuan kesihatan, perpaduan, pilihan raya, di-sini Belia boleh memberi sumbangan yang besar dengan sa-chara murah. Pusat Belia Daerah boleh-lah juga mengadakan berbagai² pasokan sendiwaru untuk menjelajah di-kampung² untuk memberi penerangan dan membangkitkan kesedaran dan semangat ra'ayat. Di-atas ini sahaja-lah berapa butir yang akan penting seperti mana Kementerian tersebut buat sementara ini kalau di-buat sa-chara gopoh-gapah dan sa-kira-nya di-negeri di-mana tempat yang kurang, maka hendak-lah ahli² yang lain itu menambahkan untuk memberi faedah kepada Kementerian yang baharu itu.

Saya suka juga menyentoh di-atas Kepala S. 16—Muzium. Dengan ada-nya muzium maka kita boleh katakan ada-lah faedah yang besar kepada kanak² sekolah dan juga orang² yang datang melawat Kuala Lumpur, tetapi dukachita-nya kerana negeri Kelantan

itu ia-lah negeri yang di-utara jauh sa-kali dengan Kuala Lumpur, maka tidak sa-penoh-nya gulongan² orang kampung dapat melihat akan muzium ini, tetapi dengan kerana initiative Dato' Ketua Jajahan Ulu Kelantan telah mengadakan satu muzium yang di-gelarkan Muzium Mergastua yang telah di-ranchangkan beberapa lama dahulu dan telah ada beberapa lembaga binatang (stuffed animals) yang di-simpan dalam Muzium Mergastua itu dan juga binatang hidup. Dan dengan ada-nya muzium yang tidak saperti-nya itu, maka saya berpendapat bahawa kanak² sekolah di-seluruh Ulu Kelantan dapat melihat lembaga binatang² itu dengan sa-chara hidup² dan juga sa-chara gambar yang sa-benar-nya (stuffed animals). Jadi dari situ dapat-lah faedah pada kanak² dan juga orang ramai melihat apa dia, mana dia nama pelandok itu dan macham mana rupa dia dan sa-tengah daripada orang kita bila kata badak, tahu nama sahaja badak, tetapi binatang itu tidak kenal pun. Jadi ini boleh katakan jahil-nya orang kita ini. Kebanyakan kanak² boleh mengenali giraffe dan zebra kerana ada dalam pertunjukan wayang gambar dan buku², tetapi binatang² tempatan-nya sendiri tidak di-kenali dan ini sangat² mendukachitakan. Dan dari itu saya berharap Kementerian ini sedikit sa-banyak pun akan dapat memberi pertolongan supaya Muzium Mergastua, Kuala Krai itu dapat memberi faedah kepada ra'ayat umum-nya dan sa-terus-nya kepada kanak² sekolah untuk meluaskan lagi pelajaran-nya.

Pada akhir-nya, saya menyokong atas permintaan perbelanjaan S. 15 dan S. 16 sa-banyak \$1,445,344 tetapi saya rasa peruntukan ini tidak mencukupi. Buat sementara boleh-lah menjalankan apa yang perlu dan saya harap pada masa akan datang peruntukan ini hendak-lah di-gandakan beberapa kali kerana kepentingan pembangunan kebudayaan, belia dan soka yang sangat² mustahak sa-bagai kata pepatah: pemuda tiang negara. Jadi kita hendak membuktikan petakaaan pemuda tiang negara dan untuk pembangunan ini, maka patut me-

makan belanja yang banyak. Sa-kian-lah sahaja.

Mr Chairman: Saya suka hendak menerangkan sedikit di-atas masa kita sekarang ini sudah lanjut sangat. Jadi, tolong-lah pendekkan sedikit ucapan dan tepatkan pada perkara yang hendak di-tegor dan tidak usah-lah merewang², sebab perbahathan ini mesti habis dalam pukul 5.30 petang ini. Kita ada 15 Kementerian lagi dan masa-nya 7 hari sahaja lagi, jadi dalam 15 Kementerian itu Ahli² Yang Berhormat tidak hendak menegor apa²-kah? Saya perchaya tentu ada. Jadi itu-lah saya beri ingat sahaja. Perbahathan ini mesti habis hari ini walau pun bermesuarat sampai malam. Jadi sampai masa-nya bagi Kementerian² yang lain akan berlaku begitu sahaja. Saya terpaksa menjalankan macham itu. Saya beri amaran dengan tidak hendak menyekat Ahli² Yang Berhormat mengeluarkan fikiran.

Enche' S. Rajaratnam (Singapore):

Mr Chairman, Sir, first of all, let me say how glad I am that a Ministry of Culture has been set up under this Budget, because in Singapore we have had a Ministry of Culture. I have a personal interest in this though this Ministry has always felt a little bit isolated and also has been the target for considerable criticism. But now that we have a Ministry of Culture in the Central Government, I am quite sure that it will be all right as far as any Ministry of Culture is concerned. However, Mr Chairman, Sir, I shall abide by your advice and not take too much time of this House.

Sir, I would like to mention one point about the functions of a Ministry of Culture, especially a Ministry of Culture of a Central Government. Among the important functions of a Ministry of Culture, at this particular juncture, is not so much to do the many things that have been mentioned by some of the speakers such as music, dancing, art, literature—these are part of the elements of Culture—but the most vital thing for our society, which is a multi-cultural and multi-racial society, is to build a common culture, because on that depends the

future of Malaysia, the future of our country in the immediate future. As you know, Sir, there are lots of people who say that culture is something built over centuries, that you cannot have a common culture now, but we believe that we can create a common culture, and I believe personally that there is already a Malaysian culture.

There are two types of culture: one is what we call communal culture, which is restricted to groups of people or communities—their own culture. It may be in the dress that they wear, the food that they eat, their morals, ethical ideals and their religion. These are, Sir, differences which are necessary in any society. Then, in a society there must be common beliefs, common cultural values, and I say, Sir, that this assembly is a good indication of what we mean by a common cultural value, because we define culture as not only music, dancing but everything that man lives by—this political institutions, his moral ideals, his economic institutions, the food that he eats, the clothes that he wears, or anything created by man to make life worth living. Sir, there are two elements to a culture, things that we hold in common, though there are many races here, many cultures. Anything that we hold in common, regardless of race or religion, is part of our Malaysian culture. There must be differences, healthy differences, of course. Well, that is the cultural element of a community.

This Assembly, Sir, is built on principles and ideals which have not emanated from Malay culture, or Chinese culture, or Indian culture—it is something modern. This is democracy of the twentieth century: we all accept it, regardless of our race, religion, and so on. We say, "This is part of our Malaysian life". We accept modern economic institutions. That has nothing to do with and is not part of our communal cultures; whether it is a capitalist democracy, or a socialist democracy, that is a new conception. We practise it.

Sir, look at the architecture of this House. We have blended in it all the twentieth century scientific innovations,

including the microphones and the procedure that we practise in this Parliament. It does not belong to any one of our cultures; it is not part of our traditional culture; but we have accepted all these elements as necessary to work the twentieth century society. Sir, even in respect of our dress, some of us like to wear traditional costumes from time to time, but at other times we prefer to wear some other kinds of costumes. Why? Because that suits the conditions of the twentieth century society.

Everyone of us lives in three or four different cultures. If I may say, Sir, I would like to refer to the way our Malay citizens live: at home, probably, many of them get up in the morning, have tea from Ceylon, and eat bread which is not part of their traditional food; they go about in a motor car, and they come and participate in the proceedings of this House, which is not part of their traditional culture. However, we accept all these because these are necessary in our twentieth century.

Therefore, Sir, it is necessary, when we try to build a Malaysian culture, to make allowances for diversity as well as unity. In fact, the objective should be unity in diversity. Let us lay emphasis on the things that unite us, not on things that divide us.

Culture, Sir, is by and large an emotional thing. Some people like to stick to their own beliefs, their own practices, so long as those beliefs and practices do not damage our national culture; they should be allowed to carry on, because you cannot force these things on people. The moment you start forcing things, the moment you say, "Have a uniform culture, people must wear this dress, people must believe only in this and that", then you create opposition. So, Sir, we all accept the need for a common culture. And, Sir, the best way to find a common culture is to find out what people accept willingly, something which they are prepared to do of their own free will—by persuasion.

The Government has got all the media of propaganda and it should

try to convince people that this is the best way to adapt themselves to the twentieth century society, to a Malaysian society as it is today. Sir, if I may, I would like to give an example: some years ago, some people were having a discussion with a Chinese friend of mine; he was talking about preserving the purity of Chinese culture—and what I have to say applies to every culture. The Chinese friend of mine asked, “Now, please tell me, when you say ‘preserve the unity of the Chinese culture, what culture do you mean? Is it the Chinese culture of 2,000 years ago, or is it the Chinese culture as obtained during the Manchu dynasty, or is it the Chinese culture as is being practised today in China, where the basic tenets of modern Chinese culture have nothing to do with Chinese?”—They believe in Marxism, Leninism—Marx was a German Jew, Lenin was a Russian, Stalin is a Georgian. These are the precepts on which they are founding their culture. Whether it is right or wrong, it is not for me to launch into a dissertation, but I just want to show that the process of cultural adaptation is that it should be practices, beliefs, suited to modern conditions. Let us have our traditional beliefs, too, but we must adapt our cultural beliefs to what is necessary to make a society work. And you will find, Sir, that as we become more modern, as our culture become adapted to modern conditions, distinctions between the various communities vanish. Just as I said, Sir, our political system, or economic system, we all accept it, because that is the best system necessary to make society work. So, in trying to build a Malaysian culture, I hope, Sir, that it will always be inspired by a spirit of tolerance, and that it should be willingly accepted—not rammed down people’s throats. I, myself, am convinced that there must be a Malaysian culture, because there is no other basis on which Malaysia can survive. Thank you.

Dato’ Nik Ahmad Kamil: Mr Chairman, Sir, I rise to participate in this debate fully mindful of the very important subject matter we are

discussing. Now, the Ministry of Youth, Culture and Sports is a new Ministry, launched only this year, to carry out certain of the responsibilities formerly carried out partly by the Prime Minister’s Department and partly by the Ministry of Social and Welfare Services. The fact that Government has seen fit to create this Ministry to me conveys the sense that the Government looks to this Ministry to be an instrument to implement to a certain degree the purposes and principles for which we fought and sought for our independence, and that is, to work in order that we could forge and build a united Malayan nation with a common loyalty, a nation that should be happy and prosperous. So I see in this Ministry an importance that no one should deny.

We are debating here today a new Ministry and as far as I am personally concerned, there is nothing much that one could criticise the work of the past except perhaps to point out certain deficiencies here and there; but I believe we who sit in this Honourable Chamber could contribute, and I am sure many of the speeches already made today in this Chamber will certainly contribute, towards assisting this very new, young Ministry in the difficult task of carrying out its responsibilities in the future.

I entirely agree with the Honourable Member from Singapore that discussions on the problem of how much we give in our support for improved sporting activities or for cultural shows and so on are really on the surface only, but there is something deeper in the whole concept of trying to build a national culture. We in this country must accept that we belong to a multi-racial society. No one can deny that. Under the aegis of the old colonial government, we who belong to the various races lived very happily together. But there was always that sense of being different. The sense of being different runs through the whole business of living, yet Malaysia, or Malaya then, is a country where people of all races live in the same town, they work together and they play

together in peace and harmony. Despite the differences of our racial origin, differences of cultures, we who belong to each of the communities were able to contribute to the Malayan way of life and in return we were dependent on the contribution of the others. We are still a multi-racial society even now. As the Honourable Member from Singapore quite rightly stated just now, they have got to go on and live on for many years to come on the basis of communal cultures—I entirely agree with him, Sir. You cannot eradicate these communal cultures for many years to come, and my own belief, Sir, is that dedicated as we are to the principle of democracy, only the continuous process of co-operation and understanding can bring out a truly national culture for our beloved country, Malaysia, and then we have got to work for it. We have achieved a lot since our independence; and our spirit of tolerance and harmony, which have stood us in good stead in the past, should stand us in good stead in the future.

I do look to the Ministry to see, in this very difficult problem, a matter which, to my mind, firstly is very, very closely connected with education—it is really a matter of education—and I entirely agree with my Honourable friend from Kuala Trengganu Utara that, in the process of working or carrying out the responsibilities of this new Ministry, this Ministry must not divorce itself from, say, the Ministry of Education and the Ministry of Information and Broadcasting. As I have said, it is a process which cannot be built overnight, but if we here living in this country who belong to many racial origins, are truly conscious of our responsibilities and if we are sincere and honest in holding to the belief that we are indeed wanting to build a united Malaysian nation, then there should not be any difficulty that should lie ahead provided, I say, that we must have a lot of understanding and tolerance. I do not say that a certain community must try to force down the throat of another community its own culture—

that would not work, Sir. I have seen it in many countries. In America, for example, I had been to a dinner in the house of an Italian-American or, I would like to say, an American of Italian origin who has been in America, who has got married there and who has got children; and he still likes a little piece of pizza, macaroni or spaghetti. But by that time this particular friend of mine already accepts that he is an American, that he will fight for America to the last drop of his blood, but at the same time whilst living to a certain degree in his home, for example, still enjoying the food that he used to take when he was in Italy, he gradually builds up for himself, for his children, for his grand children, a belief in the necessary acceptance of the cultures which were not built by himself only, or by the Germans but by the whole of the American nation—each one contributes towards a common pool. That is why, Sir, as I said, this is basically a question of education which need not only be confined to the teaching of three “R”s, but education in its widest concept, the concept of accepting what is good and pure and the rejection of what is bad. That is my submission to the Ministry.

Now, may I dig into this very expansive volume because I want to make some reference to some specific points? I now come, Sir, to page 176. There are many Subheads ranging from Subhead 6 downward to Subheads 8, 9, 10 and 11, generally concerning contributions to the various bodies and organisations. As I have said, this is a new Ministry. Whilst I regret to see that not much more funds are provided for contributions towards the various bodies like the cultural bodies, recreational councils and so on, I do hope that in the light of the very rapid growth of these various bodies in our country, that the Ministry would examine very, very carefully the needs of these bodies. Most of these bodies—I would say, rather, all of those bodies—are non-profit making bodies; they are being run by men and women dedicated to the purposes of these various bodies; and they do

not need any pay or any financial or monetary reward, but their reward will be the satisfaction that what they are doing has been done properly. And I know from my own personal knowledge that not many of these bodies can carry out the work on which they are undertaking now with any great satisfaction because they are financially embarrassed. So, I do hope that our new Ministry will give a very careful thought to the needs of these various bodies.

Tuan Pengerusi, satu lagi pengeshoran yang saya hendak buat ia-lah berkenaan dengan langkah² yang patut di-ambil oleh Kementerian kita ini dalam segi menjaga dan memerhatikan, atau melihat supaya jangan-lah segala kesenian² kita yang zaman² dahulu itu yang sekarang ini telah menjadi lemah menjadi mati pula.

Ada saudara saya, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara, menyebutkan juga berkenaan dengan bangsawan yang boleh di-katakan mati sekarang ini, tetapi ada banyak lagi badan² kesenian yang bergerak di-pantai timor, seperti Wayang Kulit, Menora, Makyong, Bersilat atau Bergayong, Pendekar², Main Gasing, Permainan Wau dan lain²—ta' payah saya panjangkan lagi. Sa-tengah² itu, kerana sebab ta' ada sokongan, atau pun kerana chara² dia hendak menchari makan itu menjadi sempit, telah hampir dari sa-hari ka-sahari menjadi lemah.

Saya telah lama juga berunding dengan mereka² yang bertanggung untuk menchari jalan, bagaimana-kah bukan sahaja hendak menghidupkan, tetapi hendak menggalakkan lagi, hendak meluaskan lagi chara² kebudayaan dan kesenian kita yang ada di-pantai timor sana. Jadi, saya harap-lah Kementerian ini tolong-lah mengambil perhatian yang berat di-dalam perkara ini.

Tadi saya rasa ada juga sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat, saya ingat daripada pehak sa-belah sana, mengeshorkan, jikalau kita hendak mendirikan culture, atau kebudayaan kita, kena-lah haramkan, atau tahan,

atau tegah culture² kuning dan ada juga yang di-katakan dalam perdebatan pada pagi ini, perombakan hendak-lah di-buat kepada tarian² di-sabelah barat, seperti Tanggo dan lain² lagi—di-pehak saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya tidak bersetuju dengan pengeshoran itu. Saya katakan bagini: jika sa-kira-nya kita hendak mendirikkan satu kebudayaan kita, kesenian kita yang kita fikir patut kita turut, ikut-lah yang tidak menjadi salah. Saya sendiri, Tuan Pengerusi, saya boleh menari, bertandak foxtrot, tanggo, twist—saya sudah chuba, tetapi segala perbuatan untuk menyakitkan pinggang, saya tolak (*Ketawa*). Tetapi Mak Inang, saya pandai menari, changgong saya pandai menari, zapin pun boleh. Saya ta' hendak berjalan 100 ela, jikalau saya berjalan 100 ela hanya kerana hendak manari tanggo. Saya boleh berlari 4 batu—kerana hendak menari Mak Inang, sebab saya perchaya Mak Inang itu baik daripada tanggo. Jadi, itu atas tuboh kita sendiri.

Ini pandangan daripada saya sendiri, jadi dengan jalan kita mengharamkan atau menegahkan ini, tidak akan memberi atau menjadi satu pertolongan, bahkan tengok-lah bagaimana yang saya katakan tadi, sa-lain daripada culture atau perkara education di-terima apa yang baik dan bagus, dan di-tolak apa yang burok.

Saya tidak mengambil masa yang panjang lagi, kerana saya hendak sebutkan satu perkara lagi berkenaan dengan Muzium Negara. Berkenaan dengan Muzium ini, saya tentu-lah suka menengok satu Muzium yang besar bagaimana yang di-shorkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi. Barangkali oleh sebab baharu sahaja kita mendirikan Muzium kita ini, harus ta' dapat wang hendak membuat yang baharu, tetapi sa-bagai satu langkah yang pertama untuk memberi peluang kepada orang² di-tanah besar di-Malaysia, dan kepada orang² di-Sarawak bertukar² dapat memerhatikan dan menengok kebudayaan dan kesenian dan barang² daripada negeri masing², saya fikir boleh-lah dan patut-lah di-ikhtiarkan supaya boleh di-tukar² barang²

pameran dari Sarawak atau di-pinjamkan kepada Muzium Negara di-sini, katakan-lah 6 bulan atau sa-tahun-kah, dan barang² kita ini di-bawa ka-Sarawak pula. Saya sendiri tahu barang² dalam Muzium di-Sarawak itu—saya sendiri belum tengok tetapi majalah-nya saya sudah tengok—banyak barang² yang lama dan elok² dan patut orang² di-sini dapat peluang melihat-nya. Tetapi tukar-menukar itu tentu-lah ada kebimbangan takut hilang, tetapi ini saya fikir perkara yang kecil, sebab kita bacha dalam surat khabar barang² yang harga mahal yang boleh di-katakan disimpan dalam berapa belas lapis kota itu boleh di-bawa ka-Amerika dengan jalan di-jaga baik² dan di-adakan insurance dan lain²-nya. Jadi ini satu pengeshoran yang saya hendak buat kepada Kementerian ini, mudah²an Kementerian ini tolong fikirkan-lah dan tengok-lah dan chari jalan chuba kita exchange barang² antara dua Muzium ini.

Akhir-nya saya menyertai dengan kuat-nya atas sahabat saya Ulu Kelantan, berkenaan dengan “Zoo” atau Muzium Mergastua. Dengan jasa baik titek peloh satu daripada Ketua Jajahan kita, di-Kelantan di-sana satu daripada jasa-nya itu menggalakkan tiap² negeri itu mengadakan pertunjukan umpama-nya, bukan sahaja menjadi satu panduan pelajaran kepada pemuda pemudi kita, bahkan kelak kita boleh bawa mendirikan satu Muzium yang besar berkenaan dengan binatang² yang ada di-negeri kita ini sendiri, yang banyak anak² chuchu kita tidak pernah tengok rupa pun. Ini-lah penerangan dan penge-shoran saya kepada Kementerian ini, dan pembahathan dalam masaalah Anggaran Perbelanjaan saya sokong dengan kuat-nya. Saya sifatkan ini-lah dia sa-bagai Kementerian yang memberi notice belanjawan yang sa-takat ini sahaja dulu, jadi pehak saya akan datang akan menyokong sa-kira-nya ada permintaan tambahan dalam masaalah ini. Terima kaseh.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Pengerusi, semenjak pagi tadi, kita telah mendengar ucapan² dan pandangan² yang saya sendiri, sa-bagai

sa-orang Menteri Muda yang bertanggung-jawab kepada Kementerian yang muda ini, merasa shukor oleh kerana begitu sa-kali besar-nya perhatian yang di-buat oleh Ahli² Yang Berhormat kepada Kementerian yang baharu ini. Ini ada-lah memberi perangsang kepada Kementerian ini untuk menghadapi masa depan dengan satu keperchayaan bahawa Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini, baik pehak Kerajaan atau pehak pemerintah, ada-lah bersama² mahukan suatu kemajuan yang pesat dalam lapangan Kebudayaan Belia dan Sokan ini. Kementerian ini memang sedar dan insaf bahawa perbelanjaan yang di-kemukakan sa-banyak satu juta lebeh sedikit pada hari ini, memang-lah sangat kecil, jikalau di-bandingkan dengan tugas² yang wajib dilaksanakan oleh Kementerian ini.

Apa-tah lagi jikalau di-kaji satu persatu tugas Kementerian ini dalam lapangan Kebudayaan, lapangan Belia dan lapangan Sokan, maka tiga² lapangan ini ada-lah lapangan² yang memang, sa-bagaimana telah di-ucapkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi, lapangan² yang penting sa-kali, erti-nya bagi negara kita ini. Dan juga lapangan yang menjadi satu daripada bahagian kehidupan yang tidak dapat di-pisahkan dari sa-hari ka-sahari.

Dalam lapangan Kebudayaan, bagaimana yang telah di-ucapkan oleh kedua² Ahli Yang Berhormat yang paling akhir tadi, ada-lah satu lapangan yang memang pehak Kementerian ini sedar yang satu lapangan yang besar erti-nya kepada pembangunan kebangsaan kita—satu lapangan juga yang mesti betul² dan hati² dan chermat oleh Kementerian ini melaksanakan-nya dan juga Kementerian ini mesti dapat kerjasama daripada segala ra'ayat, ra'ayat daripada segala keturunan, ra'ayat keturunan asli, ra'ayat Melayu, Iban, Bajau, ra'ayat keturunan China dan India, Arab dan lain² lagi. Kebudayaan, saperti juga bahasa, satu chara kehidupan, yang kena-lah, dari masa ka-samasa, mensesuaikan dengan keadaan zaman dan kehidupan pada satu² ketika ini. Bagaimana bahasa

kita Melayu dapat menyesuaikan dari sa-masa ka-samasa dengan menerima berbagai² perkataan asing di-jadikan-lah bahasa Melayu sa-bagai satu bahasa yang hidup dan boleh di-perektikkan di-mana² sahaja sekarang ini, begitu juga bahasa Inggeris, bahasa yang pernah dengan kata² bahasa Latin-nya, French-nya dan berbagai² bahasa lain lagi, yang menjadi satu bahasa yang hidup, yang boleh di-bawa ka-tengah, dan sekarang ini satu bahasa dunia international, maka begitu-lah juga dengan kebudayaan² ini.

Untuk menchipta sa-suatu kebudayaan yang boleh menjadi satu panduan dan satu pegangan kapada ra'ayat yang berbilang bangsa di-tanah ayer kita Malaysia ini, mahu-lah juga chara² bagaimana bahasa yang saya sebutkan tadi, kebudayaan ini juga menjalani process sa-demikian itu dan ini-lah insha' Allah Kementerian ini akan jalankan dari sa-masa ka-samasa, tetapi di-dalam menjalankan ranchangan ini, memang Kementerian ini sedar oleh kerana Malaysia ini memang dengan sendiri-nya juga mempunyai 'adat, pusaka dan kebudayaan² yang asli yang di-pusakai daripada nenek-moyang zaman-berzaman, sudah tentu kebudayaan² dan 'adat² yang begitu mesti-lah di-ketengahan mana² yang sesuai, mana² yang menasabah dan mana² yang boleh di-masokkan dalam kehidupan kebudayaan hari ini, wajib-lah di-masokkan.

Pada pandangan saya, kebudayaan kita yang asli ini terbahagi kapada dua. Yang pertama, kebudayaan pusaka nenek-moyang. Kebudayaan kita yang sesuai dengan 'adat timor kita dan chara kehidupan yang sesuai dengan keadaan negara kita sekarang ini, maka kebudayaan² dan 'adat² begitu memang-lah mustahak dan wajib kita ketengahkan dan 'amalkan kalau boleh oleh semua gulongan yang boleh menerima chara² yang sesuai bagini.

Yang kedua-nya, 'adat-istiadat kebudayaan yang boleh pada satu masa dahulu, zaman belum merdeka dahulu, atau zaman belum ada-nya motokar, berpakaian bagini boleh jadi kebu-

dayaan itu bagus pada masa itu, tetapi masa ini kalau hendak bawa ka-tengah untok di-perektikkan dan untok di-gunakan tiap² hari, boleh jadi akan menjadi satu perkara yang memberatkan bukan sahaja bagi bangsa asing bahkan bagi kita sendiri. Maka bagi kebudayaan² bagini bukan pula saya maksudkan kena-lah kita tinggalkan begitu sahaja, kita ketepikan—tidak: tetapi kebudayaan begitu, kita kaji halus², kita siasat, selideki di-simpan (preserved) dan di-rekodkan betul² untok menjadi satu puncha di-mana segala penyelidikan akan dapat di-tujukan. Kebudayaan² bagini juga-lah akan dapat di-tunjokkan dalam pertunjukan² atau pameran² yang mengenai sejarah tanah ayer kita ini.

Jadi, ini-lah yang mustahak, saya rasa, sama² kita sedar dan insaf dan saya perchaya tiap² Ahli Yang Berhormat dari mana gulongan juga bersama² dengan kita mahu melahirkan, melalui kebudayaan ini-lah, satu rasa saling-mengerti, satu rasa persahabatan dan satu rasa yang di-punyai oleh satu kebudayaan akan dapat kita bena. Tanggong-jawab-nya bukan hanya Kementerian ini sahaja, bukan hanya pehak Kerajaan sahaja, tetapi tanggong-jawab-nya ada-lah tanggong-jawab tiap² gulongan, tiap² orang siapa sahaja yang ingin hidup dan mendapat kesempatan hidup dengan aman, baik dan kehidupan-nya itu menasabah-lah dari sa-masa ka-samasa dalam negeri ini.

Dalam lapangan Belia ini ada-lah satu lapangan, sa-bagaimana yang saya dengar ucapan Yang Berhormat dari Ulu Kelantan tadi, memang-lah satu lapangan yang penting bagi negara kita ini. Kami sedar dan insaf kapada belia² ini terletak-nya tanggong-jawab burok atau baik negara kita ini pada masa akan datang. Jadi, sudah tentu-lah, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat tahu, memang kita sendiri sedar khidmatan yang di-beri oleh kita boleh jadi tidak chukup memberi puas hati, tetapi begitu-lah juga sa-bagaimana saya katakan tadi, kita berharap-lah dari sa-masa ka-samasa, melalui penyelidikan dan pengalaman yang telah di-buat itu akan dapat-lah

hendak-nya kemajuan yang lebeh pesat dan perkembangan gerakan belia yang lebeh besar lagi akan dapat di-laksanakan.

Berchakap dalam lapangan belia ini, memang-lah saya sedar terkadang² banyak silap faham oleh kerana belia sa-bagai sa-orang ra'ayat, maka kehendak² belia juga boleh di-katakan meliputi semua lapangan dan sebab itu-lah kadang² menjadi keliru. Belia menghendaki pelajaran, ada orang berkata Kementerian ini pula bertanggung-jawab, pada hal sa-bagaimana yang kita ketahui ada-lah tanggong-jawab Kementerian Pelajaran. Belia menghendaki kesihatan yang bagus dan jauh daripada penyakit, tentu Kementerian Kesihatan yang bertanggung-jawab. Belia menghendaki pekerjaan dan ranchangan² penyediaan² untuk belia itu boleh menghadapi masa hadapan-nya sa-bagai ra'ayat yang berguna kepada diri-nya dan kepada negeri-nya sudah tentu-lah Kementerian Buroh ada mempunyai programme, dalam hal ini. Ini saya nyatakan oleh kerana hingga dalam ucapan² hari ini pun ada juga berbangkit perkara begitu dan mustahak-lah bagi kita mengetahui di-mana sempadan-nya tanggong-jawab Kementerian ini ka-atas belia sa-bagai sifat belia itu seperti manusia yang menjadi ra'ayat negeri ini.

Dalam lapangan sokan begitu juga-lah, Kementerian ini sedar pemberian² yang di-beri itu boleh jadi tidak chukup dan kita sedar-lah sesuai dengan kehendak dunia sekarang ini lapangan sokan ini juga mesti-lah diperkuatkan lagi. Dalam Olympic baharu² ini mithal-nya, kita berpeluang mengambil bahagian dan bagaimana yang di-ketahui barangkali kita dalam lapangan ini tidak begitu maju ka-hadapan di-bandingkan dengan negara² yang banyak mendapat pingat² emas, perak dan lain², tetapi kita berharap dengan ada-nya Kementerian ini-lah mudah²an dari sa-masa ka-samasa dapat-lah kita mengatakan, sama ada dengan mengadakan pusat² latehan, sama ada dengan mengadakan juru² lateh dan sama ada dengan mengadakan alat² atau pun kewangan sa-kurang²-nya dapat memperbaiki lagi

darjah dan mutu sokan kita itu daripada yang ada pada hari ini.

Saya suka-lah beraleh kapada beberapa pandangan yang di-beri oleh Ahli² Yang Berhormat. Yang Berhormat dari Seberang Utara meminta supaya pehak Kerajaan menghapuskan sisa² kebudayaan dari zaman penjajah. Ini ada-lah satu perkara bagaimana yang saya katakan tadi, kebudayaan ini ia-lah sa-bahagian daripada hidup dan kebudayaan ia-lah nyawa kapada masharakat. Saya tidak faham apa maksud-nya sisa² penjajah itu. Biarlah saya berterus terang menyatakan pandangan saya sendiri: jika dengan maksud sisa² penjajah itu ia-lah chara² kita berpakaian atau pun chara² kita sekarang menjalankan meshuarat dengan dudok berkerusi, tidak dengan chara bersila lagi, ada-kah itu yang di-maksudkan? Maka saya rasa pandangan itu memang-lah, walau pun ini, sisa penjajah, tetapi sisa² penjajah yang sudah menjadi satu kebudayaan kita sendiri dan yang memang-nya sesuai dengan keadaan masa ini kenalah di-teruskan.

Tetapi kalau maksud-nya ia-lah perkara² seperti yang di-bangkitkan tadi, pakaian Tuan Yang di-Pertua sendiri, itu saya rasa patut-lah di-bangkitkan dalam masa S. 1—Parlimen ia-itu dalam masa Jabatan Perdana Menteri di-bawah Jabatan Parlimen bukan-lah dalam perkara ini.

Beliau juga telah meminta bantuan sokan patut di-beri kapada negeri² dan daerah². Perkara ini yang sa-benar-nya, jika di-jalankan, tentu-lah sa-bagaimana tuan² tahu Kerajaan kita sekarang ini dengan deficit yang ada dan juga dengan tanggongan² dalam menghadapi konfrantasi dan lain² barangkali-lah tidak dapat di-jalankan, oleh kerana jika di-kehendaki supaya Kerajaan Pusat memberi bantuan pada tiap² daerah (district) dalam Malaysia ini, saya tidak tahu-lah entah berapa puluh juta lagi yang kena di-buat. Sebab itu-lah, walau pun boleh jadi perkara ini mustahak, tetapi bagi sementara ini, dan kebetulan pula Kementerian ini baharu lagi, maka apa yang Kementerian ini rasa boleh kami jalankan ia-lah bantuan² melalui

badan² kebangsaan dan kalau-lah nampak mustahak sangat kepada satu² badan atau ranchangan yang kami nampak pada keselurohan-nya akan memberi faedah bukan kepada tempat itu sahaja, tetapi kepada negara seluruh-nya.

Beliau juga membuat pertanyaan kenapa-kah pengakap di-kawasan daerah-nya itu tidak menerima bantuan. Perkara bantuan kepada pengakap, Kementerian ini akan bertanggung-jawab dengan gerakan pengakap mulai pada tahun 1965. Kami sedang mengadakan perundingan tentang chara² pemberian itu. Sa-belum daripada ini ia-itu termasuk tahun ini juga, sekarang ini pengakap ini ia-lah di-bawah Kementerian Kebajikan Masharakat.

Ahli daripada Bachok membangkitkan soal jemputan kepada Israel dan sa-bagai-nya, saya rasa tidak-lah mustahak saya jawab lagi oleh kerana Tunku Perdana Menteri sendiri telah menjawab kepada beliau tadi.

Ahli Yang Berhormat daripada Baling menhadangkan supaya pertandingan bersilat di-adakan. Ini sa-memang-nya pehak Kementerian ini sendiri sedang membuat penyelidekan akan kemungkinan sa-kira-nya ada wang dan ada kebolehan² untuk mengadakan satu pesta yang sudah tentu meliputi pertandingan bersilat ini, memang-lah Kementerian sedar bahawa bersilat ini patut sangat-lah di-hidupkan kembali memandangkan kepada beliau² kita sendiri sekarang ini pun memang-lah mengambil berat kepada bersilat ini sa-bagaimana juga di atas sepak raga. Dan saya rasa ini-lah satu kebudayaan dan juga satu sokan yang memang sangat memberi faedah yang baik kepada badan² beliau itu sendiri dan juga untuk menjadi kemegahan kepada kita di-negara ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Kulim Utara dan juga Ahli Yang Berhormat dari Lipis memberikan pandangan berkenaan dengan banyak-nya sewa Pejabat Kementerian ini sa-banyak \$2,500 pada sa-bulan. Saya berasa memang-lah pandangan Yang Berhormat ini ia-itu satu pandangan yang

munasabah oleh kerana tentu-lah dengan \$30,000 sa-tahun itu banyak lagi perkara² yang boleh di-buat sa-kira-nya Kementerian ini ada mempunyai bangunan-nya sendiri. Tetapi sa-bagaimana Yang Berhormat itu tahu keadaan tempat² untuk office di-Kuala Lumpur ini sendiri sangat ber-sesak² dan memang-lah kita berharap, jikalau-lah dapat, tentu-lah kita tidak hendak terus menerus duduk dalam bangunan sewa begitu kalau boleh di-tompang dengan pejabat atau Kementerian lain atau dengan apa chara yang menasabah. Jadi pandangan Yang Berhormat itu di-ambil perhatian dan itu bergantung-lah kepada ada tidak-nya tempat² kosong di-lain² tempat.

Ahli Yang Berhormat daripada Lipis juga memberi pandangan patut ada satu panggon negara dan lain² untuk memberi kemudahan² kepada lapangan kebudayaan. Perkara ini, yang sa-benar-nya, memang-lah pehak Kementerian ini juga mempunyai pandangan yang sama dan kalau-lah boleh memang patut sangat-lah ada satu pusat perhimpunan kebudayaan—satu culture complex di-mana bangunan Kementerian, panggon negara, perpustakaan negara, school of fine arts, dewan pameran dan lain²-nya terhimpu dalam satu lengkungan, tetapi ini ia-lah satu perkara yang besar memakan belanja yang besar dan memakan masa yang lama. Tetapi saya harap-lah dari sa-masa ka-samasa memandangkan kepada keadaan² kewangan, tanggung-jawab Kerajaan dari masa ka-samasa mudah² akan dapat-lah sedikit demi sedikit dilaksanakan pandangan² yang memang munasabah itu.

Yang Berhormat daripada Trengganu Utara menhadangkan supaya ada co-ordinasi dengan Kementerian Penerangan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Dalam Negeri. Sa-benar-nya, sa-bagai sa-buah Kementerian dalam Kerajaan, memang-lah kita ada bekerjasama dengan Kementerian² ini dan pandangan beliau itu sangat² saya harga dan saya berjanji dalam masa hadapan ini kita akan berikhtiar supaya kerjasama itu dapat di-perketatkan lagi mudahan²

dengan chara² itu, sa-bagaimana pandangan beliau tadi, akan dapat-lah tugas² untuk memajukan kebudayaan beliau dan sokan ini di-perkemas-kan dan dengan itu juga saya perchaya sa-bagaimana kata beliau tadi, akan dapat memudahkan lagi ranchangan² kebudayaan beliau dan sokan ini.

Beliau juga memberi pandangan tentang pegawai² tidak chukup. Itu terima kaseh banyak-lah, saya ambil pandangan dan saya akan chuba-lah sa-berapa daya yang boleh yang munasabah sesuai dengan keadaan kewangan Kerajaan dari masa kasa-masa untuk melaksanakan perkara ini.

Beliau juga memberi pandangan, kenapa-kah peruntokan untuk kebudayaan sedikit daripada peruntokan untuk sokan. Sa-bagaimana saya katakan tadi, Kementerian ini satu Kementerian yang baharu, peruntokan untuk sokan ini ada-lah satu peruntokan yang telah ada bukan baharu ini, sudah achap tahun-lah sudah ada, jadi badan² sokan juga ia-lah satu badan sokan ini telah ada dengan bertebaran banyak-nya di-negara ini sedangkan badan² kebudayaan ini maseh di-dalam perjalanan hendak di-tubuhkan, kalau di-tubuhkan pun maseh di-dalam perjalanan hendak di-tubuhkan, kalau telah di-tubuhkan pun maseh belum begitu banyak. Tetapi saya, sa-bagaimana beliau juga, memang-lah berharap kita akan dapat memberi sumbangan kerjasama kita, baik lapangan kewangan, jika ada, satakak mana yang boleh dan dalam lapangan lain juga untuk menaikkan dan mengemukakan kebudayaan ini.

Beliau juga memberi pandangan patut di-hidupkan bangsawan, mak-yong, rodat termasuk berdirik barat dan lain². Ini juga memang-lah niat kita, saya harap kita akan mempunyai satu bahagian penyelidekan dan dapat di-fikirkan perkara² ini bagaimana chara hendak melaksanakan.

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara juga mengalu²kan ada-nya pembukaan Pusat Latehan Belia Kebangsaan. Saya ucapkan terima kaseh dan beliau mengalu²kan ada-nya ranchangan hendak mengadakan

kursus politik kepada peserta² sa-bagaimana yang telah di-ishtiharkan oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri. Tujuan kursus politik ini sa-bagaimana yang telah di-ishtiharkan oleh Tunku Perdana Menteri sendiri itu bukan-lah dengan tujuan kita hendak menjadikan pelateh² itu—saya harap pehak Pembangkang jangan bimbang, hendak menjadikan, hendak indoctrinate-kan pelateh² itu menjadi alat² kepada parti² pemerintah, mithal-nya. Tujuan kita memberi kursus politik itu ia-lah untuk pelateh² itu sedar, sa-bagai pemuda² dan pemudi² negeri ini, sedar akan keadaan politik di-tanah ayer, sedar akan perjalanan² politik antara bangsa dan sedar juga akan pendirian politik negara kita dalam soal² antara bangsa, sesuai untuk menjadikan pemuda² itu sa-bagai pemuda yang up-to-date, pemuda yang bukan di-tinggalkan zaman, tetapi pemuda yang boleh megah mengatakan “Aku-lah pemuda Malaysia.”

Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara juga meminta supaya pelateh² yang lepas dari Kuala Kubu Baharu itu jangan-lah lepas begitu sahaja, ta’ ada call-up, ta’ ada tinjauan atau kajian ka-atas pelateh² itu apabila mereka pulang ka-kampong. Memang pandangan ini kita sendiri pun sedar dan insaf, tetapi buat sementara ini, dengan ada-nya sa-orang Pegawai Belia, Tingkatan Kebangsaan, dan sa-orang Pengawal di-situ tentulah tidak terdaya. Sementara ini kita mendapat kerjasama daripada Pegawai² Kebajikan Masharakat di-Negeri² yang sa-belum ada Kementerian ini, memang menjalankan tugas lapangan beliau ini, tetapi sa-bagaimana yang di-ketahui Pegawai² Kebajikan Masharakat ini mempunyai tanggung-jawab yang berat untuk menghadapi kemelaratan, kesusahan, kemiskinan orang² kampong, barangkali tidak-lah boleh pegawai² itu chukup penoh masa-nya untuk mengambil pula kerja² ini, tetapi memang-lah pandangan itu kita sangat ambil berat, dan di-harap satu chara yang lebeh berkesan, bagaimana yang di-maksudkan itu, dapat kita kemukakan pada masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Utara juga membayangkan kehampaan-nya kerana peruntukan ta' chukup. Mengikut kata beliau, oleh kerana Malaysia ini terdiri daripada orang² yang berbagai² bangsa, jadi peruntukan untuk Kementerian Kebudayaan kita ini, patut lebih banyak daripada mana² Kementerian diseluruh dunia ini. Ini memang-lah, pandangan ini, barangkali di-bawa oleh hasrat beliau tentang perlu-nya kerja² kebudayaan belia dan sokan ini, tetapi sa-bagaimana yang saya katakan tadi, kita membuat baju, kena ukur pada kewangan kita. Jadi, begitu-lah juga oleh kerana keadaan² kita yang ada pada masa sekarang ini, itu-lah apa yang boleh kita buat, tetapi insha' Allah dari sa-masa ka-samasa, berdasarkan kepada pengalaman² yang ada pada hari ini, berdasarkan kepada segala kesulitan² dan kemustahakan², saya berharap akan dapat peruntukan ini di-tambah dari sa-masa ka-samasa, sesuai dengan kehendak negara dan sesuai dengan keadaan kewangan yang boleh di-keluarkan oleh pehak Kerajaan.

Beliau juga membayangkan patut ada-nya satu seksi penyiaran dan penerangan di-mana kerja² untuk faedah² kebudayaan dan belia ini dapat di-laksanakan dengan lebih maju lagi. Pandangan ini akan di-ambil ingatan.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, sa-bagaimana biasa-nya, memang-lah memberi chadangan² yang juga istimewa—kali ini beliau men-chadangkan supaya di-adakan pula satu pakaian kebangsaan. Perkara ini satu perkara yang boleh kita ambil ingatan dan tengok-lah bagaimana chara-nya itu.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Laut, mengatakan gasing patut di-majukan, insha' Allah kita sama² jalan memajukan itu dan beliau juga bertanya berkenaan dengan chara bantuan kepada pengakap. Saya telah jawab kepada Ahli Yang Berhormat yang terdahulu daripada ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu meminta supaya kebudayaan kuning di-haramkan. Perkara kuning ini pun keliru sadikit-lah,

terutama sa-kali sa-takat mana sempadan antara kuning dengan puteh atau dengan merah sebab saya perchaya beliau sendiri pun, barangkali susah hendak menunjukkan apa yang dikatakan kebudayaan kuning itu, bagaimana? Oleh sebab saya perchaya kalau perkara² yang kotor, film yang burok dan kotor sampai menjadi biru, tentu-lah di-haramkan, tetapi untuk menentukan yang kita mesti haramkan kebudayaan kuning—ini satu perkara yang Ahli Yang Berhormat itu kata kuning, tetapi Ahli Yang Berhormat yang lain pula mengatakan ini tidak kuning. Jadi, samar². Jadi, ini-lah chara-nya susah saya hendak jawab, dan perkara haram dan ta' haram ini pun, ini sa-bagaimana yang beliau tahu ia-lah soal² penapis dan lain² itu ada-lah soal dari Kementerian Dalam Negeri.

Ahli Yang Berhormat dari Lipis telah saya jawab. Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara menyatakan sa-lama ini M.A.Y.C. sahaja sa-bagai badan belia yang menerima bantuan, sedangkan badan² lain M.Y.A. dan badan² lain juga ta' menerima bantuan itu. Jadi, saya rasa pandangan beliau itu tidak betul, oleh kerana kita ada mempunyai angka² di-sini yang menunjukkan bukan hanya M.A.Y.C., tetapi M.Y.C. juga menerima bantuan tahun 1963, tahun 1964 menerima bantuan dan Malayan Youth Hostel juga menerima bantuan ini dan banyak lagi persatuan² pemuda yang bersifat kebangsaan di-sini yang menerima bantuan. Jadi, untuk kita mengatakan M.A.Y.C. sahaja yang menerima bantuan, itu ta' 'adil, apa-tah lagi memandangkan M.A.Y.C. sama ada kita suka atau tidak suka satu badan yang nampak, walau pun boleh jadi ta' begitu 100% boleh di-katakan memberi puas hati, tetapi banyak memberi sumbangan di-dalam membangkitkan semangat persatuan antara belia², banyak memberi sumbangan di-dalam menghidupkan kembali kebudayaan, tarian² asli kebudayaan kita ini. Jadi, saya rasa bantuan yang di-beri kepada M.A.Y.C. sa-takat ini memang-lah bantuan yang sa-wajarnya dan ta' patut kita berasa ta' puas hati. Apa yang saya rasa kita patut buat ia-lah di-samping M.A.Y.C. ini

dapat-lah juga kita memberi kerjasama kepada badan² yang lain lagi.

Beliau juga meminta supaya di-daftarkan semua badan² sokan, mengadakan Pusat Latehan Sokan di-daerah² dengan memberi bantuan yang lebih banyak kepada badan² kebudayaan dan persuratan, bantuan kepada peraduan berlaga ayam dan peraduan suara burong—entah burong apa, saya tidak tahu-lah itu, tetapi boleh saya tegaskan pandangan² beliau itu sa-paroh²-nya memang sedang di-buat seperti mendaftarkan persatuan beliau itu memang sedang di-jalankan, dan bantuan² sa-bagaimana yang ada didalam buku perbelanjaan ini memang ada butir² untuk bantuan² yang begitu.

Tetapi sedikit sa-banyak bergantung-lah kepada mustahak-nya kewangan² yang ada pada kita dan lain² lagi. Saya ucapkan terima kaseh kepada keseluruhan ucapan beliau itu yang saya anggap memang-lah membena. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Kelantan itu membuat ucapan yang nampak-nya di-siapkan panjang lebar mempunyai chadangan² juga yang saya nampak memang-lah membena, tetapi sama ada kita boleh menjalankan ranchangan² beliau itu tidak-lah boleh saya kata apa² sekarang, kena-lah pehak Kementerian ini menyelidek dan menghalusi atas pandangan beliau itu dan mana² yang munasabah, sudah tentu-lah kita hargai dan jika ada kebolehan kita, ada kuasa kita akan kita laksanakan sesuai dengan dasar² kita untuk memajukan gerakan² beliau ini. Saya memberi penghargaan yang besar kepada Yang Berhormat dari Ulu Kelantan dan nampak-nya memang bersungguh² dari sa-masa ka-samasa, sentiasa memberi pandangan² yang chukup, saya rasa, memberi faedah kepada gerakan² beliau negeri ini.

Yang Berhormat dari Singapura telah memberi ucapan dengan sachara umum, dan pandangan beliau itu, saya rasa, telah juga di-setujui sama oleh Yang Berhormat dari Kota Bharu Hilir dalam beberapa perkara. Memang-lah pandangan kedua² Yang Berhormat dari Singapura dan Kota Bharu Hilir ini, satu pandangan yang, saya rasa, mustahak sangat-lah, bagaimana ucapan saya pada awal

tadi, satu perkara yang mustahak mesti di-sedari dan di-insafi jika kita mahu hidup dalam sa-buah Malaysia yang maju ka-hadapan yang munasabah untuk kita hidup, satu Malaysia yang bukan hanya boleh kita banggakan sa-bagai sa-buah negara yang ma'amor dan aman dan merdeka sekarang ini, tetapi sa-buah Malaysia akan dipusakai oleh anak chuchu kita pada masa yang akan datang melalui pusaka kebudayaan yang kita sama² sedang hendak menchiptakan sekarang ini, satu Malaysia yang merdeka dan boleh di-megahkan hendak-nya oleh anak chuchu kita pada masa akan datang.

Dan dengan semangat ini-lah sekarang ini, Dato' Pengerusi saya mengemukakan S. 15—Kementerian Kebudayaan dan Sokan, sa-banyak \$1,037,890 dan S. 16—Muzium sa-banyak \$407,454, kedua²-nya berjumlah \$1,445,344, menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Question put, and agreed to.

The sums of \$1,037,890 for Head S. 15 and \$407,454 for Head S. 16 ordered to stand part of the Schedule.

Heads S. 15 and S. 16—

House resumed.

EXEMPTED BUSINESS (Motion)

The Deputy Prime Minister and Minister of Defence (Tun Haji Abdul Razak): Mr Speaker, Sir, as I shall probably take more than 15 minutes to deliver my speech, I would like to get your permission to move that the proceedings in Committee of Supply on Head S. 17—Ministry of Defence—this day shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until the completion of my opening address.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Question put, and agreed to.

Resolved,

That the proceedings in Committee of Supply on Head S. 17 shall be exempted from the provisions of Standing Order 12 (1) until the completion of the opening speech of the Minister of Defence.

THE SUPPLY BILL, 1965

House immediately resolved itself into Committee of Supply.

(Mr Speaker in the Chair)

Head S. 17—

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya mohon menandatangani supaya Kepala Perbekalan S. 17 yang menunjukkan peruntukan wang sa-banyak \$207,621,071 bagi Kementerian Pertahanan untuk tahun 1965 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Peruntukan wang sa-banyak \$207,621,071 itu ada-lah di-bahagikan kepada dua bahagian. Satu \$85,377,608 untuk Gaji² dan \$116,143,052 untuk Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun dan \$6,100,411 untuk Perbelanjaan Khas. Jumlah ini telah bertambah sa-banyak \$42,522,355 dari jumlah yang telah di-luluskan bagi Kementerian Pertahanan dalam tahun 1964. Sebab²-nya terpaksa di-tambah Peruntukan yang sa-banyak ini saya akan terangkan sa-bentar lagi.

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sedia ma'alum, keadaan yang berada di-negara kita ini baik di-keliling negara kita atau pun di-dalam negara kita ini, ada-lah memerlukan kita bersiap sedia untuk mempertahankan kedaulatan, ketenteraman dan juga kema'amoran negara kita. Oleh itu kita terpaksa membesarkan lagi bilangan anggota Tentera Bersenjata dan membeli alat perkakas baharu untuk di-gunakan oleh ahli² tentera kita itu.

Semenjak negara kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, langka-h membesarkan tentera kita telah di-ambil dengan beransor². Akan tetapi, apabila terjadi-nya Malaysia, tambahan yang besar telah di-perbuat bagi tentera kita ini untuk mengawal daerah yang terlalu luas meliputi tambahan kawasan sempadan sa-banyak 800 batu di-darat dan 1,300 batu kawasan pantai.

Berkenaan dengan Tentera Darat, di-antara pasokan² yang telah di-mulakan dan yang akan dapat di-

tamatkan pada tahun 1964 ia-lah seperti berikut:

- (i) Penubohan Beriged Kelima di-Sabah lengkap dengan perkakas² pembantu-nya;
- (ii) Penubohan Merkas Rejimen Semboyan Medan, kelima² Sekuadran Semboyan Beriged dan juga Pusat Perhubungan di-Labuan;
- (iii) Rejimen Meriam Kedua akan di-tubuhkan bersama² dengan askar² ini.

Sa-lain daripada itu ada pula perkara² yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1964, yang terpaksa di-teruskan dalam tahun 1965 seperti menambah-kan anggota Wokshop Medan, Kelengkapan Simpan Senggara; penam-bahan kechil kepada Sekuadran Semboyan yang bertugas di-Malaya.

Kebanyakan dari tambahan anggota dalam Tentera Darat bagi tahun 1965 ada-lah di-sebabkan oleh penubohan pasokan² baharu seperti berikut:

- (i) Pasokan Bekalan Kelengkapan Simpan Senggara bagi tiap² Beriged;
- (ii) Pasokan Ambulan Medan bersama² dengan Pasokan Pembelaan dan Pemindahan Daerah supaya dapat bertindak dengan serta-merta di-tempat berlaku kechemasan;
- (iii) Menubuhkan Markas Gerisen di-Labuan dan Kuching.

Begitu juga askar Peninjau akan di-tambahkan lagi kekuatan-nya. Satu Pasokan jurutera Medan akan di-tubuhkan dengan maksud memberi perintah dan arahan kepada Pasokan² Jurutera yang sedang menjalankan tugas di-merata Malaysia. Alat jentera yang di-gunakan oleh Jurutera akan dapat di-gunakan dengan lebih memuaskan lagi apabila di-tubuhkan satu Sekuadran Jurutera Senggara yang akan memperlihatkan perkara ini dan juga menjaga jentera² itu.

Beriged Ketiga yang di-tempatkan di-Pantai Timor atau pun sedang di-tempatkan di-Pantai Timor telah di-tubuhkan tetapi tidak berapa lengkap dengan pasokan pembantu dan juga

alat perkakas-nya. Oleh itu dalam tahun 1965 ini pasokan² seperti Jurutera Letrik dan Mekanik, Kelengkapan dan Perkhidmatan Bekalan dan Pengangkutan akan di-tubuhkan bagi Beriged itu.

Berkenaan dengan Askar Wataniah, sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat mengetahui, Kerajaan telah mengishtiharkan keadaan dharurat di-negara kita. Satu Jawatan-kuasa telah di-tubuhkan untuk menentukan tempat² penting atau mustahak yang di-kehendaki di-jaga oleh askar supaya tempat² itu tidak dapat di-binasakan oleh musuh atau pengkhianat². Pada masa ini ada sa-banyak 253 tempat² yang mustahak seperti Pejabat Kerajaan, Pusat Letrik, Ampangan Ayer, Tempat Penyiaran Radio dan lain² lagi. Ini berma'ana-lah bahawa Askar Wataniah ini terpaksa di-perbanyakkan lagi anggota-nya.

Pasokan Pertahanan Tempatan juga akan di-tambah lagi anggota-nya sa-banyak lebih kurang 40,000 orang. Ini maseh tidak menchukupi lagi dan langkah² telah pun di-ambil untuk menambahkan bilangan kekuatan tentera tempatan ini. Satu Pasokan Meriam dan satu Pasokan Pengangkutan Askar Wataniah akan di-tubuhkan dalam tahun 1965.

Satu pasokan pelatoh Askar Wataniah akan di-tubuhkan di-Universiti Malaya. Pasokan Pelatoh ini akan memberi latehan tentera kepada mahasiswa yang ingin berkhidmat dalam Tentera Malaysia sa-telah tamat pengajian mereka itu. Seperti Ahli² Yang Berhormat mengetahui di-universiti kita ada-lah terdapat pemuda² kita yang mempunyai berpelajaran tinggi, dan pemuda² ini ada-lah berguna kepada tentera kita jika sa-lepas mereka itu tamat dalam pelajaran-nya dapat memberi perkhidmatan dalam tentera kita. Mereka itu ada mempunyai atau pun sedang belajar berbagai lapangan seperti sastera, sains, jurutera, perubatan dan lain² lagi.

Mahasiswa itu akan di-lateh dalam masa percutian penggal universiti, supaya tidak mengganggu pelajaran mereka. Dalam chuti penggal pertama,

mereka akan di-hantar ka-Pusat Latehan di-Siputeh sa-lama 2 minggu, dan sa-telah itu mereka akan di-lateh pada hari minggu. Mereka juga akan mengadakan kem tahunan sa-lama 2 minggu.

Berkenaan dengan Tentera Laut pula, di-antara perkara² yang dapat di-selenggarakan dalam tahun 1964 ada-lah seperti berikut:

- (i) Pembelian kapal² yang di-gunakan bagi perundaan di-laut Malaysia;
- (ii) Membesarkan kawasan Kapal di-Raja Malaya ia-itu Ibu Pejabat Tentera Laut di-Raja kita dengan mendirikan bangunan² dan tempat² latehan yang baharu;
- (iii) Membuat pelabohan kapal dan tempat² yang di-anggap mustahak di-Malaysia.

Ada pula perkara² yang telah di-mulakan dalam tahun 1964 tetapi tidak dapat di-tamatkan. Oleh itu pekerjaan ini akan di-teruskan dalam tahun 1965 seperti menyiapkan bahagian pertama Naval Dokyad di-Singapura, termasuk-lah sa-buah Jeti baharu, dan mendirikan sa-buah kediaman tetap di-wilayah Borneo.

Berhubung dengan Tentera Udara pula, banyak kapal²-terbang pengangkutan, latehan dan helikopter telah di-beli dalam tahun 1964. Pekerjaan seperti membena Depo Kelengkapan, dan Tempat Simpanan kapal-terbang akan siap. Pekerjaan yang baharu di-buat dan tidak dapat di-tamatkan dalam tahun 1964 ini termasuk-lah pekerjaan mendirikan rumah² kelamin—married quarters—dan tempat² menyimpan barang² akan di-teruskan dalam tahun 1965.

Dengan ada-nya penambahan kapal²-terbang itu, maka anggota² yang menjalankan pekerjaan-nya terpaksa-lah di-tambah lagi dalam tahun 1965. Satu pengkalan kapal-terbang akan di-adakan di-wilayah Borneo untuk membantu gerakan² yang di-jalankan di-daerah itu.

Satu lagi Pusat Latehan Terbang telah pun di-dirikan untuk melateh askar² yang di-kehendaki dalam

Tentera Udara. Pada masa ini sa-banyak 12 orang Pegawai Muda Udara ada-lah di-lateh di-pusat itu, dan kursus yang kedua mengandongi sa-banyak 15 orang akan di-mulakan di-lateh pada bulan Mach 1965. Walau pun begitu, jumlah Pegawai Penerbangan yang di-kehendaki ada-lah tidak menchukupi dan langkah² telah pun di-ambil untuk pegawai² itu di-lateh di-seberang laut. Saya suka menyatakan bahawa 4 orang Pegawai Muda Udara Malaysia telah pun lulus dalam tahun 1964 dari Royal Air Force, Central Flying School di-England. 2 orang Pegawai Muda Udara lagi telah pun lulus sa-bagai pemandu kapal-terbang helikopter dalam tahun 1964 di-lateh di-Peranchis dan 2 orang lagi Pegawai Muda Udara ada-lah membuat penerbangan di-Sekudran Herald.

Lapangan Penerbangan di-Kuala Lumpur atau pun Kuala Lumpur Airport ini semua-nya akan menjadi Pengkalan Tentera Udara atau pun Royal Malayan Air Force Aerodrome pada pertengahan tahun 1965 manakala Pengkalan Kapal Terbang yang baharu atau pun International Airport yang sedang di-bena itu siap.

Tuan Pengerusi, saya fikir elok juga saya mengambil peluang ini untuk menyentoh tentang peranan yang telah di-jalankan oleh tentera kita dalam menentang pencheroboh² dan juga pengganas² Indonesia yang chuba masuk ka-negara kita ini. Saya berasa bangga bahawa angkatan bersenjata kita, beserta dengan pasokan keselamatan yang lain, telah menjalankan tugas² yang sangat chemerlang dalam hal menghanchorkan pencheroboh² Indonesia yang telah berani masok ka-bumi Malaysia ini. Di-Pontian, di-Labis, di-Sungai Kesang pencheroboh² Indonesia ini, yang ter-diri kebanyakan-nya daripada Pasokan Gerak Chepat Indonesia yang telah terlatah, telah dapat dengan mudah-nya di-musnahkan oleh Pasokan Keselamatan kita. Di-Sungai Kesang, umpama-nya, daripada 50 pencheroboh² yang telah mendarat, telah di-tawan dalam masa 40 jam sa-lapas mereka itu mendarat. Di-Sempadan Sarawak, tiap² serangan pengganas²

Indonesia telah dapat di-patahkan oleh pasokan keselamatan kita dengan mudah-nya. Tidak shak lagi segala perhubungan baharu dari pehak Indonesia untuk mencheroboh kawasan negara kita ini akan di-musnahkan oleh tentera² kita saperti pendaratan mereka di-Sungai Kesang yang telah di-hapuskan oleh tentera kita itu (*Tepok*).

Tuan Pengerusi, dari Padang Besar ka-Pulau Sebatek, tentera² kita bersama² dengan pehak Polis dan juga tentera Commonwealth sedang menjalankan tugas mereka itu dengan penoh semangat dan penoh keazaman untuk mempertahankan negara kita ini daripada sa-barang serangan musuh. Mereka ada-lah siap sedia untuk menentang dan menghanchorkan sa-barang pencherobohan yang mungkin di-lakukan oleh musuh. Jika di-bandingkan dengan tentera² Indonesia, tentera kita ini ada-lah kechil sahaja bilangan-nya tetapi biar pun bilangan-nya kechil, semangat dan juga kecekapan tentera kita tidak ada kurang-nya daripada mana² tentera yang terbaik sa-kali di-dunia ini (*Tepok*).

Saya yakin dengan kecekapan dan ketabahan hati yang telah di-tunjukkan oleh mereka menentang pencheroboh² dan pengganas² Indonesia sa-lama ini, tentera kita akan dapat mematahkan segala perhubungan Soekarno hendak mengganyang Malaysia ini.

Di-sini, Tuan Pengerusi, saya suka mengambil kesempatan untuk mengumamkan bahawa Kerajaan telah membuat keputusan bahawa Anggota² Pasokan Tentera yang di-tempatkan berkhidmat di-Sabah dan Sarawak akan di-beri elaun khas sa-bagai tambahan kepada gaji dan elaun biasa mereka itu saperti berikut:

	sa-hari
Kapada Pegawai ² Kaptan ka-atas ...	\$10.00
Kapada Pegawai ² Leftenan dan Leftenan Muda (Second Lieutenant)	8.00
Kapada Pegawai ² Waran Kelas I dan Kelas II ...	7.00
Kapada Pegawai ² Setaf Sarjan dan Sarjan ...	6.00
Kapada Pegawai ² Koperal ...	5.00
Kapada Pegawai ² Las Koperal/Perebet ...	4.00

Saya perchaya dengan ada elaun² ini dapat-lah mereka itu berasa senang sedikit menjalankan tugas²-nya di-wilayah Sabah dan Sarawak.

Sekarang, Tuan Pengerusi, saya hendak pula mengulas sedikit berkenaan dengan peruntukan wang yang telah di-masokkan dalam Lain² Perbelanjaan Berulang Tiap² Tahun atau OCAR bagi tahun 1965. Wang sa-banyak \$82,952,044 telah di-beri kapada Kementerian Pertahanan dalam tahun 1964 dan angka ini telah menjadi saperti saya sebutkan tadi ia-itu \$116,143,052 bagi tahun 1965. Sa-bahagian besar daripada wang ini ada-lah di-kehendaki bagi bayaran untuk Pasokan Sukarela untuk latehan Tentera Laut, latehan Tentera Udara, kelengkapan perbekalan udara, cha-tuan atau *rations*, pengangkutan dan juga pekerjaan membaiki dan mem-bena dan juga mendirikan barek², kem² dan untuk perjalanan tentera kita.

Peruntukan wang bagi bayaran untuk Pasokan Sukarela telah di-tetapkan lebeh kurang \$10 juta di-sebabkan oleh pengambilan orang² baharu. Peruntukan ini meliputi Askar² Wataniah dan juga Pasokan Perkhidmatan Negara yang akan bertambah lagi anggota-nya. Peruntukan bagi latehan Tentera Laut dan Tentera Udara juga naik sedikit bagi tahun 1965. Ini ada-lah kerana kita ber-kehendakkan banyak pegawai² dan askar² yang terlateh untuk menjalankan pekerjaan² dengan sempurna.

Pechahan Kepala 14—Chatuan—menunjukkan peruntukan \$26,000,000 yang telah di-tetapkan bagi chatuan dan elaun. Angka ini pun di-naikkan dalam tahun 1965 ini kerana tambahan anggota pasokan tentera dan juga kenaikan harga barang².

Bagitu juga gerakan menghapuskan kominis di-sempadan Malaysia dengan negeri Thai maseh terpaksa di-jalankan oleh Pasokan Keselamatan kita. Di-sebabkan tentera² kita terpaksa men-jalankan gerakan dalam hutan, maka mustahak-lah di-hantar barang² makanan, perubatan dan juga peluru², dengan melalui kapalterbang atau

di-gugorkan dari udara. Jadi, dengan sebab itu terpaksa-lah peruntukan dalam lapangan ini bertambah kerana di-wilayah Borneo pun kita menjalan-kan gerakan, terpaksa peruntukan dalam lapangan ini bertambah.

\$6.5 juta di-kehendaki bagi Pechahan Kepala 17—Pengangkutan. Perbelanjaan ini pun tambahan dari \$3.5 juta pada tahun 1951. Ini pun di-sebabkan oleh tambahan bilangan tentera² kita.

Bagitu juga sa-banyak \$6.1 juta di-bawah Perbelanjaan Khas ada-lah di-perlu² bagi membeli perkakas² dan menyediakan barang² untuk kehendak tentera² kita yang akan bertambah bilangan-nya pada tahun 1965.

Bagitu juga Kelapa 40—Perkakas dan Barang Perumahan sa-banyak \$1.2 juta di-kehendaki untuk membeli perkakas² kerusi meja dan perkakas tidor yang akan di-beri kapada rumah² yang sedang di-dirikan bagi pasokan tentera kita.

Bagitu juga Pechahan Kepala 50—Penyenggaraan Kapal Terbang dan Alat Perkakas-nya telah pun di-naikkan menjadi \$300,000 sebab kita berkehendakkan perkakas yang lebeh lagi dalam tahun 1965.

Pechahan Kepala 57—Membeli Barang² Keperluan untuk Pasokan Sukarela Simpanan Tentera Laut Di-Raja. Wang sa-banyak \$150,000 di-kehendaki untuk menggantikan satu kapal bernama *Panji* yang di-gunakan oleh Pasokan Latehan, Pasokan Sukarela Simpanan atau R.M.N.V.R. yang sangat mustahak di-adakan kapal yang baharu ini sebab kapal yang ada sekarang ini sudah tidak dapat di-gunakan lagi.

Tuan Pengerusi, saya hendak me-nyatakan bahawa peruntukan wang yang di-minta luluskan bagi Kemen-terian Pertahanan ada-lah untuk perbelanjaan bagi perkara² yang dapat di-tentukan sahaja pada masa ini. Saya perchaya ada lagi perkara² yang baharu yang akan timbul dalam tahun 1965 yang kita akan terpaksa berke-hendakkan wang tambahan lagi dan saya akan terpaksa meminta Dewan

ini meluluskan perbelanjaan² dari satu masa ka-satu masa.

Saperti yang saya terangkan tadi, tentera kita terpaksa di-perbesarkan sekarang ini—Tentera Laut, Tentera Darat dan juga Tentera Udara. Jadi dengan sebab itu kita terpaksa mengadakan perbelanjaan² dalam semua lapangan daripada satu masa ka-satu masa. Dasar kita dalam lapangan pertahanan ini-lah yang kita hendak membesar dan meluaskan tentera² kita, Tentera Darat, Tentera Udara dan Tentera² Laut supaya kita ada mempunyai tentera yang chukup lengkap, yang boleh menolong, bukan sahaja menolong pasukan Polis untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman dalam negeri, bahkan dapat mempertahankan negara kita daripada serangan² daripada luar. Jika ada serangan daripada luar yang besar—yang kuat—ta' dapat tiada kita terpaksa meminta pertolongan daripada

rakan² kita. Tetapi dalam keadaan huru-hara di-Tenggara Asia pada masa ini, mustahak-lah kita Malaysia, satu negara yang merdeka, mempunyai tentera pertahanan yang chukup lengkap, yang boleh mengambil bahagian yang sempurna bagi mempertahankan kedaulatan dan kehormatan negara kita. Jadi, dengan sebab itu kita terpaksa mengambil langkah yang tegas untuk membesar dan memperluaskan tentera kita. Tuan Pengerusi, sakian-lah sahaja saya menchadangkan Kepala S. 17 ini di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual (*Tepok*).

House resumes.

Mr Speaker: Honourable Members, I have to report that the Committee of Supply on the Supply Bill, 1965 has progressed up to Head S. 16 of the Schedule to the Bill. The meeting is adjourned to 10 a.m. tomorrow.

Adjourned at 6.45 p.m.